

NOTA LENGKAP

Tasawwur Islam Tingkatan 4

Disusun berdasarkan sukatan KBSM
Merangkumi semua bab dan topik
Soalan topikal disediakan
di akhir setiap tajuk
Amat praktikal dan
sesuai dengan
kehendak
semasa



Safae h. Zakaria

BAB 1

ASAS PEMIKIRAN ISLAM

Pelajaran 1	Konsep Ketuhanan	3
Pelajaran 2	Konsep Kerasulan	22
Pelajaran 3	Konsep Insan	37
Pelajaran 4	Konsep Alam	46
Pelajaran 5	Tanggungjawab Memelihara dan Memulihara Alam	55
Pelajaran 6	Unit 1 dan 2 - Kedudukan Wahyu	61
	Unit 3 - Kedudukan Akal	71
	Unit 4 – Islam Agama Syumul	78
Pelajaran 7	Bimbingan Al-Quran	84
Pelajaran 8	Bimbingan Hadis	95
Pelajaran 9	Pengaruh Yang Merosakkan Pemikiran Muslim	104

BAB 2

CIRI PANDANGAN HIDUP MUSLIM

Pelajaran 10	Rabaniyyah	118
Pelajaran 11	Syumuliyyah	125
Pelajaran 12	Waqiiyyah	131
Pelajaran 13	Alamiyyah	137
Pelajaran 14	Murunah	143

BAB 3 INSTITUSI ISLAM

Pelajaran 15	Sistem Pemerintahan Islam	
	Unit 1 – Negara Islam	150
	Unit 2 – Khalifah	154
	Unit 3 – Rakyat	156
Pelajaran 16	Sistem kehakiman Islam	165
Pelajaran 17	Sistem Sosial Islam	176

PELAJARAN 1

KONSEP KETUHANAN

KONSEP KETUHANAN

MAKSUD TUHAN

Allah yang mempunyai kuasa mutlak yang Maha Sempurna, tiada cacat celanya dan dapat di akui sebagai pencipta, pentadbir dan pemilik alam ini. Tiada kuasa lain yang dapat menyamai dan menandingi kuasa Allah SWT.

Ciri-Ciri Ketuhanan

1. Rububiyah

2. Uluhiyyah

Manusia memerlukan Tuhan dalam kehidupan mereka kerana;

1. Fitrah semulajadi manusia yang mempunyai kepercayaan kepada suatu kuasa yang Maha Agung
2. Hanya kepercayaan kepada Tuhan dapat menjadikan kehidupan manusia lebih sempurna dan selamat.
3. Kepercayaan kepada Tuhan menyebabkan manusia sentiasa menjauhkan diri daripada perkara-perkara negatif dalam kehidupan.

RUBUBIYYAH

MAKSUD

Keyakinan (iktikad) dalam hati secara mutlak bahawa Allah SWT yang mentadbirkan dan menguruskan semua benda dan perkara di dunia ini dan tiada pentadbir lain, melainkan Allah SWT yang maha berkuasa dan Esa.

Konsep Rububiyah

1. Allah SWT Pencipta, Pentadbir dan Pemilik Alam ini.
2. Allah SWT berkuasa memberi sesuatu mengikut kehendakNya
3. Kekuasaan Allah SWT meliputi langit dan bumi

CIRI-CIRI RUBUBIYYAH

- **Mempunyai kuasa mencipta sesuatu daripada tiada kepada ada**
- **Mencipta sesuatu dan mengadakan segala kemudahan untuk ciptaannya hidup dengan selesa**
- **Mencipta sesuatu dengan kehendakNya sendiri tanpa bantuan dan suruhan daripada kuasa lain.**
- **Menyediakan petunjuk dan pedoman (agama) kepada makhluk ciptaanNya**

CARA BERIMAN DENGAN SIFAT RUBUBIYYAH ALLAH


- **Yakin bahawa Allah SWT yang mencipta alam ini**
- **Yakin bahawa setiap manusia telah ditentukan rezekinya oleh Allah SWT**
- **Beriman dengan agama yang telah diturunkan oleh Allah SWT (Agama Islam)**
Yakin bahawa hanya Allah SWT sahaja yang mampu mentadbir alam ini dengan sempurna

ULUHIYYAH

Maksud

Keyakinan (iktikad) dalam hati secara mutlak bahawa Allah SWT yang Maha Esa yang layak disembah, ditaati dan dipatuhi secara mutlak.

Konsep Uluhiyyah



Ciri-ciri Uluhiyyah

- Dapat menunaikan segala permintaan hambanya
- Berkuasa untuk menghidup dan mematikan hambanya
- Berkuasa untuk hukum-hukum yang sesuai dengan kehendak manusia (Islam)

Perbezaan antara Tauhid Rububiyyah dan Tauhid Uluhiyyah

Tauhid Rububiyyah	Tauhid Uluhiyyah
Keyakinan dalam hati secara mutlak bahawa Allah SWT sebagai pentadbir, pemilik dan pengurus alam ini.	Keyakinan dalam hati secara mutlak bahawa Allah SWT yang Maha Esa dan layak di sembah.
Di percayai dan diyakini oleh semua manusia	Hanya di percayai dan diyakini oleh orang Islam sahaja.

Asma' wa Sifat

Maksud

Allah SWT mempunyai nama-nama yang indah dan memiliki sifat-sifat yang mulia



ASMA UL HUSNA (NAMA-NAMA ALLAH YANG MULIA)

No	Nama	Maksud	Arab	Antara lain terdapat dalam Al-Quran
1	ar-Rahmaan	Maha Pengasih	الرحمن	Al-Faatihah: 3
2	ar-Rahiim	Maha Penyayang	الرحيم	Al-Faatihah: 3
3	al-Malik	Maha Merajai/Memerintah	المالك	Al-Mu'minuun: 11
4	al-Qudduus	Maha Suci	القدوس	Al-Jumu'ah: 1
5	as-Salaam	Maha Memberi Kesejahteraan	السلام	Al-Hasyr: 23
6	al-Mu'min	Yang Memberi Keamanan	المؤمن	Al-Hasyr: 23

No	Nama	Maksud	Arab	Antara lain terdapat dalam Al-Quran
7	<i>al-Muhaimin</i>	Maha Pemelihara	المهيمن	Al-Hasyr: 23
8	<i>al-'Aziiz</i>	Maha Gagah	العزيز	Aali 'Imran: 62
9	<i>al-Jabbaar</i>	Maha Perkasa	الجبار	Al-Hasyr: 23
10	<i>al-Mutakabbir</i>	Maha Megah, Yang Memiliki Kebesaran	المتكبر	Al-Hasyr: 23
11	<i>al-Khaaliq</i>	Maha Pencipta	الخالق	Ar-Ra'd: 16
12	<i>al-Baari'</i>	Yang Melepaskan (Membuat, Membentuk, Menyeimbangkan)	البارئ	Al-Hasyr: 24
13	<i>al-Mushawwir</i>	Yang Membentuk Rupa (makhluknya)	المصور	Al-Hasyr: 24
14	<i>al-Ghaffaar</i>	Maha Pengampun	الغفار	Al-Baqarah: 235
15	<i>al-Qahhaar</i>	Yang Memaksa	القهار	Ar-Ra'd: 16
16	<i>al-Wahhaab</i>	Maha Pemberi Karunia	الوهاب	Aali 'Imran: 8
17	<i>ar-Razzaq</i>	Maha Pemberi Rezeki	الرزاق	Adz-Dzaariyaat: 58
18	<i>al-Fattaah</i>	Maha Pembuka Rahmat	الفتاح	Sabaa': 26
19	<i>al-'Aliim</i>	Maha Mengetahui (Memiliki Ilmu)	العليم	Al-Baqarah: 29
20	<i>al-Qaabidh</i>	Yang Menyempitkan (makhluknya)	القبض	Al-Baqarah: 245
21	<i>al-Baasith</i>	Yang Melapangkan (makhluknya)	البسط	Ar-Ra'd: 26
22	<i>al-Khaafidh</i>	Yang Merendahkan (makhluknya)	الخص	Hadits at-Tirmizi
23	<i>ar-Raafi'</i>	Yang Meninggikan (makhluknya)	الرافع	Al-An'aam: 83
24	<i>al-Mu'izz</i>	Yang Memuliakan (makhluknya)	المعز	Aali 'Imran: 26
25	<i>al-Mudzdill</i>	Yang Menghinakan (makhluknya)	المذل	Aali 'Imran: 26
26	<i>as-Samii'</i>	Maha Mendengar	السميع	Al-Israa': 1

No	Nama	Maksud	Arab	Antara lain terdapat dalam Al-Quran
27	<i>al-Bashiir</i>	Maha Melihat	البصير	Al-Hadiid: 4
28	<i>al-Hakam</i>	Maha Menetapkan	الحكم	Al-Mu'min: 48
29	<i>al-'Adl</i>	Maha Adil	العدل	Al-An'aam: 115
30	<i>al-Lathiif</i>	Maha Lembut	اللطيف	Al-Mulk: 14
31	<i>al-Khabiir</i>	Maha Mengetahui Rahasia	الخبير	Al-An'aam: 18
32	<i>al-Haliim</i>	Maha Penyantun	الحييم	Al-Baqarah: 235
33	<i>al-'Azhiim</i>	Maha Agung	العظيم	Asy-Syuura: 4
34	<i>al-Ghafuur</i>	Maha Pengampun	الغفور	Aali 'Imran: 89
35	<i>asy-Syakuur</i>	Maha Pembalas Budi (Menghargai)	الشكور	Faathir: 30
36	<i>al-'Aliyy</i>	Maha Tinggi	العلي	An-Nisaa': 34
37	<i>al-Kabiir</i>	Maha Besar	الكبير	Ar-Ra'd: 9
38	<i>al-Hafiizh</i>	Maha Menjaga	الحفيظ	Huud: 57
39	<i>al-Muqiit</i>	Maha Pemberi Kecukupan	المقيت	An-Nisaa': 85
40	<i>al-Hasiib</i>	Maha Membuat Perhitungan	الحسيب	An-Nisaa': 6
41	<i>al-Jaliil</i>	Maha Mulia	الجليل	Ar-Rahmaan: 27
42	<i>al-Kariim</i>	Maha Pemurah	الكريم	An-Naml: 40
43	<i>ar-Raqiib</i>	Maha Mengawasi	الرقيب	Al-Ahzaab: 52
44	<i>al-Mujiib</i>	Maha Mengabulkan	الجي	Huud: 61
45	<i>al-Waasi'</i>	Maha Luas	الواسع	Al-Baqarah: 268
46	<i>al-Hakiim</i>	Maka Bijaksana	الحكيم	Al-An'aam: 18
47	<i>al-Waduud</i>	Maha Pencinta	الودود	Al-Buruuj: 14

No	Nama	Maksud	Arab	Antara lain terdapat dalam Al-Quran
48	<i>al-Majiid</i>	Maha Mulia	المجيد	Al-Buruuj: 15
49	<i>al-Baa'its</i>	Maha Membangkitkan	الباعث	Yaasiin: 52
50	<i>asy-Syahiid</i>	Maha Menyaksikan	الشهيد	Al-Maaidah: 117
51	<i>al-Haqq</i>	Maha Benar	الحق	Thaahaa: 114
52	<i>al-Wakiil</i>	Maha Memelihara	الوكيل	Al-An'aam: 102
53	<i>al-Qawiyy</i>	Maha Kuat	القوى	Al-Anfaal: 52
54	<i>al-Matiin</i>	Maha Kukuh	المتين	Adz-Dzaariyaat: 58
55	<i>al-Waliyy</i>	Maha Melindungi	الولى	An-Nisaa': 45
56	<i>al-Hamiid</i>	Maha Terpuji	الحميد	An-Nisaa': 131
57	<i>al-Muhshi</i>	Maha Menghitung	الحصى	Maryam: 94
58	<i>al-Mubdi'</i>	Maha Memulai	المبدئ	Al-Buruuj: 13
59	<i>al-Mu'id</i>	Maha Mengembalikan Kehidupan	المعيد	Ar-Ruum: 27
60	<i>al-Muhyi</i>	Maha Menghidupkan	المحيى	Ar-Ruum: 50
61	<i>al-Mumiit</i>	Maha Mematikan	المميت	Al-Mu'min: 68
62	<i>al-Hayy</i>	Maha Hidup	الحى	Thaahaa: 111
63	<i>al-Qayyuum</i>	Maha Mandiri	القيوم	Thaahaa: 11
64	<i>al-Waajid</i>	Maha Penemu	الواجد	Adh-Dhuhaa: 6-8
65	<i>al-Maajid</i>	Maha Mulia	الماجد	Huud: 73
66	<i>al-Waahid</i>	Maha Esa	الواحد	Al-Baqarah: 133
67	<i>al-Ahad</i>	Maha Esa	الاحد	Al-Ikhlaas: 1
68	<i>ash-Shamad</i>	Maha Diperlukan, Tempat Meminta	الصمد	Al-Ikhlaas: 2
69	<i>al-Qaadir</i>	Maha Menentukan, Maha	القادر	Al-Baqarah: 20

No	Nama	Maksud	Arab	Antara lain terdapat dalam Al-Quran
		Menyeimbangkan		
70	<i>al-Muqtadir</i>	Maha Berkuasa	المقتدر	Al-Qamar: 42
71	<i>al-Muqqadim</i>	Maha Mendahulukan	المقدم	Qaaf: 28
72	<i>al-Mu'akhkhir</i>	Maha Mengakhirkan	المؤخر	Ibraahiim: 42
73	<i>al-Awwal</i>	Maha Awal (Alfa)	الأول	Al-Hadiid: 3
74	<i>al-Aakhir</i>	Maha Akhir (Omega)	الأخر	Al-Hadiid: 3
75	<i>azh-Zhaahir</i>	Maha Nyata	الظاهر	Al-Hadiid: 3
76	<i>al-Baathin</i>	Maha Ghaib	الباطن	Al-Hadiid: 3
77	<i>al-Waalii</i>	Maha Memerintah	الوالي	Ar-Ra'd: 11
78	<i>al-Muta'aalii</i>	Maha Tinggi	المتعالي	Ar-Ra'd: 9
79	<i>al-Barr</i>	Maha Penderma	البر	Ath-Thuur: 28
80	<i>at-Tawwaab</i>	Maha Penerima Tobat	التواب	An-Nisaa': 16
81	<i>al-Muntaqim</i>	Maha Penyiksa	المنتقم	As-Sajdah: 22
82	<i>al-'Afuww</i>	Maha Pemaaf	العفو	An-Nisaa': 99
83	<i>ar-Ra'uuf</i>	Maha Pengasih	الرؤوف	Al-Baqarah: 207
84	<i>Maalik al-Mulk</i>	Penguasa Kerajaan (Semesta)	ملك الملك	Aali 'Imran: 26
85	<i>Zuljalaal wa al-'Ikraam</i>	Pemilik Kebesaran dan Kemuliaan	الجلال والإكرام	Ar-Rahmaan: 27
86	<i>al-Muqsith</i>	Maha Adil	القسط	An-Nuur: 47
87	<i>al-Jaami'</i>	Maha Mengumpulkan	الجمع	Sabaa': 26
88	<i>al-Ghaniyy</i>	Maha Berkecukupan	الغنى	Al-Baqarah: 267
89	<i>al-Mughnii</i>	Maha Memberi Kekayaan	المغنى	An-Najm: 48
90	<i>al-Maani'</i>	Maha Mencegah	المانع	Hadits at-Tirmizi

No	Nama	Maksud	Arab	Antara lain terdapat dalam Al-Quran
91	<i>adh-Dhaarr</i>	Maha Memberi Derita	الضار	Al-An'aam: 17
92	<i>an-Naafi'</i>	Maha Memberi Manfaat	النافع	Al-Fath: 11
93	<i>an-Nuur</i>	Maha Bercahaya (Menerangi, Memberi Cahaya)	النور	An-Nuur: 35
94	<i>al-Haadii</i>	Maha Pemberi Petunjuk	الهادئ	Al-Hajj: 54
95	<i>al-Badii'</i>	Maha Pencipta	البداع	Al-Baqarah: 117
96	<i>al-Baaqii</i>	Maha Kekal	الباقى	Thaahaa: 73
97	<i>al-Waarits</i>	Maha Pewaris	الوارث	Al-Hijr: 23
98	<i>ar-Rasyiid</i>	Maha Pandai	الرشيد	Al-Jin: 10
99	<i>ash-Shabuur</i>	Yang Maha Sabar	الصبور	Hadits at-Tirmizi Sumber: http://islam.elvini.net/Allah SWT.cgi?asmaulhusna

SIFAT 20

Bil	Sifat Wajib	Maksud	Sifat	Sifat Mustahil	Maksud
1.	<i>Wujud</i>	Ada	Nafsiah	<i>Adam</i>	Tiada
2.	<i>Qidam</i>	Dahulu	Salbiah	<i>Haduth</i>	Baharu
3.	<i>Baq</i>	Kekal	Salbiah	<i>Fana</i>	Akan binasa
4.	<i>Mukhalafatuhu lilhawadith</i>	Berlainan dengan ciptaan-Nya	Salbiah	<i>Mumathalatuhu lilhawadith</i>	Menyamai atau bersamaan bagi-Nya dengan suatu yang baru
5.	<i>Qiamuhu binafsih</i>	Berdiri-Nya dengan sendiri	Salbiah	<i>Qiamuhu bighairih</i>	Berdiri-Nya dengan yang lain
6.	<i>Wahdaniat</i>	Tunggal	Salbiah	<i>Ta'addud</i>	Berbilang-bilang
7.	<i>Qudrat</i>	Berkuasa	Ma'ani	<i>Ajzun</i>	Lemah
8.	<i>Iradat</i>	Berkehendak menentukan	Ma'ani	<i>Karahah</i>	Benci iaitu tidak menentukan
9.	<i>Ilmu</i>	Mengetahui	Ma'ani	<i>Jahlun</i>	Bodoh
10.	<i>Hayat</i>	Hidup	Ma'ani	<i>Al-Maut</i>	Mati
11.	<i>Sama'</i>	Mendengar	Ma'ani	<i>As-Summu</i>	Pekak

Bil	Sifat Wajib	Maksud	Sifat	Sifat Mustahil	Maksud
12.	<i>Basar</i>	Melihat	Ma'ani	<i>Al-Umyu</i>	Buta
13.	<i>Kalam</i>	Berkata-kata	Ma'ani	<i>Al-Bukmu</i>	Bisu
14.	<i>Kaunuhu qadiran</i>	Keadaan-Nya yang berkuasa	Ma'nawiyah	<i>Kaunuhu ajizan</i>	Keadaan-Nya yang lemah
15.	<i>Kaunuhu muriidan</i>	Keadaan-Nya yang berkehendak menentukan	Ma'nawiyah	<i>Kaunuhu kaarihan</i>	Keadaan-Nya yang benci iaitu tidak menentukan
16.	<i>Kaunuhu 'aliman</i>	Keadaan-Nya yang mengetahui	Ma'nawiyah	<i>Kaunuhu jahilan</i>	Keadaan-Nya yang bodoh
17.	<i>Kaunuhu hayyan</i>	Keadaan-Nya yang hidup	Ma'nawiyah	<i>Kaunuhu mayitan</i>	Keadaan-Nya yang mati
18.	<i>Kaunuhu sami'an</i>	Keadaan-Nya yang mendengar	Ma'nawiyah	<i>Kaunuhu asamma</i>	Keadaan-Nya yang pekak
19.	<i>Kaunuhu basiiran</i>	Keadaan-Nya yang melihat	Ma'nawiyah	<i>Kaunuhu a'maa</i>	Keadaan-Nya yang buta
20.	<i>Kaunuhu mutakalliman</i>	Keadaan-Nya yang berkata-kata	Ma'nawiyah	<i>Kaunuhu abkam</i>	Keadaan-Nya yang kelu

Fitrah Beragama

Maksud Fitrah

Sifat semulajadi yang ada pada setiap kejadian Allah SWT seperti makan , minum, beragama, berkeluarga dan sebagainya

Maksud Fitrah Beragama

Naluri semulajadi manusia yang mengakui adanya Allah SWT.

Bukti beragama merupakan fitrah semulajadi manusia

- Manusia terdorong memohon kepada sesuatu yang dipercayai mempunyai kuasa ghaib yang boleh membantu melindungi dan menunaikan sesuatu hajat mereka. Contohnya masyarakat primatif memuja sungai, semangat dan sebagainya.
- Secara fitrah manusia mengakui kewujudan sesuatu yang berkuasa dan berusaha mencarinya. Contohnya usaha Nabi Ibrahim mencari-cari tuhan yang sebenar untuk di sembah.
- Manusia akan kembali mengingati tuhan apabila di timpa bencana dan musibah untuk memohon pertolongan. Kerana mereka yakin hanya kuasa ghaib sahaja yang mampu menolong mereka, iaitu tuhan.

Perbedaan antara orang yang beragama dengan tidak beragama

Orang Beragama	Orang tidak beragama
Sentiasa reda dengan ketentuan Allah SWT	Berasa keluh kesah, kecewa, putus asa dan melakukan kemudaratan kepada diri sendiri
Bersyukur dengan nikmat yang dimiliki dengan cara memanfaatkan kejalan Allah SWT	Ingkar dengan ketentuan Allah dan menggunakan nikmat yang diberikan untuk kepentingan diri sendiri dan maksiat
Melakukan sesuatu pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah SWT	Melakukan sesuatu untuk kepentingan diri dan mengharapkan pujian dan sanjungan orang ramai
Memiliki jiwa yang mantap dan teguh atas prinsip kebenaran	Mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang merosakkan
Memiliki kesempurnaan akhlak, menghormati rakan, jiran dan tidak mencintai dunia	Berakhlak buruk, suka menimbulkan kekacauan dan hidup untuk dunia semata-mata

Peranan Agama dalam membina Tamadun

1. Menghendaki umat Islam berfikir secara kreatif dan inovatif
2. Mewajibkan umat Islam menuntut dan mendalami ilmu pengetahuan
3. Islam mengatur peradaban dan akhlak yang terpuji untuk memastikan manusia dapat hidup dengan aman dan bahagia di dunia dan akhirat
4. Menuntut penganutnya beramal dan berusaha untuk memajukan diri, bangsa dan negara

PELAJARAN 1 : KONSEP KETUHANAN

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1 Orang yang beriman dengan tauhid uluhiyyah akan sentiasa _____
 - A menyayangi Allah s.w.t.
 - B meyakini kekuasaan Allah s.w.t.
 - C mengingkari perintah Allah s.w.t.
 - D menyembah dan mentaati Allah s.w.t.
- 2 Uluhiyyah ialah percaya _____
 - A bahawa Allah s.w.t. Maha Esa
 - B bahawa Allah s.w.t. Maha Berkuasa
 - C bahawa Allah s.w.t. Maha Bijaksana
 - D bahawa Allah s.w.t. Maha Mendengar
- 3 Kalimah _____ adalah merujuk kepada tauhid uluhiyyah
 - A sa'adah
 - B syahadah
 - C mahmudah
 - D musyahadah
- 4 Manakah antara berikut pernyataan yang benar tentang uluhiyyah?
 - i Paksi utama tauhid Uluhiyyah ialah kalimah sa'adah
 - ii Paksi utama tauhid Uluhiyyah ialah kalimah syahadah
 - iii Orang yang tidak beriman dengan tauhid uluhiyyah akan sesat
 - iv Orang yang tidak beriman dengan tauhid uluhiyyah akan bahagia
 - A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i dan iv
- 5 Fitrah beragama ialah naluri semula jadi _____
 - A menyayangi Allah s.w.t.
 - B mengaku adanya Allah s.w.t.
 - C beribadah kepada Allah s.w.t.
 - D menolak kewujudan Allah s.w.t.

- 6 Berikut adalah nama-nama Allah s.w.t. **kecuali**
- A al-Mujib
 - B al-Hasib
 - C al-Kazib
 - D al-Wahab
- 7 Pernyataan manakah yang menerangkan ciri-ciri Tauhid Rububiyyah
- i Allah s.w.t. menguasai langit dan bumi
 - ii Allah s.w.t. Pencipta, Pemilik dan Pentadbir alam
 - iii Allah s.w.t. mengakui hanya Dia yang layak disembah
 - iv Allah s.w.t. berkuasa memberi sesuatu mengikut kehendaknya
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv
- 8 Berikut adalah cara memelihara agama, **kecuali**
- A mengambil tindakan yang tegas terhadap penyeleweng agama
 - B mempertahankan dan mengembangkan agama Islam
 - C mengasihi semua orang yang beragama
 - D menjaga kesucian akidah Islam
- 9
- al-Azim
 - al-Hakim
 - al-Karim
 - al-Muntaqim
- Nama-nama di atas merujuk kepada
- A Waqi'iyah
 - B Rububiyyah
 - C Asmaul Husna
 - D Asma' wa-Sifat
- 10
- Silih berganti siang dan malam,
Seluruh maya Allah s.w.t. yang empunya,
Dia Pencipta dan Pentadbir alam,
Memerintah mengikut kehendak-Nya.
- Pantun di atas merujuk kepada konsep
- A Waqi'iyah
 - B Rububiyyah
 - C Syumuliyyah
 - D Rabbaniyyah

- 11 _____ bermaksud sifat semula jadi yang ada pada setiap kejadian Allah s.w.t.
A Fatonah
B Fitnah
C Fitrah
D Fasik
- 12 Allah s.w.t. memiliki _____ nama bagi diri-Nya yang dikenali sebagai Asmaul Husna
A 25
B 40
C 50
D 99
- 13 Seseorang itu menolak agama kerana
i dorongan nafsu
ii inginkan kebebasan
iii tiada didikan agama
iv mudah menerima kebenaran
A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

BAHAGIAN B : Respon terhad.

Soalan 14 hingga 23

Lengkapkan pernyataan berikut.

- 14 Allah s.w.t. memiliki nama-nama yang indah dan _____ yang sempurna.
- 15 Paksi utama tauhid Uluhiyyah ialah _____.
- 16 Umat Islam wajib meyakini _____ yang layak disembah dan ditaati.
- 17 Ilmu _____ wajib dituntut oleh setiap orang Islam.
- 18 Fitrah ialah naluri semulajadi yang ada pada setiap _____.
- 19 Fitrah _____ ialah naluri semulajadi mengaku adanya Allah s.w.t.
- 20 Orang yang menolak konsep Uluhiyyah akan menjadi _____.
- 21 Allah s.w.t. memiliki 20 sifat wajib dan _____ sifat mustahil.
- 22 Orang yang beragama akan memiliki _____ yang mulia.
- 23 Peradaban yang ditetapkan dalam Islam bertujuan untuk mendapat _____ di dunia dan akhirat.

Soalan 24 hingga 27

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- | | | | |
|----|---|--|---|
| 24 | Naluri semulajadi manusia yang mengakui adanya Allah s.w.t. | <div style="border: 1px solid black; width: 150px; height: 25px; margin: 0 auto;"></div> | <div style="border: 1px solid black; width: 50px; height: 50px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;"><div style="border: 1px solid black; width: 20px; height: 20px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">1</div></div> |
| 25 | Mengakui bahawa hanya Allah s.w.t. yang layak disembah, ditaati dan dipatuhi secara mutlak. | <div style="border: 1px solid black; width: 150px; height: 25px; margin: 0 auto;"></div> | <div style="border: 1px solid black; width: 50px; height: 50px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;"><div style="border: 1px solid black; width: 20px; height: 20px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">1</div></div> |
| 26 | Mengakui hanya Allah s.w.t. Pencipta, Pentadbir dan Pemilik alam ini. | <div style="border: 1px solid black; width: 150px; height: 25px; margin: 0 auto;"></div> | <div style="border: 1px solid black; width: 50px; height: 50px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;"><div style="border: 1px solid black; width: 20px; height: 20px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">1</div></div> |
| 27 | Allah s.w.t. memiliki nama-nama yang indah dan sifat-sifat yang sempurna. | <div style="border: 1px solid black; width: 150px; height: 25px; margin: 0 auto;"></div> | <div style="border: 1px solid black; width: 50px; height: 50px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;"><div style="border: 1px solid black; width: 20px; height: 20px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">1</div></div> |

Soalan 28 hingga 39

Untuk
kegunaan
Pemeriksa

Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan (✗) pada pernyataan yang SALAH.

- | | | | |
|---|----|--|--|
| <div style="border: 1px solid black; width: 50px; height: 50px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">1</div> | 28 | Allah s.w.t. memiliki 99 nama yang indah. | <div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 25px; margin: 0 auto;"></div> |
| <div style="border: 1px solid black; width: 50px; height: 50px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">1</div> | 29 | Orang yang tidak beragama digelar sebagai mulhid | <div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 25px; margin: 0 auto;"></div> |
| <div style="border: 1px solid black; width: 50px; height: 50px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">1</div> | 30 | Allah s.w.t. adalah berbilang-bilang | <div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 25px; margin: 0 auto;"></div> |
| <div style="border: 1px solid black; width: 50px; height: 50px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">1</div> | 31 | Islam tidak menggalakkan umatnya berfikir secara kreatif dan kritis. | <div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 25px; margin: 0 auto;"></div> |
| <div style="border: 1px solid black; width: 50px; height: 50px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">1</div> | 32 | Setiap manusia mempunyai naluri yang mengaku adanya Tuhan | <div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 25px; margin: 0 auto;"></div> |
| <div style="border: 1px solid black; width: 50px; height: 50px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">1</div> | 33 | Orang yang beragama mempunyai banyak harta | <div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 25px; margin: 0 auto;"></div> |
| <div style="border: 1px solid black; width: 50px; height: 50px; display: flex; align-items: center; justify-content: center;">1</div> | 34 | Agama Islam mementingkan hubungan manusia dengan manusia semata-mata | <div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 25px; margin: 0 auto;"></div> |

☐	☐	1	35	Orang yang tidak beragama dikasihi oleh musuh Allah s.w.t.	☐
☐	☐	1	36	Pentadbiran Allah s.w.t. meliputi langit dan bumi.	☐
☐	☐	1	37	Fatonah ialah sifat semulajadi yang ada pada setiap ciptaan Allah s.w.t.	☐
☐	☐	1	38	Allah s.w.t. sahaja yang layak disembah, ditaati dan dipatuhi.	☐
☐	☐	1	39	Bencana tsunami membuktikan kekuasaan Allah s.w.t.	☐

Soalan 40 hingga 44


Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Konsep Rububiyah	Y	Konsep Uluhiyyah
---	------------------	---	------------------

		Pernyataan	Jawapan
1	40	Allah s.w.t. pentadbir dan pemilik alam.	
1	41	Mengakui hanya Allah s.w.t. yang layak disembah dan ditaati.	
1	42	Paksi utama keimanan kepada tauhid ini ialah kalimah syahadah.	
1	43	Allah s.w.t. berkuasa memberi sesuatu mengikut kehendak-Nya.	
1	44	Kekuasaan Allah s.w.t. meliputi langit dan bumi.	

Soalan 45 hingga 46

Carta di bawah berkaitan dengan konsep ketuhanan.



45 Konsep X ialah : _____

46 Konsep Y ialah : _____

soalan 47 hingga 50

Padankan istilah berikut dengan pernyataan yang diberikan dengan cara menulis nombor jawapan pada ruangan yang disediakan.

(47) Fitrah

(a) Mengakui bahawa hanya Allah s.w.t. yang layak disembah, ditaati dan dipatuhi secara mutlak.

(48) Ululhiyyah

(b) Mengakui hanya Allah s.w.t. Pencipta, Pentadbir dan pemilik alam

(49) Rububiyah

(c) Allah s.w.t. memiliki 99 nama yang indah.

(50) Asma' wa-sifat

(d) Naluri semulajadi manusia yang mengakui adanya Allah s.w.t.


47 _____

48 _____

49 _____

50 _____

Soalan 51 hingga 53



Nyatakan bilangan sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah s.w.t. di P, Q dan R.

51 P : _____

52 Q : _____

53 R : _____

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Nyatakan pengertian uluhiyyah
- 2 Jelaskan tiga konsep Uluhiyyah
- 3 Nyatakan pengertian Rububiyyah
- 4 Huraikan tiga konsep Rububiyyah
- 5 Jelaskan dua perbezaan antara tauhid Rububiyyah dengan tauhid Uluhiyyah
- 6 Huraikan dua peranan agama dalam membina tamadun yang cemerlang
- 7 Jelaskan tiga ciri orang yang beragama

PELAJARAN 2 KONSEP KERASULAN

MAKSUD NABI DAN RASUL

NABI : ialah manusia lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu untuk dirinya dan tidak wajib disampaikan kepada orang lain.

RASUL : ialah manusia lelaki yang dipilih oleh Allah SWT dari kalangan para nabi, diberikan wahyu untuk dirinya dan wajib disampaikan kepada umatnya. Rasul merupakan utusan Allah SWT kepada seluruh umat manusia, termasuk jin.

PERBEZAAN ANTARA NABI DAN RASUL

NABI	RASUL
Diberikan wahyu hanya untuk dirinya sendiri sahaja	Diberikan wahyu untuk dirinya dan wajib disampaikan kepada orang lain
Bilangannya terlalu ramai	Bilangan rasul hanya 313 orang sahaja
Seorang nabi tidak semestinya rasul	Seorang rasul adalah juga seorang nabi
Nabi tidak diturunkan kitab suci	Menerima suhuf atau kitab suci untuk disampaikan kepada umatnya
Umat Islam tidak diwajibkan mengetahui bilangan para nabi secara keseluruhannya	Wajib mengetahui bilangan dan nama 25 orang rasul sahaja

RASUL ULUL AZMI

MAKSUD ialah para rasul yang memiliki tahap kesabaran yang amat tinggi dalam menghadapi rintangan dan tentangan daripada umatnya ketika menyampaikan ajaran dan seruan kepada umatnya.

Rasul yang bergelar Ulul Azmi :

1. Nabi Muhammad SAW
2. Nabi Nuh a.s
3. Nabi Musa a.s
4. Nabi Ibrahim a.s.
5. Nabi Isa a.s

Sebab mereka mendapat gelaran Ulul Azmi

1. Sebagai pengiktirafan terhadap Keteguhan hati dan penderitaan yang dihadapi ketika menjalankan dakwah mereka
2. Mereka tidak pernah berputus asa, malah sentiasa berdoa supaya Allah memberi hidayah kepada kaumnya
3. Mereka memiliki keazaman dan keteguhan jiwa yang tinggi semasa berdakwah

SIFAT PARA RASUL

SIFAT WAJIB

- As-Sidq (benar)
- Al-Amanah (Jujur)
- At-Tabligh (Menyampaikan)
- Al-Fatanah (Bijaksana)

SIFAT MUSTAHIL

- Al-Kizb (Pendusta)
- Al-Khiyanah (Pecah Amanah)
- Al-Kitman (Menyembunyikan)
- Al-Baladah (Bodoh)

SIFAT HARUS

- Bersifat seperti manusia biasa yang tidak menjejaskan martabat sebagai utusan Allah SWT.

Maksum

Maksum adalah salah satu daripada sifat-sifat para rasul.

Maksum bermaksud rasul-rasul terpelihara daripada melakukan perkara kejahatan, dosa dan perkara kurang sopan yang boleh merosakkan kehormatannya. Rasul juga terpelihara daripada perkara cacat yang mengurangkan kemuliaan seseorang seperti buta, tuli, bisu, gila atau lain-lain penyakit yang boleh merosakkan darjat kemuliaan seorang rasul

MUKJIZAT

Perkara luar biasa yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran, kenabian dan kerasulan serta melemahkan musuh-musuh mereka.

Peranan Mukjizat

1. Membuktikan kebenaran para nabi dan rasul
2. Mengukuhkan keyakinan orang ramai
3. Membantu nabi dan rasul menjalankan tugas
4. Menunjukkan kekuasaan Allah SWT

Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia selain mukjizat

IRHAS

Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang bakal dilantik oleh Allah SWT sebagai rasul. Contohnya Nabi Isa boleh bercakap semasa masih bayi

KARAMAH

Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya disisi Allah SWT Contohnya Maryam (ibu Nabi Isa) dianugerahi hidangan dari langit ketika beribadat

MA'UNAH

Perkara luar biasa yang berlaku kepada Umat Islam tanpa diusahakan untuk dipelajarinya. Perkara tersebut berlaku hanya sekali sahaja. Contohnya seseorang yang terlibat dalam kemalangan yang dahsyat, tetapi beliau tidak mengalami kecederaan yang teruk

ISTIDRAJ


Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang tidak taat atau derhaka kepada Allah SWT untuk menyesatkannya lagi. Contohnya Qarun yang beroleh kekayaan yang luar biasa telah beransur-ansur menjadi sombong dan kufur

SIHIR

Perkara luar biasa yang berlaku kepada seseorang dengan bantuan daripada syaitan dan boleh dipelajari. Contohnya seseorang yang kebal dan tidak lut oleh sebarang senjata.

Perbezaan diantara perkara-perkara tersebut

KARAMAH	IRHAS	MA'UNAH	SIHIR	ISTIDRAJ
Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia yang tinggi darjatnya dengan Allah SWT	Perkara luar biasa yang berlaku kepada bakal rasul	Perkara luar biasa yang berlaku kepada umat Islam tanpa diminta dan dipelajari	Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang mempelajarinya daripada pertolongan syaitan	Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang derhaka kepada Allah SWT untuk menyesatkannya lagi
Datangnya tanpa dipelajari	Datangnya tanpa dipelajari	Datangnya tanpa dipelajari	Keluarbiasannya berlaku kerana dipelajari	Datangnya tanpa dipelajari
Daripada pertolongan dan rahmat daripada Allah SWT	Daripada pertolongan dan rahmat daripada Allah SWT	Daripada pertolongan dan rahmat daripada Allah SWT	Dari pertolongan syaitan	Daripada Allah SWT untuk menyesatkan lagi seseorang



1. Menyeru manusia mentauhid dan menyembah Allah SWT.
2. Mengajar dan menerangkan perkara ghaib seperti hakikat ketuhanan, syurga, neraka dan kehidupan di alam barzakh
3. Menyampaikan berita gembira dan bertindak sebagai pemberi ingatan kepada manusia
4. Menyeru manusia supaya melakukan perkara kebaikan dan memperbaiki akhlak manusia
5. Menyampaikan segala perintah dan larangan Allah SWT kepada manusia
6. Mengajar manusia cara beribadat yang betul
7. Menunjukkan cara kehidupan Islam yang sebenarnya

ADAB KEPADA RASUL

Sentiasa berselawat kepada rasul
Beriman dengan ajaran yang dibawa oleh rasul
Mengasihi dan mencintai mereka melebihi makhluk lain
Mengamalkan sunnah rasul dalam kehidupan
Mentaati ajaran yang disampaikan oleh para rasul dengan hati yang ikhlas

Perbezaan antara Nabi Muhammad dengan rasul-rasul yang lain

Rasul Terdahulu

- Diutuskan untuk mengembalikan kepercayaan dan keyakinan kepada akidah yang benar.
- Diutuskan sesuai dengan zaman, bangsa atau wilayah ketika itu.
- Ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW tidak bertentangan dengan ajaran rasul terdahulu

Rasulullah SAW

- Merupakan nabi dan rasul yang terakhir
- Syariat yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW Memansuhkan syariat para nabi yang terdahulu.
- Ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW telah lengkap dan sempurna.
- Ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW kekal hingga ke hari akhirat.

Sebab Nabi Muhammad di pilih sebagai Rasul terakhir

1. Syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW telah lengkap dan sempurna.
2. Syariat yang di bawa oleh Nabi Muhammad SAW kekal hingga ke hari akhirat
3. Syariat yang di bawa oleh Nabi Muhammad SAW telah memansuhkan / membatalkan semua syariat nabi yang terdahulu.
4. Nabi Muhammad SAW merupakan penutup kepada sekalian nabi-nabi

PELAJARAN 2 : KONSEP KERASULAN

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1 Para nabi dan rasul terpelihara daripada dosa dan maksiat

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A mukjizat
- B makrifah
- C maksum
- D maunah

- 2

X

→

- Membuktikan kebenaran kerasulan
 - Menunjukkan kekuasaan Allah s.w.t.
 - Menambah keyakinan terhadap rasul

Berdasarkan pernyataan di atas, X ialah

- A maksum
- B makrifah
- C mukjizat
- D maunah

- 3 Berikut adalah pernyataan yang benar mengenai rasul, kecuali
- A dianugerahkan wahyu
 - B bilangan rasul 313 orang
 - C setiap nabi adalah rasul
 - D rasul menerima suhuf

- 4
 - Menerima wahyu
 - Tidak wajib menyampaikannya
 - Tidak diturunkan kitab

Ciri-ciri di atas merujuk kepada

- A nabi
- B rasul
- C wali
- D imam

- 5 Rasul Ulul Azmi ialah rasul-rasul yang _____
- A memiliki kesabaran paling tinggi
 - B paling disayangi Allah s.w.t.
 - C tidak mudah putus asa
 - D memimpin umat

- 6 Berikut adalah rasul Ulul Azmi **kecuali**
- i Nabi Nuh a.s.
 - ii Nabi Salleh a.s
 - iii Nabi Zakaria a.s
 - iv Nabi Ibrahim a.s
- A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv
- 7 Gelaran Ulul Azmi diberikan kepada rasul kerana _____
- i memiliki kesabaran yang paling tinggi
 - ii memiliki keazaman dan keteguhan jiwa
 - iii sentiasa berdoa untuk kesejahteraan kaumnya
 - iv sentiasa memberi perlindungan kepada kaum mereka
- A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv
- 8 Antara sifat mustahil bagi rasul ialah
- A al-Sidq
B al-Tabligh
C al-Kitman
D al-Fatanah
- 9 Bilangan rasul yang wajib diimani ialah
- A 313 orang
B 99 orang
C 25 orang
D 5 orang
- 10 Pilih pernyataan yang salah mengenai rasul.
- A Rasul yang wajib diketahui seramai 25 orang
B Rasul menyeru kepada perkara mazmumah sahaja
C Rasul memiliki keazaman yang tinggi semasa berdakwah
D Rasul dipilih daripada golongan lelaki yang terbaik sahaja
- 11 Antara berikut yang manakah tugas rasul?.
- i Menyampaikan khabar gembira sahaja
 - ii Menyeru manusia menyembah Allah s.w.t.
 - iii Menerangkan tentang perkara-perkara ghaib
 - iv Mengajar manusia cara beribadat dengan betul
- A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv

- 12 Mukjizat ialah perkara luar biasa kurniaan Allah s.w.t. kepada
- A wali
 - B nabi
 - C rasul
 - D manusia

BAHAGIAN B : Respon terhadap.

Soalan 13 hingga 22

Lengkapkan pernyataan berikut.

- 13 Perutusan para rasul bermula dengan _____ dan diakhiri dengan nabi Muhammad s.a.w.

1

- 14 _____ ialah rasul yang terakhir diutuskan oleh Allah s.w.t..

1

- 15 Kita hendaklah mengamalkan _____ rasul dalam kehidupan seharian.

1

- 16 Rasul _____ ialah mereka yang memiliki kesabaran yang tinggi dalam menghadapi dugaan dan cabaran.

1

- 17 _____ yang dibawa oleh nabi Muhammad s.a.w wajib diikuti sehingga hari kiamat.

1

- 18 Kita hendaklah menyayangi _____ melebihi makhluk yang lain.

1

- 19 Rasulullah s.a.w menyampaikan berita gembira dan buruk kepada umatnya sebagai _____

1

- 20 Rasul tidak pernah melakukan maksiat kerana mereka memiliki sifat _____.

1

- 21 Nabi Ibrahim a.s menerima sebanyak _____ suhuf.

1

- 22 Rasul yang wajib diimani berjumlah _____ orang.

1

Soalan 23 hingga 29

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- | | | | |
|----|--|----------------------|-------------------------|
| 23 | Terpelihara daripada dosa kecil dan dosa besar yang boleh mencacatkan kemuliaan mereka sebagai utusan Allah s.w.t. | <input type="text"/> | <div><div>1</div></div> |
| 24 | Perkara luar biasa yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran dan kerasulan mereka. | <input type="text"/> | <div><div>1</div></div> |
| 25 | Perkara luar biasa yang boleh dipelajari dengan bantuan kuasa jahat. | <input type="text"/> | <div><div>1</div></div> |
| 26 | Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya di sisi Allah s.w.t. | <input type="text"/> | <div><div>1</div></div> |
| 27 | Perkara luar biasa yang berlaku kepada umat Islam tanpa diusahakan untuk mempelajarinya | <input type="text"/> | <div><div>1</div></div> |
| 28 | Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang derhaka kepada Allah s.w.t. | <input type="text"/> | <div><div>1</div></div> |
| 29 | Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang bakal dilantik oleh Allah s.w.t. sebagai rasul. | <input type="text"/> | <div><div>1</div></div> |

Soalan 30 hingga 39

Untuk kegunaan Pemeriksa	Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL. Tandakan (✕) pada pernyataan yang SALAH.		
1	30	Bilangan nabi sebanyak 313 orang.	
1	31	Nabi Muhammad s.a.w ialah nabi akhir zaman.	
1	32	Nabi Adam a.s adalah salah seorang rasul Ulul Azmi.	
1	33	Mukjizat dianugerahkan kepada para wali.	
1	34	Nabi tidak menerima kitab.	
1	35	Istidraj ialah perkara luar biasa yang boleh dipelajari dengan bantuan jin.	
1	36	Rasul wajib menyampaikan wahyu kepada umatnya.	
1	37	Syariat yang dibawa oleh nabi Muhammad s.a.w belum lengkap sepenuhnya	
1	38	Karamah ialah perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya di sisi Allah s.w.t.	
1	39	Kita hendaklah mematuhi semua ajaran yang disampaikan oleh rasul	

Soalan 40 hingga 43

Untuk
kegunaan
Pemeriksa

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan P, Q, R dan S dalam ruang yang disediakan

P	Q	R	S
Irhas	Maunah	Karamah	Istidraj

		Pernyataan	Jawapan
1	40	Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang derhaka kepada Allah untuk menyesatkannya lagi.	
1	41	Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang bakal dilantik oleh Allah s.w.t. sebagai rasul	
1	42	Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia yang tinggi darjatnya di sisi Allah s.w.t.	
1	43	Perkara luar biasa yang berlaku kepada umat Islam tanpa dipelajarinya	

Soalan 44 hingga 47

Padankan istilah berikut dengan contoh yang sesuai

44. Maunah	(i) Seorang yang kebal atau tidak lut oleh senjata
45. Sihir	(ii) Bulan terbelah dua apabila Rasulullah s.a.w. menunjukkan jarinya.
46. Istidraj	(iii) Seorang yang kaya, tetapi beransur-ansur menjadi sombong
47. Mukjizat	(iv) Seorang yang terlibat dengan kemalangan yang dahsyat, namun dia selamat.

44 _____


45 _____

46 _____

47 _____

Soalan 48 hingga 50

Carta di bawah berkaitan sifat-sifat mustahil bagi rasul




48 X ialah : _____

49 Y ialah : _____

50 Sifat rasul yang berlawanan bagi berdusta ialah _____.

Soalan 51 hingga 52

Carta di bawah berkaitan dengan konsep kerasulan




51 Namakan golongan X _____

52 Namakan nabi Y _____

Soalan 53 hingga 54

Carta di bawah berkaitan dengan sifat rasul



53 P ialah _____

54 Q ialah _____

Soalan 55 hingga 60


Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Sunnah Rasul	Y	Bukan Sunnah Rasul
---	--------------	---	--------------------

	Pernyataan	Jawapan
1	55 Bercakap ketika mengambil wuduk.	
1	56 Menyertai perarakan Maulidur Rasul.	
1	57 Berselawat kepada rasul.	
1	58 Berbuka puasa dengan buah tamar.	
1	59 Memotong kuku pada hari Rabu.	
1	60 Memerahkan janggut dengan inai.	

Soalan 61 hingga 62


Carta di bawah berkaitan nabi-nabi yang menerima suhuf.



- 61 Namakan nabi X _____
- 62 Jumlah suhuf yang diterima oleh nabi Syis sebanyak _____ lembaran.

Soalan 63 hingga 64

Carta di bawah cara beradab kepada rasul.




Nyatakan cara beradab kepada rasul di petak X dan Y.

- 63 X : _____
- 64 Y : _____

Soalan 65 hingga 68

Carta di bawah berkaitan dengan konsep kerasulan



65 X ialah : _____

66 Y ialah : _____

67 Bilangan X ialah : _____

68 Bilangan Y ialah : _____

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Nyatakan maksud nabi.
- 2 Nyatakan pengertian rasul.
- 3 Jelaskan maksud rasul Ulul Azmi
- 4 Berikan dua sebab gelaran Ulul Azmi diberikan kepada rasul-rasul tertentu.
- 5 Huraikan dua perbezaan antara nabi dan rasul
- 6 Terangkan tiga peranan rasul
- 7 Jelaskan tiga sebab nabi Muhammad s.a.w. dipilih sebagai rasul terakhir.

PELAJARAN 3 **KONSEP INSAN**

Pengertian Insan

Insan atau manusia ialah makhluk Allah SWT yang paling istimewa kerana mereka diberikan akal serta boleh berfikir, berkehendak dan boleh menerima dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Keadaan inilah yang membezakan antara manusia dengan haiwan

Proses kejadian Insan



KEISTIMEWAAN MANUSIA

1. Diberikan akal untuk berfikir
2. Diberikan naluri untuk mencipta dan mendapatkan sesuatu.
3. Diturunkan kitab suci Al-Quran dan hadis sebagai panduan untuk hidup .
4. Setiap amalan manusia diberikan ganjaran, samada ganjaran baik (pahala) atau buruk (dosa)
5. Dilantik sebagai khalifah Allah SWT dimuka bumi

PERBEZAAN ANTARA MANUSIA DENGAN MAHKLUK LAIN

Malaikat	Jin	Manusia
Di cipta daripada cahaya	Di cipta daripada api	Di cipta daripada tanah
Dijadikan tidak bernafsu	Bernafsu dan akal	Bernafsu dan berakal
Dijadikan tidak berjisim (bertubuh badan)	Dijadikan tidak berjisim (bertubuh badan	Berjisim (mempunyai tubuh badan)

Tanggungjawab insan

1. TERHADAP ALLAH SWT

1. Menyembah / beribadah kepada Allah SWT dengan cara mentaati segala perintahNya
2. Menunaikan amanah dengan sempurna, iaitu mengagungkan Allah SWT, dengan tidak menyekutukannya dengan sesuatu yang lain.
3. Mengatur kehidupan seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT.
4. Bersyukur atas rahmatNya dengan cara menggunakan nikmat pemberianNya dengan sebaik-baiknya.
5. Sentiasa berzikir dengan memuji-muji dan menyebut nama-nama Allah SWT sebagai tanda mengingati dan mengasihi-Nya

2. Terhadap sesama manusia

1. Memelihara hak sesama insan seperti memelihara hak-hak jiran, membantu mereka yang memerlukan bantuan, dan menjalin hubungan yang baik tanpa mengira keturunan, darjat, warna kulit, dan agama.
2. Sentiasa hormat-menghormati dan bertoleransi, terutamanya di kalangan masyarakat majmuk agar negara sentiasa aman, maju, dan harmonis.

3. Terhadap Alam

1. Memakmurkan alam, iaitu menguruskan alam secara bijaksana seperti membuat pembangunan dengan terancang dan tidak merosakkan persekitaran.
2. Memelihara dan memulihara alam agar tidak berlaku kepupusan habitat haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang menjadi sumber makanan dan perubatan.

Sebab-sebab manusia perlu memikul tanggungjawab tersebut.

- **Manusia memiliki akal fikiran yang sempurna**
- **Manusia memiliki fizikal yang sempurna dan menarik**
- **Manusia telah dilantik sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi**
- **Rasul dilantik daripada kalangan manusia**
- **Manusia mahkluk yang berbudaya dan bertamadun**

PELAJARAN 3 : KONSEP INSAN

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1 Takrif yang tepat bagi perkataan insan ialah
 - A makhluk istimewa yang boleh berfikir dan mempunyai kehendak
 - B makhluk istimewa yang boleh berfikir dan berkemampuan menerima ilmu
 - C makhluk istimewa yang berkemampuan menerima ilmu dan mempunyai kehendak
 - D makhluk istimewa yang boleh berfikir dan, berkemampuan menerima ilmu dan mempunyai kehendak
- 2 Berikut adalah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh sesama insan, **kecuali**
 - A Memelihara hal ehwal rumah tangga jiran
 - B Membantu mereka yang memerlukan pertolongan
 - C Sentiasa hormat menghormati tanpa mengira warna kulit
 - D Menjalinkan hubungan dengan orang Islam dan bukan Islam.
- 3 Pilih proses yang betul tentang kejadian insan menurut Islam.
 - A Nutfah → mudghah → tulang berbalut daging → alaqah → bayi.
 - B Nutfah → alaqah → mudghah → bayi → tulang berbalut daging.
 - C Nutfah → mudghah → alaqah → tulang berbalut daging → bayi.
 - D Nutfah → alaqah → mudghah → tulang berbalut daging → bayi.
- 4 Antara berikut yang manakah tanggungjawab manusia terhadap Allah s.w.t.?.
 - i Menjauhi semua suruhan-Nya
 - ii Mentaati segala larangan-Nya
 - iii Menyembah Allah s.w.t dengan ikhlas
 - iv Menggunakan nikmat pemberian-Nya
 - A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv
- 5 Dengan akal manusia dapat melakukan perkara berikut, **kecuali**
 - A merekacipta sesuatu
 - B memikirkan perkara ghaib
 - C membezakan antara perkara buruk dan baik
 - D membezakan antara kebenaran dengan kebatilan

- 6 Unsur utama yang membezakan manusia dengan makhluk Allah s.w.t. yang lain ialah
- A pancaindera
 - B hawa nafsu
 - C akal fikiran
 - D fizikal
- 7 Allah s.w.t. mencipta manusia untuk
- A menjadi khalifah mentadbir alam
 - B menghapuskan musuh-musuh Islam
 - C membina bangunan yang canggih
 - D menghapuskan kemungkaran dan maksiat

BAHAGIAN B : Respon terhad.

Soalan 8 hingga 17

Lengkapkan pernyataan berikut.

8 Ketika janin berusia _____, Allah s.w.t. telah meniupkan roh ke dalam jasad.

1

9 Manusia dikehendaki _____ Allah s.w.t. sebagai tanda bersyukur.

1

10 Manusia ialah makhluk _____ ciptaan Allah s.w.t.

1

11 Manusia pertama dicipta daripada _____.

1

12 _____ adalah manusia pertama diciptakan oleh Allah s.w.t.

1

13 Allah s.w.t. melantik manusia sebagai _____ untuk mentadbir dan memakmurkan alam.

1

14 Nutfah akan bertukar membentuk _____.

1

15 Manusia adalah sebaik-baik _____ Allah s.w.t.

1

16 _____ ialah unsur utama yang membezakan antara manusia dengan makhluk lain.

1

- 17 Allah s.w.t. menciptakan _____ sebagai pasangan nabi Adam a.s. di syurga.

1

Soalan 18 hingga 23

Untuk kegunaan Pemeriksa	Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL. Tandakan (✕) pada pernyataan yang SALAH.
--------------------------------	--

☐ 1

- 18 Perjanjian yang dipersetujui oleh manusia ketika Allah s.w.t. meniupkan ruh ke dalam jasad ialah belajar bersungguh-sungguh mencari ilmu.

☐
☐ 1

- 19 Allah s.w.t. melantik manusia sebagai khalifah Allah s.w.t. untuk memakmurkan alam.

☐
☐ 1

- 20 Mudghah terbentuk selepas terbentuknya nutfah.

☐
☐ 1

- 21 Tanggungjawab manusia kepada Allah s.w.t. ialah menyembah dan mengabdikan diri kepadaNya.

☐
☐ 1

- 22 Menurut kajian sains, terdapat 105 jenis unsur yang ada pada tanah ditemui juga dalam tubuh manusia.

☐
☐ 1

- 23 Manusia ialah makhluk yang berbudaya dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

☐
☐ 1

- 24 Menurut al-Quran, kehidupan bernyawa di muka bumi ini dicipta daripada tanah.

☐

Soalan 24 hingga 32


Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X), (Y) dan (Z) dalam ruangan yang disediakan.

X	Tanggungjawab manusia kepada Allah s.w.t.	Y	Tanggungjawab manusia kepada sesama manusia	Z	Tanggungjawab manusia kepada alam
---	---	---	---	---	-----------------------------------

		Pernyataan	Jawapan
1	25	Merancang pembangunan dengan teliti	
1	26	Menghubungkan tali silaturrahim tanpa mengira pangkat dan keturunan.	
1	27	Mengawal kepupusan haiwan dan tumbuhan	
1	28	Menjaga kebersihan dan keindahan sungai	
1	29	Menunaikan solat 5 waktu sehari semalam	
1	30	Menunaikan zakat fitrah dan zakat harta	
1	31	Menunaikan haji apabila berkemampuan	
1	32	Membantu jiran yang berada dalam kesusahan	
1	33	Mengiringi jenazah ke kubur	

Soalan 34 hingga 35

Carta di bawah berkaitan dengan proses kejadian manusia menurut al-Quran




Nyatakan peringkat X dan Y

34 X : _____

35 Y : _____

Soalan 36 hingga 37

Carta di bawah adalah berkaitan ciri-ciri insan




Nyatakan ciri X dan Y

36 Ciri X : _____

37 Ciri Y : _____

Soalan 38 hingga 40

Carta di bawah merupakan satu laluan yang perlu dilalui oleh setiap insan



Nyatakan alam X dan Y

38 X : _____

39 Y : _____

40 Nabi Muhammad s.a.w. mendiami alam dunia selama _____ tahun.

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Berikan pengertian insan
- 2 Jelaskan dua tanggungjawab insan terhadap Allah s.w.t.
- 3 Senaraikan tiga keistimewaan insan berbanding makhluk yang lain
- 4 Nyatakan dua amalan yang boleh dilakukan oleh manusia bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.
- 5 Berikan tiga keistimewaan kejadian manusia berbanding dengan makhluk yang lain.
- 6 Nyatakan perbezaan utama antara manusia dengan haiwan.
- 7 Jelaskan tiga kebaikan memerhati dan memikirkan kejadian manusia.
- 8 Huraikan peranan manusia terhadap alam
- 9 Terangkan akibat mengabaikan tanggungjawab sebagai insan

PELAJARAN 4 **KONSEP ALAM**

Maksud Alam

Segala makhluk yang ada di langit dan di bumi yang diciptakan oleh Allah SWT. Untuk kegunaan dan kemudahan manusia. Penciptaan alam ini adalah untuk menyempurnakan kehidupan manusia di dunia.

Bahagian Alam

Bahagian Alam

Alam nyata yang boleh ditanggapi oleh pancaindera manusia dan boleh digunakan pada bila-bila masa mengikut keupayaan akal manusia. Contohnya seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan, bahan galian dan sebagainya

Alam Ghaib

Alam yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal manusia. Kewujudan alam ini dapat di fahami melalui keimanan dan keyakinan yang teguh kepada Allah SWT. Contohnya pahala, dosa, Malaikat, alam akhirat, alam arwah, alam arasy dan alam kursi.

Perbezaan antara Alam Musyahadah dengan Alam Ghaib

ALAM MUSYAHADAH	ALAM GHAIB
Alam yang boleh ditanggapi oleh pancaindera manusia	Alam yang tidak boleh ditanggapi oleh pancaindera manusia.
Boleh dimanfaatkan untuk kemudahan manusia	Alam Ghaib adalah untuk menguji tahap keimanan manusia
Alam yang boleh dikaji dan dibuat penerokaan untuk mengetahui kegunaannya.	Akal manusia tidak mampu memikirkan hakikat sebenar alam ghaib
Semua manusia dapat melihat alam musyahadah	Hanya orang yang mati sahaja akan berada dalam alam ghaib
Kenikmatan yang diperolehi di alam ini tidak kekal	Kenikmatan yang diperolehi dalam alam ini seperti syurga, neraka akan kekal selama-lamanya

Hikmah beriman dengan perkara Ghaib


- Menjadikan manusia taat dan patuh kepada perintah dan larangan Allah SWT.
- Menjadikan manusia takut melakukan maksiat dan kemungkaran kerana menyedari bahawa malaikat sentiasa memerhati perbuatan mereka
- Menjadikan manusia sentiasa melakukan ibadat kepada Allah SWT.
- Menjadikan manusia melakukan sesuatu ikhlas kerana Allah SWT.
- Menjadikan manusia sentiasa istiqamah dalam melakukan pekerjaan.
- Menjadikan manusia mempunyai motivasi yang tinggi dalam kehidupan seharian.

Hikmah kerahsiaan alam ghaib

- Menunjukkan kekuasaan Allah SWT.
- Menguji keimanan manusia kepada perkara ghaib
- Meningkatkan ilmu pengetahuan manusia
- Menilai sejauh mana ketaatan manusia kepada perintah Allah SWT.
- Mengukuhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

*Alam ghaib
yang dilalui oleh setiap manusia.*

MANUSIA



Alam tanda kekuasaan Allah SWT.

- Keunikkan alam ini menunjukkan kekuasaan penciptaannya.
- Kesempurnaan Alam ini melambangkan kesempurnaan Allah SWT.
- Tiada sebarang makhluk pun yang dapat menandingi kekuasaan Allah SWT.

Cara meningkatkan keimanan dengan melihat Alam ini

- Menyakini bahawa semua yang ada dalam alam ini adalah milik Allah SWT
- Menyakini alam ini adalah sementara dan akan musnah.
- Menyakini bahawa penciptaan alam ini tidaklah sia-sia

PELAJARAN 4 : KONSEP ALAM

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1 Alam ialah makhluk ciptaan
 - A Allah s.w.t.
 - B malaikat
 - C manusia
 - D jin
- 2 Berikut adalah jenis alam ghaib, **kecuali**
 - A alam ruh
 - B alam rahim
 - C alam dunia
 - D alam barzakh
- 3 Istilah **as-Sama'** adalah merujuk kepada sesuatu yang
 - A menerangi di siang hari
 - B menerangi di malam hari
 - C berkerlipan di angkasa raya
 - D terbentang luas dan menaungi sesuatu
- 4 Manusia menggunakan _____ untuk berfikir tentang hakikat kewujudan Allah s.w.t.
 - i ilmu
 - ii hati
 - iii harta
 - iv akal
 - A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i dan iv
- 5 Alam nyata yang dapat ditanggapi oleh pancaindera dikenali sebagai alam
 - A ghaib
 - B barakah
 - C akhirat
 - D musyahadah

- 6 Alam ghaib ialah alam yang
- A boleh dilihat oleh mata kasar
 - B ditanggapi oleh panca indera
 - C tidak boleh diyakini dengan iman
 - D tidak boleh ditanggapi oleh panca indera
- 7 Syurga adalah sebuah tempat untuk orang yang
- i beriman dengan Allah s.w.t.
 - ii patuh dengan Allah s.w.t.
 - iii ingkar dengan Allah s.w.t.
 - iv menzalimi Allah s.w.t.
- A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i dan iv
- 8 Tujuan Allah s.w.t. merahsiakan perkara-perkara ghaib daripada pengetahuan manusia **adalah untuk menguji**
- A keimanan manusia
 - B kekuasaan manusia
 - C kelemahan manusia
 - D kebijaksanaan manusia
- 9 Perhimpunan di Mahsyar berlaku selepas hari
- i akhirat
 - ii kiamat
 - iii kebangkitan
 - iv perhitungan
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv
- 10 Pilih pernyataan yang berkaitan dengan hikmat kerahsiaan alam ghaib.
- i mengukuhkan ketakwaan kepada Allah s.w.t.
 - ii menguji keimanan orang-orang fasik.
 - iii menilai ketaatan hamba-hamba-Nya.
 - iv meningkatkan ilmu pengetahuan.
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

BAHAGIAN B : Respon terhad.

Soalan 11 hingga 16

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- | | | | |
|----|---|----------------------|--|
| 11 | Hari kehancuran dan kemusnahan alam. | <input type="text"/> | <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> |
| 12 | Tempat sementara menunggu hari akhirat. | <input type="text"/> | <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> |
| 13 | Tempat yang penuh dengan keindahan dan kenikmatan. | <input type="text"/> | <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> |
| 14 | Tempat yang penuh dengan siksaan dan azab. | <input type="text"/> | <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> |
| 15 | Tempat perhimpunan seluruh umat manusia pada hari kiamat. | <input type="text"/> | <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> |
| 16 | Neraca timbangan yang menghitung amalan manusia. | <input type="text"/> | <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> |

Soalan 17 hingga 22

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) atau (Y) dalam ruangan yang disediakan.

		X	Alam Ghaib	Y	Alam Musyahadah		
		Pernyataan				Jawapan	
1	17	Boleh ditanggapi oleh pancaindera.					
1	18	Kewujudannya bertujuan untuk menguji keimanan manusia.					
1	19	Dihuni oleh manusia, haiwan dan tumbuhan.					
1	20	Dihuni oleh manusia yang telah meninggal dunia.					
1	21	Akal tidak mampu memikirkan hakikat kebenarannya.					
1	22	Akal mampu mentafsir, mengkaji dan menyelidik.					

Soalan 23 hingga 32

Kedatangan kiamat tidak diduga,
Semua manusia harus bersedia,
Antara neraka dan syurga,
Yang mana satu pilihan anda?.

Jika berwirid biarlah perlahan,
Moga tercapai hasrat idaman,
Andainya syurga menjadi pilihan,
Ayuh segera tingkatkan iman.


Anda dikehendaki menandakan (X) atau (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Amalan Ke Syurga	Y	Amalan Ke Neraka
---	------------------	---	------------------

	Pernyataan	Jawapan
☐ 1	23 Menunaikan zakat harta dan zakat fitrah.	
☐ 1	24 Merosakkan harta benda sekolah.	
☐ 1	25 Melanggar peraturan jalan raya.	
☐ 1	26 Melaksanakan amalan-amalan nawafil.	
☐ 1	27 Derhaka kepada kedua ibu bapa.	
☐ 1	28 Istiqamah dalam beribadat.	
☐ 1	29 Mengambil harta orang lain tanpa izin.	
☐ 1	30 Berpuasa di bulan Ramadan.	
☐ 1	31 Mengerjakan haji di Baitullah.	
☐ 1	32 Menonton VCD lucah.	

Soalan 33 hingga 35


Carta di bawah mengenai alam yang dilalui oleh kehidupan manusia.



- 33 X merujuk kepada _____
- 34 Kebiasaannya manusia berada di alam X selama _____.
- 35 Malaikat yang bertugas menyoyal manusia di alam barzakh ialah _____.

Soalan 36 hingga 40

Lengkapkan carta mengenai jenis-jenis alam di bawah



Nyatakan jenis alam P dan Q

- 36 P : _____
- 37 Q : _____
- Berikan contoh bersesuaian bagi R dan S
- 38 R : _____
- 39 S : _____
- 40 Hukum beriman dengan alam Q adalah _____

KERTAS 2


Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Berikan maksud alam.
- 2 Nyatakan jenis-jenis alam.
- 3 Terangkan perbezaan antara alam ghaib dan alam musyahadah
- 4 Syurga dan neraka merupakan sebahagian daripada alam ghaib. Bagaimanakah cara untuk menanam keimanan kepada syurga dan neraka di dalam diri pelajar?.
- 5 Akal tanpa wahyu tidak akan dapat memikirkan perkara ghaib. Berikan hujah untuk menyokong pernyataan di atas.

PELAJARAN 5

TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA DAN MEMULIHARA ALAM

Pengertian memelihara dan memulihara alam



Tanggungjawab manusia terhadap alam

1. Memelihara alam

Cara Memelihara Alam

- Mengawal penebangan hutan.
- Merancang kawasan perindustrian dengan baik.
- Memelihara keindahan sungai.
- Mengawal pencemaran udara.
- Mengekalkan habitat haiwan
- Mengawal penggunaan bahan-bahan kimia, racun, galian dan sebagainya.
- Menjaga kebersihan alam sekitar.
- Mengawal pencemaran sungai dan udara dengan tidak membuang sampah dan sisa toksid di merata-rata tempat.
- Melakukan pembakaran ditempat yang telah dikhaskan.
- Mengekalkan habitat semulajadi tumbuhan dan haiwan.
- Mencarigali bahan galian seperti petrolium tanpa mencemarkan dan memusnahkan alam sekitar

2. Memulihara alam

Cara Memulihara Alam

- Menanam semula pokok-pokok yang telah dimusnahkan.
- Menimbus semula kawasan lombong yang telah ditinggalkan.
- Mengawal aktiviti memburu dan membunuh binatang liar.
- Membersihkan sungai dan sebagainya.

Faedah / Hikmah Memelihara Alam

1. Dapat mengawal suhu dan cuaca bumi
2. Dapat mengawal bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh
3. Dapat mengelakkan pupusnya habitat tumbuhan dan haiwan yang tertentu
4. Dapat mengekalkan keindahan alam sekitar
5. Dapat menjadikan hidup manusia lebih tenteram dan nyaman

PELAJARAN 5 : TANGGUNGJAWAB MEMELIHARA DAN MEMULIHARA ALAM

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1 Memelihara alam bermaksud
 - i menjaga alam
 - ii membela alam
 - iii melindungi alam
 - iv memulihkan alam
 - A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

- 2 Memulihara alam bermaksud
 - A menjaga alam daripada pencemaran
 - B membela alam dari sebarang kemusnahan
 - C mengembalikan alam kepada habitat asalnya
 - D melindungi alam daripada sebarang kerosakan

- 3 Kerosakan alam berpunca daripada
 - i kerosakan tanah dan menebang pokok-pokok
 - ii pengurusan alam menurut peraturan Allah s.w.t.
 - iii perburuan dan pembunuhan haiwan
 - iv pencemaran air, udara dan bunyi
 - A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

- 4 Manakah antara berikut merupakan cara memulihara alam?.
 - i Merancang kawasan pembangunan dan perindustrian
 - ii Membersihkan sungai-sungai daripada kekotoran
 - iii Menanam semula pokok-pokok yang ditebang
 - iv Mengawal pencemaran udara
 - A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i dan iv

- 5 Berikut adalah cara-cara untuk memelihara alam daripada kemusnahan, **kecuali**
- A mengekalkan habitat haiwan
 - B memelihara keindahan sungai
 - C merancang strategi pembangunan
 - D menggalakkan penebangan hutan belantara
- 6 Keindahan alam bukti kepada
- i kekuasaan Allah s.w.t
 - ii keampunan Allah s.w.t.
 - iii kebijaksanaan Allah s.w.t.
 - iv kesempurnaan Allah s.w.t.
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

BAHAGIAN B : Respon terhad.

Soalan 7 hingga 11

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- 7 Lapisan atmosfera yang bertindak sebagai perisai sinar ultra ungu.

1

- 8 Sistem yang melibatkan interaksi antara suatu komuniti dengan alam persekitarannya.

1

- 9 Proses kitaran air yang membentuk hujan.

1

- 10 Proses tumbuhan membina makanan.

1

- 11 Memanfaatkan semula barang-barang yang terbuang.

1

Soalan 12 hingga 15


Untuk
kegunaan
Pemeriksa

Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan (✗) pada pernyataan yang SALAH.

1	12	Sumbangan alam kepada manusia mengawal pencemaran udara	
1	13	Sikap rakus dan tidak amanah dalam mengurus alam adalah punca utama berlakunya kerosakan dan bencana alam.	
1	14	Perbuatan merosakkan alam akan menguntungkan manusia	
1	15	Memulihara alam bermaksud memakmur alam dengan peraturan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t..	

Soalan 16 hingga 17

Carta di bawah berkaitan tanggungjawab khalifah Allah s.w.t. terhadap alam.



16 Tanggungjawab X ialah : _____

17 Tanggungjawab Y ialah : _____

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Terangkan langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk memelihara alam sekitar.
- 2 Senaraikan bentuk pencemaran alam sekitar.
- 3 Cadangkan tiga cara untuk mengatasi masalah pencemaran alam
- 4 Jelaskan faedah yang akan diperoleh oleh generasi yang akan datang jika pengekaln keindahan alam diteruskan?.
- 5 Anda terserempak dengan aktiviti pembuangan sisa toksik ke dalam sungai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Apakah tindakan yang anda lakukan.

PELAJARAN 6 UNIT 1 & 2

WAHYU

Dari segi bahasa : Nasihat dan bimbingan daripada Allah SWT

Mengikut Istilah syarak : ilham / perintah/ kalam Allah SWT yang diturunkan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan Malaikat Jibril atau secara langsung daripada Allah SWT

Ciri-Ciri Wahyu :

- Datangnya daripada Allah SWT
- Hanya diturunkan kepada nabi dan rasul sahaja
- Disampaikan samada melalui mimpi yang benar, di sebalik tabir atau melalui perantaraan Malaikat Jibril
- Kandungannya merupakan ajaran yang benar dan sesuai diamalkan di sepanjang zaman.
- Terpelihara kandungan dan kesuciannya sehingga ke hari kiamat.
- Telah terhenti penurunannya selepas kewafatan nabi Muhammad
- Kebenarannya adalah mutlak

Cara Penurunan Wahyu

Wahyu diturunkan kepada Rasulullah SAW dengan beberapa cara, antaranya :

- **Rasulullah SAW mendengar seperti bunyi loceng yang kuat lalu baginda tidak menyedari apa yang berlaku disekelilingnya, tetapi dapat mengingati apa yang disampaikan kepada nya.**
- **Malaikat Jibril datang dengan menyerupai manusia lalu mengajar Rasulullah SAW tentang rukun Iman, Islam dan Ihsan di hadapan para sahabat.**
- **Allah SWT berkata-kata dengan Rasulullah SAW dengan bahasa yang difahami oleh baginda, seperti dalam peristiwa israk dan mikraj.**
- **Wahyu disampaikan samada melalui mimpi yang benar, di sebalik tabir atau melalui perantaraan Malaikat Jibril**

Keistimewaan Wahyu Al-Quran

Wahyu diturunkan kepada Rasulullah SAW mempunyai beberapa keistimewaan ,
antaranya :

1. Wahyu al-Quran mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan
2. Wahyu al-Quran merupakan rahmat kepada orang yang beriman sebagai pegangan hidup
3. Wahyu al-Quran tidak dapat ditandingi oleh mana-mana kitab lain
4. Wahyu al-Quran terjamin daripada sebarang perubahan atau pemalsuan sehingga ke hari kiamat
5. Wahyu al-Quran menjawab segala permasalahan manusia

Wahyu (al-Quran) yang diterima oleh Nabi Muhammad SAW telah dihimpun dan disusun menjadi kitab suci al-Quran yang mengandungi 6336 ayat, 114 surah dan 30 juzuk. Ada pendapat lain yang mengatakan al-Quran mengandungi 6219 ayat, 6236 ayat dan 6666 ayat.

Wahyu (al-Quran) diturunkan secara berperingkat-peringkat dalam tempoh 23 tahun.

Peranan Wahyu

- Memimpin manusia ke jalan yang benar.
- Membimbing manusia bagi memperoleh kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.
- Menyuruh manusia melaksanakan syariat Allah SWT
- Mendidik manusia kepada akhlak yang mulia.
- Panduan manusia untuk melaksanakan perintah Allah SWT
- Menceritakan perkara-perkara ghaib seperti neraka, syurga, pahala, dosa dan lain-lain.

Cara bersyukur dengan wahyu

- Mengamalkan segala ajaran wahyu dalam kehidupan
- Meninggalkan segala larangan wahyu.
- Mendalami dan mengkaji kebenaran wahyu.
- Menjaga kesucian wahyu

Keperluan wahyu kepada manusia

- Untuk membetulkan akidah manusia.
- Membawa manusia kejalan yang benar dan mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.
- Membetulkan ajaran agama yang telah diselewengkan.
- Menerangkan cara-cara melaksanakan ibadat.
- Mendidik akhlak manusia.
- Panduan kepada manusia dalam melaksanakan perintah Allah SWT
- Mendorong akal manusia membina tamadun.

Sebab wahyu telah terhenti penurunannya.


- Rasulullah SAW adalah rasul yang terakhir.
- Al-quran telah lengkap dan sempurna.
- Ajaran al-Quran adalah sesuai pada setiap waktu dan zaman.

Wahyu sebagai sumber ilmu yang azali

Maksud Azali

Azali merujuk kepada ilmu Allah SWT yang hakiki, tiada permulaan dan kesudahan, kekal, mutlak dan tidak terbatas kepada sesuatu tempat dan ruang.

Sumber ilmu yang utama menurut Islam



Ilmu yang terhasil dari wahyu al-Quran dan Hadis

1. Ilmu Fardu Ain

Ilmu yang berkaitan dengan amalan yang wajib diketahui dan diamalkan oleh semua umat Islam yang mukalaf. Contohnya ilmu syariah, akidah dan ilmu akhlak

2. Ilmu Fardu Kifayah

Ilmu yang berkaitan dengan kehidupan di dunia yang membawa faedah kepada manusia dan alam ini seperti ilmu kedokteran, kejuruteraan, pertanian dan sebagainya. Ilmu ini memadai di pelajari dan diamalkan oleh sebahagian daripada umat Islam. Dengan itu terlepaslah yang lain daripada kewajipan tersebut

PELAJARAN 6 UNIT 1 & 2 : KEDUDUKAN WAHYU

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1 Berikut adalah ciri-ciri wahyu, **kecuali**
 - A Kekal dan terpelihara kesuciannya hingga ke hari kiamat
 - B Menceritakan perkara-perkara ghaib dan samiyat
 - C Kalam Allah yang mengandungi hukum syarak
 - D Diturunkan kepada orang awam
 - 2 Wahyu pertama diturunkan di gua _____
 - A Thur
 - B Hira'
 - C Niah
 - D Tursina
 - 3 Yang berikut contoh-contoh ilmu fardu ain, **kecuali** ilmu
 - A Syariah
 - B Algebra
 - C Akidah
 - D Akhlak
 - 4 Ilmu yang berkaitan dengan kepentingan hidup di dunia yang membawa faedah kepada manusia dan alam ialah ilmu
 - A falak
 - B fekah
 - C fardu ain
 - D fardu kifayah
 - 5

Tidakkah engkau melihat bahawasanya Allah s.w.t. mengarahkan awan bergerak perlahan-lahan, kemudian Dia menjadikannya tebal berlapis-lapis. Selepas itu, engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya ...

(An-Nur :43)
- Ayat di atas merujuk kepada proses
- A pembenihan awan
 - B kejadian manusia
 - C persenyawaan
 - D kitar semula
-
- 8 Wahyu ialah _____
 - A keupayaan berfikir.
 - B ilmu Allah s.w.t. yang hakiki dan kekal.
 - C agama yang mengatur hidup manusia.
 - D kalam Allah s.w.t. kepada nabi dan rasul.

- 9 Ciri-ciri wahyu ialah
- i tidak boleh berubah
 - ii dimiliki oleh semua manusia
 - iii menerangkan perkara samiyat
 - iv disampaikan kepada nabi dan rasul
- A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv
- 10 Wahyu diturunkan kepada nabi dan rasul melalui _____
- i di sebalik tabir
 - ii perantaraan wali
 - iii perantaraan Jibril
 - iv mimpi yang benar
- A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv
- 11 Wahyu al-Quran terjamin daripada sebarang _____
- i pemalsuan
 - ii perubahan
 - iii penyelidikan
 - iv penambahan
- A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv
- 12 Tanpa petunjuk wahyu, manusia akan menuju kepada
- i kesesatan iman
 - ii keruntuhan akhlak
 - iii kejumudan pemikiran
 - iv kecemerlangan dunia dan akhirat
- A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv
- 13 Wahyu al-Quran merupakan rahmat kepada
- A mulhid
B munafik
C musyrik
D mukmin
- 14 Tugas malaikat _____ ialah membawa wahyu.
- A Mikail
B Israfil
C Jibril
D Izrail

BAHAGIAN B : Respon terhad.

Lengkapkan pernyataan berikut.

15 _____ mengikut istilah syarak ialah ilham atau perintah daripada Allah s.w.t. yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan malaikat Jibril atau terus daripada Allah s.w.t..

1

16 Wahyu-wahyu yang diterima oleh nabi Muhammad s.a.w. telah dihimpunkan menjadi kitab _____.

1

17 _____ ialah ilmu yang wajib dituntut oleh umat Islam.

1

18 _____ ialah ilmu yang berkaitan dengan kehidupan di dunia .

1

19 Agama _____ ialah agama yang lengkap dan universal.

1

20 Agama _____ ialah agama yang dihasilkan melalui pemikiran manusia.

1

21 _____ ialah agama yang mengatur cara hidup yang lengkap dan sempurna.

1

22 Islam menekankan hubungan sejagat iaitu hubungan manusia dengan _____, sesama manusia dan dengan alam.

1

23 Akal tidak mampu memikirkan perkara-perkara _____.

1

24 Orang yang keluar daripada ajaran Islam dinamakan _____.

1

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

25 Ingkar dan tidak percaya kepada Tuhan

1

26 Orang yang sentiasa menggunakan akal.

1

27 Malam Rasulullah s.a.w. diangkat ke langit.

1

28 Ilmu yang harus dipelajari, tetapi haram diamalkan.

1


Untuk kegunaan Pemeriksa	Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL. Tandakan (✕) pada pernyataan yang SALAH.		
1	29	Wahyu tidak diturunkan selepas kewafatan Rasulullah s.a.w.	
1	30	Wahyu al-Quran tidak terjamin daripada sebarang perubahan dan pemalsuan hingga hari kiamat.	
1	31	Wahyu al-Quran diturunkan secara berperingkat-peringkat dalam tempoh lebih kurang 23 tahun.	
1	32	Wahyu diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. seperti bunyi loceng	
1	33	Isi kandungan al-Quran sesuai kepada semua manusia tanpa mengira bangsa, warna kulit dan bahasa.	
1	34	Islam diiktiraf dan diterima oleh Allah s.w.t.	
1	35	Islam bererti kepatuhan, kesejahteraan dan penyerahan diri kepada Allah s.w.t.	
1	36	Islam ialah agama terakhir, lengkap dan terpelihara	
1	37	Wahyu hanya disampaikan kepada nabi dan rasul.	
1	38	Wahyu terdedah kepada salah dan silap.	
1	39	Wahyu ialah hasil pemikiran manusia.	
1	40	Wahyu bersifat kekal.	
1	41	Wahyu diperlukan untuk membimbing akal.	

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Ciri Wahyu	Y	Peranan Wahyu
---	------------	---	---------------

	Pernyataan	Jawapan
1	42 Memimpin manusia ke jalan yang benar.	
1	43 Membimbing manusia untuk memperoleh kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.	
1	44 Kebenarannya adalah mutlak, kandungannya adalah benar, sempurna dan lengkap.	
1	45 Mendidik manusia kepada akhlak yang mulia.	
1	46 Diturunkan kepada para nabi dan rasul sama ada melalui mimpi yang benar, di sebalik tabir atau melalui malaikat Jibril	

Lengkapkan carta di bawah



47 X : _____

48 Y : _____

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Wahyu diperlukan walaupun manusia dikurniakan akal yang sempurna. Berikan dua sebab mengapa wahyu masih diperlukan oleh manusia?.
- 2 Berikan pengertian wahyu
- 3 Jelaskan ciri-ciri wahyu
- 4 Terangkan cara wahyu diturunkan kepada Rasulullah s.a.w.
- 5 Jelaskan hikmat al-Quran diturun secara beringkat-peringkat.
- 6 Terangkan tiga bidang ilmu yang terdapat dalam al-Quran
- 7 Jelaskan dua kesan jika undang-undang tidak bersumberkan wahyu
- 8 Senaraikan dua keistimewaan al-Quran berbanding dengan kitab-kitab sebelumnya

PELAJARAN 6 UNIT 3

AKAL

Peranan dan kedudukan akal.

Maksud akal

Daya kemampuan manusia untuk berfikir

Ciri-ciri akal :

- Membezakan antara manusia dengan haiwan.
- Akal manusia boleh berkembang mengikut kemampuan manusia berfikir.
- Sentiasa berubah dan senang dipengaruhi oleh keadaan dan persekitaran.
- Akal tidak mampu memikirkan perkara ghaib.

Peranan Akal:

- Mempelajari dan memahami wahyu Allah SWT
- Membezakan antara kebaikan dengan keburukan.
- Meletakkan manusia ketahap yang mulia.
- Membolehkan manusia memakmurkan alam ini.
- Menyelesaikan masalah yang berlaku.
- Mengenal kekuasaan dan keagungan kuasa Allah SWT

Cara bersyukur dengan akal

1. Sentiasa meningkatkan daya pemikiran dengan menambahkan ilmu pengetahuan
2. Berfikir dengan bijaksana ketika menyelesaikan masalah yang berlaku.
3. Menjaga akal daripada perkara yang boleh merosakkan akal, seperti dadah, arak, pil khayal dan sebagainya.
4. Menjaga akal daripada pengaruh negatif seperti budaya lepak dan sebagainya.
5. Menyumbangkan idea yang baik untuk kebaikan dan kemajuan masyarakat.
6. Memaju dan memakmurkan alam dengan idea-idea yang berguna.

Kelemahan akal

1. Kebenarannya bersifat sementara dan boleh dipertikaikan.
2. Sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran masa.
3. Mudah dipengaruhi oleh keadaan dan persekitaran.
4. Kemampuan akal adalah terhad dan tidak mampu memikirkan hakikat sesuatu kebenaran.
5. Terdedah kepada kesilapan dan kesalahan.

Perkara yang merosakkan akal

1. Meminum atau memakan makanan yang memabukkan seperti arak, pil khayal, dadah dan sebagainya
2. Mempelajari ajaran yang sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar
3. Memikirkan perkara-perkara yang negatif yang tidak tercapai oleh akal

Cara menjaga kewarasan akal

1. Menjauhkan diri daripada meminum atau memakan benda-benda yang memabukkan seperti arak, pil khayal, dadah dan sebagainya
2. Menjauhkan diri daripada ajaran sesat
3. Sentiasa berusaha memupuk perkembangan akal dengan cara membaca, menyelidik, berfikir dan sebagainya
4. Sentiasa berfikiran positif

Perbezaan antara perbuatan yang berasaskan wahyu dan akal

Perbuatan yang berasaskan wahyu	Perbuatan yang berasaskan akal
Perbuatan tersebut tidak memihak kepada golongan tertentu	Berpihak dan berasaskan kepada sentimen bangsa, keturunan dan sebagainya
Perbuatan tersebut adalah menyeluruh dan adil kepada semua pihak	Perbuatan yang dilakukan tidak menyeluruh dan kadang kala menekan pihak yang lemah
Perbuatannya konsisten dan tidak berubah	Sentiasa berubah-ubah mengikut perubahan masa dan keadaan

Cara akal membuktikan kekuasaan Allah s.w.t.

- Memikir dan mengkaji segala ciptaan Allah SWT
- Menyakini bahawa segala kejadian di dunia ini adalah bukti kekuasaan Allah SWT
- Meneroka segala khazanah ilmu pengetahuan bagi mengakui hakikat kekuasaan Allah SWT
- Menerima dan mengakui keajaiban alam ini merupakan hasil ciptaan Allah SWT

Persoalan yang tidak mampu difikirkan oleh akal tanpa bimbingan wahyu

1. Memikirkan hakikat ketuhanan yang sebenar
2. Memikirkan Cara-cara beribadat yang sebenar
3. Memikirkan Perkara-perkara ghaib contohnya Malaikat, jin dan sebagainya
4. Memikirkan Perkara-perkara Samiyyat seperti azab kubur, syurga dan neraka
5. Memikirkan nilai-nilai dan akhlak murni yang sebenar

Sebab Akal Manusia Memerlukan Wahyu

1. Akal manusia sentiasa terdedah kepada kesilapan dalam membuat keputusan
2. Kebenaran akal adalah bersifat sementara
3. Kemampuan akal adalah terhad dan hanya mampu memikitkan perkara zahir sahaja
4. Akal manusia mudah dipengaruhi oleh nafsu dan persekitaran

Perbezaan antara wahyu dengan akal

Wahyu	Akal
Tetap dan tidak berubah	Sentiasa berubah
Kekal hingga kehari kiamat	Bersifat sementara
Menerangkan perkara ghaib dan samiyat	Memikirkan perkara yang zahir sahaja
Hanya diturunkan kepada nabi dan rasul sahaja	Di miliki oleh semua manusia
Kalam Allah SWT	Hasil pemikiran manusia

PELAJARAN 6 UNIT 3 : KEDUDUKAN AKAL

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1
- Boleh berubah
 - Bersifat sementara
 - Dimiliki oleh semua manusia
 - Terdedah kepada salah dan silap

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Akal
- B Hadis
- C Wahyu
- D al-Quran

BAHAGIAN B : Respon terhadap.

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- 2 Ingkar dan tidak percaya kepada Tuhan

1

- 3 Orang yang sentiasa menggunakan akal.

1

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Akal	Y	Wahyu
---	------	---	-------

		Pernyataan	Jawapan
1	4	Membezakan manusia dengan haiwan	
1	5	Bersifat mutlak	
1	6	Sentiasa menerima perubahan	
1	7	Menceritakan perkara-perkara samiyat	
1	8	Kekal dan bersifat syumul	

Soalan 55 hingga 59

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Peranan Akal	Y	Peranan Wahyu
---	--------------	---	---------------

		Pernyataan	Jawapan
1	9	Mengenal dan memahami kewujudan, kebesaran dan kekuasaan Allah s.w.t..	
1	10	Memahami wahyu yang diturunkan oleh Allah s.w.t..	
1	11	Membimbing manusia dalam semua aspek kehidupan di dunia dan di akhirat.	
1	12	Memberi panduan dalam melaksanakan ajaran Allah s.w.t..	
1	13	Meletakkan manusia ke tahap yang mulia.	

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Ciri-ciri Wahyu	Y	Ciri-ciri Akal
---	-----------------	---	----------------

		Pernyataan	Jawapan
1	14	Bersifat mutlak	
1	15	Terus berkembang	
1	16	Terdedah kepada salah dan silap	
1	17	Menerangkan perkara samiyat	

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Nyatakan dua cara bersyukur dengan anugerah akal.
- 2 Terangkan perbezaan antara wahyu dengan akal
- 3 Terangkan dua peranan akal kepada manusia
- 4 Senaraikan tiga amalan yang boleh merosakkan akal
- 5 Senaraikan dua ciri akal

PELAJARAN 6 UNIT 4 **ISLAM AGAMA SYUMUL**

Pembahagian agama

1. Agama Langit

ialah agama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia melalui perantaraan Rasul dan Nabi. Contohnya Agama Islam

Ciri-Ciri

- Mempunyai kitab suci yang datangnya daripada Allah SWT seperti al-Quran, Taurat, Zabur dan Injil
- Mempunyai Nabi dan Rasul sebagai pembawa agama tersebut.
- Ajarannya lengkap dan merangkumi semua aspek kehidupan manusia seperti ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan sebagainya
- Sesuai dengan fitrah semulajadi manusia
- Untuk semua manusia tanpa mengira pangkat dan keturunan

2. Agama Budaya

ialah agama yang diciptakan oleh manusia sendiri hasil daripada pemikiran mereka. Contohnya fahaman-fahaman seperti komunisme dan sebagainya

Ciri-Ciri

- Ajarannya berdasarkan pemahaman pengasas ajaran itu sahaja.
- Pengasas ajaran ini adalah terdiri daripada manusia biasa sahaja.
- Ajarannya tidak lengkap dan hanya merangkumi bahagian tertentu sahaja seperti kerohanian semata-mata
- Bertentangan dengan fitrah semulajadi manusia
- Untuk golongan tertentu sahaja
- Mempunyai pangkat dan kasta tertentu

Bukti Islam bukan agama Budaya

- Ajaran Islam sesuai dengan fitrah semulajadi manusia.
- Islam datangnya daripada Allah SWT
- Agama Islam bersifat syumul, universal serta tidak terhad kepada sesuatu bangsa dan kaum tertentu.
- Ajaran Islam merangkumi setiap aspek kehidupan manusia seperti, politik, ekonomi, sosial dan sebagainya.
- Mempunyai kitab suci (wahyu) yang datangnya daripada Allah SWT

Maksud Islam

Segi Bahasa :

Selamat, Sejahtera, Patuh dan menyerah diri.

Segi Istilah :

Tunduk dan patuh serta menyerah diri dengan sepenuhnya kepada Allah SWT dengan cara mengakui kebesaran dan keagungan-Nya.

Maksud Ad-din :

Islam adalah agama yang mengatur cara hidup yang lengkap dan sempurna. Cara hidup Islam merangkumi akidah, syariat, ibadat dan akhlak. (Islam adalah satu cara hidup)

Ciri-ciri Keunggulan Islam.

- Islam merupakan agama terakhir yang diturunkan oleh Allah SWT
- Islam adalah agama yang lengkap dan menyeluruh, yang merangkumi dunia dan akhirat
- Islam agama yang merangkumi segenap aspek kehidupan manusia samada dari segi ekonomi, politik, sosial dan sebagainya.
- Ajaran Islam kekal dan tidak berubah hingga ke hari kiamat.
- Agama yang menekankan hubungan sejagat, iaitu hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam sekitar.
- Ajaran Islam merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak.

Keistimewaan Islam

- Ajaran Islam lengkap dan memberi rahmat kepada seluruh alam.
- Islam menggalakkan pembangunan tamadun manusia.
- Islam datangnya daripada Allah SWT
- Ajaran Islam mudah diamalkan dan sesuai dengan fitrah semulajadi manusia.
- Ajaran Islam kekal hingga kehari akhirat.

Unsur pencemar kesucian Islam

- Meresapnya fahaman-fahaman yang boleh mengugat akidah umat Islam seperti sekularisme, materialisme, sosialisme, liberalisme, komunisme dan sebagainya
- Penularan ajaran sesat dikalangan umat Islam seperti ajaran Qadiani, Bahari, Taslim dan sebagainya

Implikasi meragui Islam

- Menyebabkan berlakunya gejala murtad (terbatal akidah dan terkeluar daripada agama Islam)
- Wujudnya golongan yang tidak mempercayai Allah SWT dalam masyarakat
- Segala amalan kebaikan yang dilakukan akan menjadi sia-sia (tidak mendapat balasan pahala oleh Allah SWT)
- Dimurkai oleh Allah SWT dan mendapat azab seksaan di akhirat
- Kehidupan tidak akan selamat didunia dan di akhirat.
- Berlakunya perpecahan masyarakat.

PELAJARAN 6 UNIT 4 : ISLAM AGAMA SYUMUL

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1 Ilmu yang berkaitan dengan kepentingan hidup di dunia yang membawa faedah kepada manusia dan alam ialah ilmu
- A falak
 - B fekah
 - C fardu ain
 - D fardu kifayah

- 2 Tidakkah engkau melihat bahawasanya Allah s.w.t. mengarahkan awan bergerak perlahan-lahan, kemudian Dia menjadikannya tebal berlapis-lapis. Selepas itu, engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya ...
(An-Nur :43)

Ayat di atas merujuk kepada proses

- A pembenihan awan
- B kejadian manusia
- C persenyawaan
- D kitar semula

- 3 Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.
(Ali Imran : 19)

Ayat di atas menunjukkan Islam sebagai

- A Ad-Din
- B Al-Kitab
- C Al-Quran
- D Al-Kalam

- 4 Perkataan Islam berasal daripada perkataan "Aslama" yang membawa maksud berikut, **kecuali**
- A kepatuhan
 - B keyakinan
 - C kesejahteraan
 - D penyerahan diri

- 5
- Hasil daripada pemikiran seseorang
 - Tidak lengkap dan tidak menyeluruh
 - Bercanggah dengan pemikiran manusia


Pernyataan di atas merujuk kepada agama

- A Islam
- B Yahudi
- C Nasrani
- D Budaya

- 6 Antara berikut yang manakah merujuk kepada ajaran Islam.
- i Lengkap dan menyeluruh.
 - ii Sesuai dengan fitrah manusia.
 - iii Hasil daripada pemikiran seseorang.
 - iv Diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w.
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

BAHAGIAN B : Respon terhad.

Carta di bawah berkaitan jenis agama



a. Tuliskan agama X dan Y

7 X : _____

8 Y : _____

Nyatakan dua buah kitab yang diturunkan dalam agama X

9 i) _____

10 ii) _____

Berikan dua contoh agama Y

11 i) _____

12 ii) _____

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Jelaskan tiga keistimewaan ajaran Islam
- 2 Berikan dua contoh hubungan manusia dengan Allah s.w.t.
- 3 Berikan dua contoh hubungan manusia sesama manusia
- 4 Senaraikan dua implikasi meragui Islam
- 5 Nyatakan dua perbezaan antara agama Islam dengan agama budaya
- 6 Jelaskan dua ciri keunggulan Islam

PELAJARAN 7

BIMBINGAN AL-QURAN

Maksud al-Quran :

Segi Bahasa : Al-Quran bermaksud bacaan.

Segi Istilah : Al-Quran ialah kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui Malaikat Jibril untuk disampaikan dan diamalkan oleh manusia. Al-Quran bermukjizat, lafaznya dalam bahasa arab dan maknanya daripada Allah SWT yang termaktub dalam mushaf, dipindahkan secara mutawatir. Al-Quran bermula daripada surah al-Fatihah dan berakhir dengan surah an-Nas. Membacanya adalah ibadat.

Kesempurnaan Al-Quran

- Kandungannya merangkumi pelbagai peraturan hidup, akhlak dan ilmu pengetahuan.
- Kesucian dan kebenarannya tidak dapat ditandingi oleh manusia dan jin.
- Kandungan al-Quran kekal dan sesuai sehingga ke hari akhirat.
- Isi kandungannya tidak bercanggah antara satu sama lain.

Al-Quran mempunyai pelbagai nama, antaranya seperti al-Quran, al-kitab, al-Kalam, al-Furqan, al-Zikr dan al-Fasl

Faktor Penurunan Al-Quran

Faktor penurunan al-Quran kepada manusia ialah

1. Akal manusia adalah terhad
2. Akal Manusia mudah dipengaruhi oleh hawa nafsu
3. Akal tanpa bimbingan daripada wahyu akan menjadi sesat
4. Untuk membimbing kehidupan manusia agar bahagia di dunia dan di akhirat
5. Akal Manusia tidak mampu memikirkan perkara ghaib.

Surah yang terdapat di dalam al-Quran berlainan nama dan berbeza panjang dan pendeknya. Surah yang terpanjang sekali ialah surah al-Baqarah dengan 283 ayat, manakala surah yang terpendek pula ialah surah al-Kausar yang hanya mengandungi 3 ayat.

Surah dan ayat dibahagikan kepada 30 juzuk. Juzuk yang pertama ialah Alif Lam Mim dan juzuk yang terakhir pula ialah juz Amma

Sebab al-Quran diturunkan secara beransur-ansur

Al-Quran diturunkan secara beransur-ansur selama 23 tahun melalui perantaraan Malaikat Jibril

- Untuk memudahkan para sahabat menghafal ayat-ayat yang diturunkan
- Untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh para sahabat pada waktu itu.
- Untuk memberi panduan serta mengubah cara hidup zaman jahiliyyah kepada kehidupan yang berasaskan Islam
- Untuk memberi ketenangan dan keteguhan pada jiwa Rasulullah SAW.
- Untuk memansuhkan ayat-ayat yang diturunkan terlebih dahulu.

Al-Quran diturunkan secara beransur-ansur dalam tempoh 23 tahun melalui perantaraan Malaikat Jibril. Wahyu pertama diturunkan pada bulan Ramadhan di gua Hira ketika Rasulullah SAW berumur 40 tahun.

Ayat pertama yang diturunkan ialah surah al-alaq dan ayat terakhir diturunkan ialah ayat ketiga surah al-Maidah

Kepentingan al-Quran

1. Menjelaskan tentang akidah Islamiah yang sebenar
2. Menerangkan cara-cara beribadat yang betul.
3. Menjelaskan akhlak yang mulia
4. Menerangkan hukum dan peraturan kehidupan manusia di dunia
5. Menerangkan perkara-perkara ghaib dan samiyyat

Perbezaan antara al-Quran dan Hadis

- Lafaz dan makna al-Quran datangnya daripada Allah SWT
- Membacanya akan mendapat pahala
- Orang yang berhadas tidak boleh menyentuh al-Quran

- Lafaznya daripada Rasulullah SAW manakala maknanya daripada Allah SWT
- Membaca hadis tidak mendapat pahala
- Hadis boleh di sentuh walaupun dalam keadaan berhadas besar

Keunggulan al-Quran

- Lafaz dan makna al-Quran datangnya daripada Allah SWT
- Membacanya akan mendapat pahala
- Dijaga oleh Allah SWT sehingga kehari kiamat
- Lengkap dan sempurna serta meliputi setiap aspek kehidupan manusia seperti perundangan, ekonomi, politik dan sebagainya
- Ayat dan kesucian kandungan al-Quran tidak dapat di tandingi oleh manusia dan jin sehingga ke hari Kiamat

Cara al-Quran Membimbing Akal Manusia

- Menjelaskan bentuk-bentuk akidah yang sebenar
- Menerangkan tentang kekuasaan Allah SWT melalui bukti yang nyata
- Menerangkan bentuk akhlak yang mulia untuk diamalkan oleh manusia
- Membuktikan kepada manusia tentang penciptaan alam dan manusia yang serba lengkap dan sempurna
- Menjelaskan unsur-unsur yang boleh merosakkan akal seperti arak, dadah dan sebagainya supaya manusia menjauhinya.

Manusia mempunyai 2 unsur iaitu :

1. Unsur tanah : melambangkan keperluan jasad dan aktiviti menyerupai aktiviti haiwan
2. Unsur roh : Unsur roh menjadikan manusia mempunyai kesedaran tentang kebenaran, kemampuan untuk memahami, mencintai nilai-nilai maknawi seperti cintakan kepada kebaikan
3. Kedua-dua unsur tersebut menjadikannya sebagai makhluk Allah SWT yang paling istimewa jika dibandingkan dengan makhluk ciptaan Allah yang lain

Pemikiran yang menyalahi Syarak/Al-Quran

Bentuk-bentuk pemikiran yang menyalahi syarak atau al-Quran ialah :

- Memikirkan cara untuk merosakkan manusia lain, harta benda atau alam ini
- Mencipta alatan yang boleh memusnah dan merosakkan manusia dan alam
- Berfikir untuk kepentingan diri sendiri
- Berfikiran negatif terhadap nikmat Allah SWT

Pemikiran yang menepati Syarak/Al-Quran

1. Pemikiran yang menjurus kepada mencari kebenaran. Umpamanya berfikir tentang kebesaran Allah SWT
2. Berfikir untuk memaju dan memakmurkan alam.
3. Berfikir untuk mencipta peralatan baru yang boleh memberi faedah kepada manusia sejagat
4. Berfikir perkara-perkara yang positif dan mengelakkan daripada fikiran negatif seperti berkhayal
5. Berfikir untuk memajukan diri, keluarga, agama dan bangsa
6. Berfikir secara rasional.

Cara kembali kepada al-Quran :

- Menyelesaikan segala masalah yang berlaku dengan berpandukan kepada ajaran al-Quran
- Mengkaji dan mempelajari ilmu-ilmu yang terdapat di dalam al-Quran
- Menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup seharian
- Mengamalkan segala ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian
- Mengkaji kebenaran al-Quran

PELAJARAN 7 : BIMBINGAN AL-QURAN

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1 Berikut ialah nama al-Quran, **kecuali**
A al-Kalam
B al-Furqan
C at-Taurat
D az-Zikir
- 2 Penurunan kitab suci al-Quran mengambil tempoh masa selama _____
A 21 tahun
B 23 tahun
C 25 tahun
D 27 tahun
- 3 Manusia mempunyai dua unsur, iaitu
i tanah
ii angin
iii api
iv roh

A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv
- 4 Al-Quran ialah pelengkap kepada semua kitab suci terdahulu khususnya dalam aspek _____
A ayat dan baris
B lafaz dan hukum
C susunan dan bunyi
D kandungan dan hujah
- 5 Antara perbuatan manusia yang dilarang oleh Allah s.w.t. ialah
i mengambil harta orang lain tanpa kebenaran
ii membawa telefon bimbit ke sekolah
iii menindik telinga bagi perempuan
iv membuang bayi yang baru lahir

A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

- 6 Umat Islam menyambut nuzul al-Quran pada tanggal _____ setiap tahun.
 - A 27 Rejab
 - B 15 Syaaban
 - C 17 Ramadan
 - D 12 Rabiulawal

- 7 Berikut merupakan perkara yang berkaitan dengan al-Quran, kecuali
 - A Kalam Allah s.w.t. yang mulia
 - B Dipindahkan secara musyafahah
 - C Lafaz maknanya daripada Allah s.w.t.
 - D Membacanya dianggap sebagai ibadat

- 8 Isi kandungan al-Quran merangkumi
 - i peraturan hidup
 - ii panduan akhlak
 - iii ilmu pengetahuan
 - iv ilmu menghibur diri
 - A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

- 9 Orang yang tidak beriman dengan al-Quran akan dikasihi oleh _____.
 - A Allah s.w.t.
 - B iblis dan syaitan
 - C Rasulullah s.a.w.
 - D saudara seagama

- 10 Wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. adalah berkaitan dengan _____.
 - A menuntut ilmu
 - B menunaikan ibadat
 - C melaksanakan hukum
 - D menjauhi perkara syirik

BAHAGIAN B : Respon terhad.

Soalan 11 hingga 15

Lengkapkan pernyataan berikut.

- 11 Kitab al-Quran merupakan salah satu daripada kitab _____ yang diturunkan oleh Allah s.w.t..
- 12 Al-Quran merupakan kitab terakhir yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada umat _____ dan _____.
- 13 Membaca _____ merupakan satu ibadat untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t..
- 14 _____ ialah naskah al-Quran yang bertulis tangan atau bercetak.
- 15 Susunan surah yang pertama di dalam al-Quran ialah surah _____ .

1

1


1

1

1

Soalan 16 hingga 18

Lengkapkan carta di bawah dengan nama kitab samawi




Namakan kitab X dan Y

- 16 X : _____
- 17 Y : _____
- 18 Kitab Taurat diturunkan kepada _____.

Soalan 19 hingga 22

Lengkapkan carta di bawah dengan sejarah penurunan wahyu pertama



19 P : _____


20 Q : _____

21 R : _____

22 S : _____

Soalan 23 hingga 24

Carta di bawah tentang tempoh penurunan wahyu kepada Rasulullah s.a.w.



Namakan tempat X dan Y


23 X : _____

24 Y : _____

Soalan 25 hingga 28


PENGALAMAN RASULULLAH S.A.W. SEWAKTU MENERIMA WAHYU PERTAMA	
25	a) Malaikat Jibril datang menemui baginda dengan menyeru kalimah Iqra' .
26	b) Setelah sampai di rumah, Siti Khadijah menenangkan baginda dan berjumpa dengan Waraqah bin Naufal.
27	c) Setelah Malaikat Jibril menyeru sebanyak tiga kali, barulah baginda dapat menyebutnya dengan lancar.
28	d) Rasul menerima wahyu pertama semasa sedang beribadat dalam Gua Hira'.

Susun semula peristiwa di atas mengikut urutan yang betul



Soalan 29 hingga 30

Carta di bawah berkaitan dengan peringkat penurunan wahyu




Nyatakan X dan Y

29 X : _____

30 Y : _____

Soalan 31 hingga 33

Carta di bawah adalah berkaitan nama-nama al-Quran



Nyatakan X dan Y


31 X : _____

32 Y : _____

33 Kalimah al-Quran disebut sebanyak _____ dalam mushaf al-Quran.

Soalan 34 hingga 35

Lengkapkan carta di bawah dengan bilangan surah dan juzuk dalam al-Quran



Nyatakan bilangan X dan Y

34 X : _____

35 Y : _____

Soalan 35 hingga 42

Teka silangkata di bawah berkaitan pengertian al-Quran.

PENGERTIAN AL-QURAN

Al-Quran ialah 35 Allah s.w.t. yang 36 , diturunkan kepada nabi 37 s.a.w. melalui perantaraan malaikat 38 a.s., lafaznya dalam bahasa 39 dan maknanya daripada 40 s.w.t. termaktub di dalam 41 , dipindahkan secara 42 dan membacanya menjadi satu 43 .

[illegible]

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Nyatakan pengertian al-Quran dengan lengkap
- 2 Terangkan tiga ciri keistimewaan al-Quran
- 3 Terangkan tiga faktor al-Quran diturunkan kepada seluruh manusia
- 4 Nyatakan dua kesan penghayatan al-Quran kepada masyarakat
- 5 Jelaskan dua sebab al-Quran dipelihara oleh Allah s.w.t. sehingga hari kiamat

PELAJARAN 8
BIMBINGAN HADIS

Maksud Hadis

Hadis bermaksud sesuatu yang diterima daripada Rasulullah SAW sama ada berupa perkataan, perbuatan atau pengakuan.

Contoh Hadis

Perkataan Rasulullah SAW

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “ Sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat “

Perbuatan Rasulullah SAW

Hadis yang menerangkan cara solat sebagaimana Rasulullah SAW solat

Pengakuan Rasulullah SAW

Pengakuan Rasulullah SAW. terhadap perbuatan sahabat atau orang lain dihadapan baginda SAW

Kepentingan Hadis

- menguatkan hukum-hukum yang terdapat nasnya dalam al-Quran.
- Menghuraikan nas-nas al-Quran yang mujmal (ringkas)
- Mentakhsihkan (menentukan) maksud nas yang umum
- Membataskan hukum nas yang mutlak (tidak terbatas)
- Menerangkan hukum yang tidak dinyatakan dalam al-Quran

Pembahagian Hadis

Hadis sahih :

Hadis yang mempunyai periwayatnya yang bersambung terus dengan Rasulullah SAW. Periwayatnya seorang yang memenuhi syarat-syarat periwayat hadis, iaitu :-

- Seorang yang adil.
- Seorang yang kuat ingatannya.
- Seorang yang boleh dipercayai.
- Seorang yang tidak melakukan sebarang dosa

Hadis Dhaif

Hadis yang tidak memenuhi syarat-syarat hadis Sahih dan hadis Hasan.

Contohnya

- Periwat hadis yang tidak disebutkan sebagai periwat dalam sesetengah hadis,
- Periwatnya tidak menepati syarat periwat hadis sahih seperti pendusta, pelupa dan sebagainya

Syarat-syarat hadis sahih dan Dhaif

Hadis Sahih.

- Hadis diriwayatkan oleh perawi yang boleh dipercayai. (Thiqah)
- Perawi hadis tersebut adalah seorang yang adil.
- Perawi hadis tersebut adalah seorang perawi yang kuat ingatannya. (Dhabit)
- Hadis tersebut bersih daripada sebarang kecacatan.

Hadis Dhaif

- Gugur seorang atau beberapa orang periwat dalam hadis tersebut.
- Nama periwat hadis tersebut tidak di sebut dengan jelas atau tergugur.
- Hadis yang diriwayatkan itu bertentangan dengan hadis lain yang menceritakan perkara yang sama.
- Hadis tersebut diriwayatkan oleh seorang yang pendusta atau pelupa

Perbezaan antara Hadis Sahih dengan Hadis Dhaif

Hadis Sahih	Hadis Dhaif
Dijadikan hujah dalam sesuatu hukum	Hujah daripada hadis dhaif tidak boleh diterima pakai.
Mengingkari hukum hadis sahih adalah berdosa	Mengingkari hadis dhaif tidak berdosa

Fahaman Anti Hadis

Maksud : Fahaman yang menolak hadis sebagai sumber perundangan Islam.

Sebab fahaman ini bertentangan dengan Islam:

- Menghilangkan rasa hormat kepada nabi yang menjadi utusan Allah SWT
- Dianggap menolak al-Quran kerana al-Quran juga diturunkan melalui nabi yang sama.
- Umat Islam akan berpecah belah
- Ajaran al-Quran tidak dapat difahami dengan jelas kerana al-Quran memerlukan penjelasan daripada hadis.

Kesan / keburukan daripada fahaman anti hadis

- Hilangnya rasa hormat kepada Rasulullah sebagai seorang utusan Allah SAW
- Berlakunya perpecahan keatas umat Islam.
- Ajaran Islam tidak dapat difahami dengan sempurna kerana terdapat hukum yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran dan memerlukan hadis untuk memahaminya.
- Umat Islam akan mundur dan ketinggalan dalam semua bidang.

PELAJARAN 8 : BIMBINGAN HADIS

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1 Hadis ialah _____
 - A perbuatan dan pengakuan nabi
 - B percakapan dan perbuatan nabi
 - C percakapan dan pengakuan nabi
 - D percakapan, perbuatan dan pengakuan nabi

- 2

Khalid al-Walid pernah memakan dhob, kemudian ditanya kepada Rasulullah s.a.w. Baginda sendiri enggan memakannya. Maka para sahabat bertanya; adakah haram memakannya? Baginda menjawab "Tidak! cuma binatang itu tidak ada di negeri kaumku, kerana itulah aku tidak gemar kepadanya".

(Maksud hadis)

Hadis di atas berbentuk

 - A Perbuatan rasulullah s.a.w.
 - B Pengakuan rasulullah s.a.w.
 - C Percakapan rasulullah s.a.w.
 - D Pelaksanaan rasulullah s.a.w.

- 3 Antara berikut yang manakah ciri-ciri perawi dalam hadis sahih?.
 - A ilat
 - B fasik
 - C dhaif
 - D thiqah

- 4 Ciri-ciri perawi hadis Dhaif ialah _____
 - i Perawi yang thiqah
 - ii Perawi yang lemah
 - iii Perawi yang fasik
 - iv Perawi yang adil
 - A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i dan iv

- 5 Apakah yang dimaksudkan dengan perawi hadis?.
- A Teks hadis
 - B Orang yang kuat ingatan
 - C Orang yang boleh dipercayai
 - D Orang yang meriwayatkan hadis
- 6 Pernyataan berikut adalah benar mengenai peranan hadis, **kecuali**
- A menjadi sumber rujukan yang pertama
 - B menguatkan nas al-Quran yang ringkas
 - C menentukan maksud nas al-Quran yang umum
 - D menguatkan hukum-hukum yang telah ditetapkan al-Quran
- 7 Hadis merupakan sumber rujukan kedua selepas _____
- A al-Qias
 - B al-Ijmak
 - C al-Quran
 - D al-Istihsan
- 8 "Sesungguhnya setiap amalan itu dimulakan dengan niat"
(Maksud hadis)
- Pernyataan di atas merujuk kepada hadis berbentuk _____
- A perbuatan
 - B perkataan
 - C pengakuan
 - D perbuatan dan pengakuan
- 9 Diriwayatkan oleh seorang yang dituduh pendusta, melakukan perbuatan fasik dan pelupa.
- Ciri-ciri di atas adalah gambaran bagi hadis jenis _____
- A Syaz
 - B Sahih
 - C Dhaif
 - D Hasan
- 10 _____ merupakan orang yang paling banyak meriwayatkan hadis Rasulullah s.a.w.
- A Abu Bakar al-Arabi
 - B Abdul Rahman b. Auf
 - C Abdul Rahman b. Shakharr
 - D Abdullah b. Abdul Mutalib

BAHAGIAN B : Respon terhadap.

Soalan 11 hingga 15

Lengkapkan pernyataan berikut.

11 Fahaman _____ ialah fahaman yang menolak hadis.

1

12 _____ dan hadis tidak boleh dipisah-pisahkan.

1

13 Antara kepentingan hadis ialah _____ hukum-hukum yang terdapat nasnya dalam al-Quran.

1

14 Menolak al-Quran dan hadis akan membawa kepada _____.

1

15 Hadis yang diriwayatkan oleh golongan yang dituduh pendusta adalah termasuk dalam jenis hadis _____.

1

Soalan 16 hingga 20

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

16 Orang yang meriwayatkan hadis

--

1

17 Periwat-periwayat hadis yang bermula dari pengumpul hadis hingga kepada nabi Muhammad s.a.w.

--

1

18 Orang yang dipercayai, adil, amanah serta menjauhi perkara-perkara maksiat.

--

1

19 Teks atau isi hadis

--

1

20 Orang yang cukup kuat ingatan.

--

1

Soalan 21 hingga 26


Tandakan pernyataan di bawah dengan (X) atau (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Wahyu	Y	Hadis
---	-------	---	-------

	Pernyataan	Jawapan
1	21 Diturunkan hanya kepada nabi dan rasul	
1	22 Menghuraikan nas-nas yang mujmal	
1	23 Perkataan, perbuatan dan pengakuan Rasulullah s.a.w.	
1	24 Penurunannya telah terhenti selepas kewafatan Rasulullah s.a.w.	
1	25 Mentakhsiskan maksud nas yang umum	
1	26 Kalam Allah s.w.t. yang mutlak	

Soalan 27 hingga 30

Carta di bawah berkaitan jenis-jenis hadis



Namakan hadis X dan Y

27 X : _____

28 Y : _____


Nyatakan dua ciri bagi hadis X

29 i) _____

30 ii) _____

Soalan 31 hingga 35

Lengkapkan carta di bawah berkaitan sumber perundangan Islam mengikut keutamaan.



Nyatakan sumber di P, Q, R dan S.

31 P : _____

32 Q : _____

33 R : _____

34 S : _____

35 Berikan pengertian sumber Q dengan lengkap.

Soalan 36 hingga 43

Lengkapkan petikan di bawah berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

78 tahun

5,374 buah

Bapa kucing

7 Hijrah

Madinah

Abu Hurairah

Meriwayatkan

57 Hijrah

____ 36 ____ atau nama sebenarnya Abdul Rahman bin Sakhar memeluk Islam pada bulan Muharam tahun ____ 37 ____ . Beliau merupakan orang yang paling banyak ____ 38 ____ hadis Rasulullah s.a.w. iaitu sebanyak ____ 39 ____ buah hadis. Beliau wafat di ____ 40 ____ pada tahun ____ 41 ____ ketika berusia ____ 42 ____ . Digelar Abu Hurairah yang bermaksud ____ 43 ____ kerana beliau amat menyayangi binatang tersebut.

36 _____

37 _____

38 _____

39 _____

40 _____

41 _____

42 _____

43 _____


KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Jelaskan pengertian hadis dengan lengkap.
- 2 Nyatakan tiga kepentingan hadis sebagai sumber rujukan kedua selepas al-Quran.
- 3 Antara syarat bagi perawi Hadis Sahih ialah adil.
Jelaskan ciri-ciri adil bagi seorang perawi hadis.
- 4 Apakah tindakan yang patut dilakukan oleh umat Islam sekiranya menghadapi masalah yang tidak terdapat dalam al-Quran
- 5 Jelaskan tiga kesan fahaman antihadis kepada masyarakat
- 6 Jelaskan dua langkah yang perlu dilaksanakan supaya hadis sentiasa dihayati oleh umat Islam

PELAJARAN 9

Pengaruh yang merosakkan pemikiran manusia



Bentuk Pengaruh Asing

1. Melalui ekonomi

Menerapkan sistem ekonomi yang berasaskan riba dan penindasan keatas golongan yang lemah, seperti kapitalis, sosialis dan liberal

2. Melalui Politik

Menerapkan sistem politik yang bertentangan dengan Islam seperti demokrasi, komunis dan sistem politik yang menindas golongan yang lemah

3. Melalui Sosial

Menerapkan sistem sosial yang terlalu bebas sehinggakan tidak mengenal batasan halal haram seperti hiburan yang melalaikan, memuja manusia secara berlebihan dan sebagainya.

Ciri Pengaruh asing yang bertentangan dengan Islam

- Menafikan kekuasaan Allah SWT sebagai pencipta dan peranan wahyu (al-Quran dan Hadis) dalam mengatur kehidupan manusia.
- Memberi kebebasan yang tidak terhad kepada manusia untuk melakukan apa saja demi mencari kepuasan peribadi.
- Menolak ayat al-Quran dan hadis yang bertentangan dengan logik pemikiran mereka.
- Menggalakan manusia mencari harta tanpa batasan halal dan haram.
- Terpengaruh dengan darjat dan bangsa sehingga sanggup mengasingkan agama dari kehidupan.
- Memuja manusia secara berlebihan.
- Berfikiran sempit berdasarkan bangsa, warna kulit, kaum dan sebagainya.
- Mengasingkan peranan agama dalam mengatur kehidupan seharian.

Bentuk ancaman budaya asing

- Menyalurkan hiburan yang keterlaluan dan melalaikan seperti Black Metal, Rock, Punk dan sebagainya.
- Menyemaikan budaya yang bertentangan dengan budaya Islam seperti sambutan Valentines day, mementingkan kebendaan dan sebagainya.
- Menyebarkan pemikiran yang sempit seperti sekularisme, sosialisme, free thinker dan sebagainya
- Menjajah negara yang lemah dan menyebarkan budaya penjajah kepada penduduk tempatan
- Menerapkan budaya hidup yang mementingkan kepuasan diri sendiri
- Mengeksploitasi penggunaan media massa melalui filem, lagu dan kebudayaan.

Cara menangani budaya asing

- Menapis berita yang di terima terlebih dahulu sebelum disebarkan.
- Mendalami ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang kehidupan
- Menjadikan Islam sebagai cara hidup
- Mengamalkan budaya hidup tempatan yang positif
- Memperkukuhkan akidah dan pegangan terhadap agama Islam yang syumul.
- Mengamalkan cara hidup yang sihat.
- Memberikan penerangan tentang keburukan budaya asing melalui ceramah, penulisan dan media massa.

Kesan Budaya Asing Terhadap Masyarakat Islam

- Berlakunya pergaulan bebas antara jantina yang berlainan seperti bersekedudukan tanpa nikah.
- Melahirkan anak luar nikah hasil daripada perbuatan zina.
- Lahirnya budaya puja syaitan seperti black metal.
- Merosakkan akidah dan cara hidup Islam.
- Umat Islam akan ketinggalan dalam semua bidang.
- Melahirkan generasi Islam yang sukakan hiburan yang tidak berfaedah.
- Berlakunya keruntuhan akhlak dan moral di kalangan remaja Islam.
- Melahirkan masyarakat yang bergantung kepada kuasa asing dalam semua bidang sama politik, ekonomi dan sosial.

Unit 2: Ajaran Sesat

Ajaran Sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang bukan Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan kepada al-Quran dan al-Hadis

Ciri-ciri Ajaran sesat

- Kepercayaan kepada rukun Iman dan asas akidah yang tidak selaras dengan al-Quran dan Hadis.
- Mempertikaikan kebenaran al-Quran dan Hadis Nabi.
- Ketua kumpulan ajaran yang diamalkan mendakwa bahawa dia adalah nabi Isa, Imam Mahadi atau lain-lain istilah yang serupa.
- Mendewa-dewakan ketua ajaran tersebut secara berlebih-lebihan.
- Menghuraikan al-Quran dan Hadis sesuka hati mereka.
- Membawa ajaran bahawa penyatuan semua agama di dunia sebagai agama yang mesti diikuti.
- Mengubah suai ibadat dalam ajaran Islam seperti solat hanya memadai dengan niat sahaja dan sebagainya.
- Mengadakan hukum baru yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya.

Bahaya Ajaran Sesat

Kepada Individu :

- Terkeluar daripada ajaran Islam.
- Jiwanya tidak tenang
- Sanggup bertindak di luar batasan seperti membunuh anak sendiri dan sebagainya.
- Di pulau oleh masyarakat

Kepada Masyarakat

- Berlakunya huru hara dalam masyarakat.
- Berlakunya keruntuhan rumah tangga
- Masyarakat menjadi mundur

Kepada Negara

- Negara menjadi tidak aman
- Berlakunya pergaduhan dalam negara.
- Negara menjadi mundur
- Pelabur tidak berani melabur dalam negara.

Cara menangani ajaran sesat

- Menjauhi kumpulan ajaran yang tidak pasti kebenarannya.
- Sentiasa mengamalkan budaya hidup Islam
- Sentiasa berusaha mendalami ajaran Islam yang sebenarnya
- Mengamalkan sifat terpuji dalam kehidupan
- Sentiasa menjauhi ajaran yang menyeleweng daripada ajaran Islam.
- Melapurkan kepada pihak berkuasa jika terdapat kumpulan yang bertentangan dengan islam

PELAJARAN 9 : PENGARUH YANG MEROSAKKAN PEMIKIRAN

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1 Budaya Islam ialah cara hidup masyarakat Islam yang berteraskan _____
 - A takwa
 - B zikrullah
 - C kalimah Syahadah
 - D darjat dan Keturunan

- 2 Pada zaman ICT ini, unsur-unsur budaya asing mudah tersebar melalui _____
 - i kuliah-kuliah ilmu
 - ii alatan elektronik
 - iii media massa
 - iv internet
 - A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

- 3 Liberalisme ialah _____
 - A fahaman yang mementingkan keduniaan semata-mata
 - B fahaman yang memisahkan urusan keduniaan dengan urusan agama
 - C fahaman yang terlalu ekstrim memberi kebebasan kepada individu
 - D fahaman yang menghapuskan hak milik perseorangan dan menjadikannya sebagai milik negara

- 4 Antara berikut yang manakah cara untuk menangani ancaman budaya asing?.
 - i Mendalami ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang
 - ii Menonton filem-filem luar negara yang canggih
 - iii Memperkukuhkan akidah dan keimanan
 - iv Menjauhi amalan-amalan negatif
 - A i , ii dan iii
 - B i , ii dan iii
 - C i , iii dan iv
 - D ii , iii dan iv

- 5 Berikut adalah aktiviti kebudayaan yang bercanggah dengan Islam, **kecuali**
 - A pertandingan ratu cantik
 - B pertandingan "Malaysian Idol"
 - C pertandingan bakat menyanyi
 - D pertandingan kampung tercantik

6. Antara kesan buruk akibat amalan budaya asing yang negatif dalam masyarakat ialah
- i kelahiran anak luar nikah
 - ii kegilaan terhadap muzik
 - iii pergaulan sesama rakan
 - iv terpengaruh dengan punk dan hip hop
- A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv
7. Yang manakah antara pernyataan berikut menerangkan cara menangani budaya asing?.
- i Meniru cara barat
 - ii Mengamalkan cara hidup sihat
 - iii Mendalami ilmu pengetahuan
 - iv Menerima berita tanpa ditapis
- A i dan ii
B iii dan iv
C ii dan iii
D i dan iv
8.

- Taasub dengan bangsa dan darjat
 - Berfahaman sempit
 - Menafikan kekuasaan Tuhan
- Keterangan di atas merujuk kepada
- A matlamat pengaruh asing
B tujuan pengaruh asing
C ciri-ciri pengaruh asing
D Kesan pengaruh asing
9. Antara ciri pengaruh asing yang bertentangan dengan Islam ialah menggalakkan manusia mencari _____
- A harta yang halal
B harta yang banyak
C harta tanpa batasan
D harta menurut syarak
10. Pernyataan di bawah menerangkan sikap golongan yang dipengaruhi oleh fahaman materialistik, **kecuali** _____
- A memandang darjat dan keturunan
B suka bermegah dengan barang mewah
C menganggap pelajaran agama penting
D meninggalkan solat kerana pentingkan perniagaan
11. Apakah kekuatan dalaman yang diperlukan oleh umat Islam untuk mencegah kemungkar dalam diri setiap individu?.
- A Pangkat dan darjat
B Harta benda
C Solat fardhu
D Nilai murni

- 12 Berikut adalah ciri-ciri ajaran sesat, **kecuali**
- A percaya alam ini bersifat qadim
 - B percaya solat boleh ditunaikan secara niat sahaja
 - C percaya bahawa Allah s.w.t. mempunyai anak dan isteri
 - D percaya bahawa Allah s.w.t. sahaja yang layak disembah
- 13 Antara kriteria ajaran sesat ialah
- A mengakui kebenaran al-Quran dan hadis
 - B menafikan kepercayaan atau fahaman sekularisme
 - C mengagungkan pemimpin atau kumpulan sesuatu ajaran
 - D mengawal amalan bidaah atau pendapat baru yang bertentangan syariat
- 14 Berikut adalah akibat ajaran sesat kepada masyarakat, **kecuali**
- A memutuskan tali persaudaraan
 - B melakukan pembunuhan
 - C tergelincir akidah individu
 - D keretakan rumah tangga
- 15 Pilih pernyataan yang benar mengenai ajaran sesat.
- i Memuliakan seseorang ahli agama
 - ii Mendakwa dirinya sebagai imam Mahdi
 - iii Mentafsir al-Quran dan hadis mengikut logik akal
 - iv Meyakini tidak ada kitab lain yang boleh menandingi al-Quran
- A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i dan iv
- 16 Berikut merupakan punca-punca lahirnya ajaran sesat.
- i Mencari pengaruh di dunia
 - ii Merapat hubungan silaturrahim
 - iii Kerakusan pemimpinnya untuk berkuasa
 - iv Mendapatkan sesuatu dengan cara yang mudah
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv
- 17 Berikut adalah kumpulan-kumpulan ajaran sesat.
- i Kumpulan Maunah
 - ii Kumpulan Ayah Pin
 - iii Kumpulan Rasul Melayu
 - iv Kumpulan Ahli Sunnah wal Jamaah
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

- 18 Menurut fatwa mufti bil. (67) 1409H/1988 halaman 93, Imam al-Mahdi akan keluar selepas berlakunya pergaduhan antara jemaah haji di _____
 A Jamratul Ula
 B Jabal Rahmah
 C Jamratul Wusta
 D Jamratul Aqabah
- 19 Pengikut-pengikut ajaran sesat akan
 A dirahmati Allah s.w.t.
 B diberkati Allah s.w.t.
 C dimurkai Allah s.w.t.
 D dikasihi Allah s.w.t.

BAHAGIAN B : Respon terhad.

Soalan 20 hingga 32

Lengkapkan pernyataan berikut.

- 20 Budaya bukan Islam ialah budaya yang dibina berdasarkan _____ manusia berasaskan pengalaman semata-mata.
- 21 Umat Islam perlu memperlengkapkan diri dengan kekuatan _____ untuk menyokong kekuatan dalaman.
- 22 Umat Islam dahulu berjaya mempertahankan kesucian Islam daripada pengaruh luar dengan memperkukuhkan _____ Islamiah.
- 23 Akidah yang kukuh, _____ yang mantap dan amalan yang sempurna boleh dijadikan perisai dalam menghadapi cabaran.
- 24 Islam menerima sebarang budaya asing asalkan tidak _____ dengan ajaran al-Quran dan al-Hadis.
- 25 Budaya dan pengaruh asing yang ditonjolkan oleh masyarakat barat kebanyakannya telah _____ masyarakat Islam dan umat-umat lain.
- 26 Pengaruh asing yang disebarkan dalam pelbagai bentuk telah mengundang banyak _____ kepada umat Islam.
- 27 _____ ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam.
- 28 _____ mengakui pemimpin Bahaiyyah sebagai Tuhan.

1

1

1

1

1

1

1

1

1

29 _____ ialah kepercayaan atau keyakinan seseorang kepada Allah s.w.t..

1

30 Seseorang yang mengikut ajaran sesat akan tergelincir _____.

1

31 Pengikut dan pengamal ajaran sesat akan dimasukkan ke dalam _____.

1

32 Kerajaan Malaysia akan mengambil tindakan terhadap _____ dan pengikut ajaran sesat.

1

Soalan 33 hingga 36

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

33 Fahaman yang menghapuskan hak milik perseorangan.

--

1

34 Fahaman yang memisahkan urusan keduniaan dengan urusan agama.

--

1

35 Fahaman yang mementingkan keduniaan semata-mata.

--

1

36 Fahaman yang memberi kebebasan kepada individu sehingga menyebabkan penindasan.

--

1

Soalan 37 hingga 50

Untuk kegunaan Pemeriksa	Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL. Tandakan (✗) pada pernyataan yang SALAH.	
☐ 1	37 Pengaruh asing yang bertentangan dengan syarak jika dibendung akan merugikan agama, bangsa dan negara.	☐
☐ 1	38 Ekonomi kapitalis menggalakkan amalan riba.	☐
☐ 1	39 Fahaman sekular menyatukan urusan keduniaan dengan urusan agama.	☐
☐ 1	40 Imperialis ialah bangsa atau negara yang mengamalkan kuasa pemerintahannya ke atas negara-negara lain.	☐
☐ 1	41 Memuja manusia secara berlebihan adalah salah satu daripada ciri-ciri pengaruh asing.	☐
☐ 1	42 Pada zaman kolonial, pengaruh budaya asing dibawa oleh golongan raja dan bangsawan.	☐
☐ 1	43 Ajaran Islam menggalakkan umatnya berbudaya dan bertamadun.	☐
☐ 1	44 Amar makruf nahi mungkar bermaksud melakukan kemungkaran dan mencegah kebaikan	☐
☐ 1	45 Pengaruh budaya asing dapat ditangani dengan cara mengamalkan cara hidup yang tidak sihat.	☐
☐ 1	46 Pengaruh asing menguasai ekonomi umat Islam dengan cara menerapkan sistem riba dalam urusan muamalat.	☐
☐ 1	47 Ajaran Matahari adalah satu contoh ajaran sesat.	☐
☐ 1	48 Golongan Batiniyah mengatakan sembahyang ada zahir dan batin.	☐
☐ 1	49 Ajaran sesat tidak mendatangkan bahaya yang besar kepada umat Islam.	☐
☐ 1	50 Ajaran sesat diiktiraf oleh semua agama.	☐

Soalan 51 hingga 58

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Ciri budaya Islam	Y	Ciri Budaya Bukan Islam
---	-------------------	---	-------------------------

	Pernyataan	Jawapan
☐ 1	51 Suka hidup bebas tanpa tanggungjawab.	
☐ 1	52 Menolak pemikiran yang bertentangan dengan akal.	
☐ 1	53 Semua umat Islam adalah bersaudara.	
☐ 1	54 Memuja manusia secara berlebih-lebihan.	
☐ 1	55 Keburukan orang lain dibalas dengan kebaikan.	
☐ 1	56 Kerja yang dilakukan ikhlas kerana Allah s.w.t..	
☐ 1	57 Menjauhi perkara-perkara mazmumah.	
☐ 1	58 Mementingkan tuntutan hawa nafsu.	

Soalan 59 hingga 62

Tentukan pernyataan tentang kesan ajaran sesat di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.


X	Kesan kepada masyarakat	Y	Kesan kepada individu
---	-------------------------	---	-----------------------

	Pernyataan	Jawapan
☐ 1	59 Terputus tali silaturrahim.	
☐ 1	60 Berlaku pergaduhan dan permusuhan.	
☐ 1	61 Jiwa menjadi murung dan tidak tenang.	
☐ 1	62 Akidah tergelincir dan terbatal syahadah.	

Soalan 63 hingga 68


Tuliskan jawapan pada ruang yang disediakan.

63. Mempertikaikan kebenaran al-Quran dan hadis.
64. Menekankan hubungan sejagat.
65. Mendewa diri atau pemimpin.
66. Lengkap dan sempurna.
67. Merangkumi kehidupan di dunia dan akhirat.
68. Mentafsir al-Quran dan hadis sewenang-wenangnya



Soalan 69 hingga 70

Carta di bawah adalah berkaitan contoh kumpulan ajaran sesat



69 X : _____

70 Y : _____

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Apakah yang dimaksudkan dengan fahaman mulhid?.
- 2 Nyatakan tiga keburukan fahaman Sekularisme
- 3 Nyatakan tiga keburukan fahaman Liberalisme
- 4 Senaraikan empat contoh pengaruh budaya asing yang merosakkan akidah.
- 5 Nyatakan dua kesan buruk pengaruh filem asing yang bertentangan dengan Islam.
- 6 Jelaskan empat ciri pengaruh asing yang bercanggah dengan Islam.
- 7 Nyatakan tiga keburukan media massa yang memesongkan pemikiran dan moral remaja Islam.
- 8 Berikan pengertian ajaran sesat.
- 9 Nyatakan ciri-ciri ajaran sesat.
- 10 Cadangkan beberapa cara untuk membanteras ajaran sesat.
- 11 Jelaskan tiga kesan ajaran sesat terhadap masyarakat
- 12 Terangkan tiga faktor sesuatu ajaran itu dianggap sesat

PELAJARAN 10 **RABANIYYAH**

Pengertian Rabaniyyah.

Maksud Rabaniyyah dari segi bahasa ialah ketuhanan.

laitu segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT. (Al-Quran) dan Al-Hadis Rasulullah SAW. Umat Islam juga wajib menyakini bahawa setiap perkara yang terdapat dalam ajaran Islam adalah datangnya daripada Allah SWT

Prinsip Rabaniyyah

- 1. Islam adalah agama yang diwahyukan oleh Allah SWT.**
Islam bukanlah agama ciptaan manusia kerana ianya berdasarkan kepada wahyu Allah SWT. (al-Quran)
- 2. Islam adalah satu pegangan yang jitu dan bersih daripada kekurangan, kejahilan dan dorongan hawa nafsu manusia.**
Allah SWT. sebagai pencipta agama Islam memiliki sifat kesempurnaan
- 3. Islam dan seluruh makhluk adalah hak Allah SWT.**
Allah SWT sebagai pemilik segala makhluk ciptaannya.
- 4. Allah SWT sebagai pemberi peraturan hidup**
Allah SWT telah menyediakan segala peraturan untuk kebahagiaan hidup manusia di dunia dan di akhirat.

Cara Memiliki sifat Rabaniyyah

- Beriman dan yakin dengan rukun iman
- Melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya
- Berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai keredaan Allah SWT.
- Berakhlak mulia dalam kehidupan seharian.
- Melakukan penyelidikan dan penerokaan bagi membuktikan kekuasaan dan keagungan Allah SWT.
- Berjihad dengan nyawa, harta dan akal fikiran untuk meninggikan syariat Islam.

Ciri-ciri Islam agama langit

(Agama yang diciptakan oleh Allah S.W.T.
yang bersifat Rabaniyyah.

- 👉 Kelahiran agama Islam adalah tertentu waktunya. Iaitu bermula daripada nabi Adam sehinggalah kepada Nabi Muhammad SAW.
- 👉 Agama Islam disampaikan oleh para Rasul dan Nabi yang dilantik oleh Allah SWT.
- 👉 Agama Islam mempunyai kitab suci (al-Quran) yang menjadi himpunan wahyu Allah SWT.
- 👉 Prinsip agama Islam adalah bersifat mutlak dan universal
- 👉 Prinsip ketuhanan dalam ajaran Islam adalah jelas, bukan di susun oleh manusia
- 👉 Nilai ajaran Islam adalah sesuai dengan sifat kemanusiaan sejagat
- 👉 Perkara ghaib dalam agama Islam adalah mudah di fahami dan di akui kebenarannya oleh akal manusia yang waras
- 👉 Ajaran Islam adalah kekal dan lengkap dalam semua segi kehidupan manusia

Contoh agama langit

- Agama Yahudi
- Agama Kristian
- Agama Islam

Agama yahudi dan kristian telah diselewengkan oleh para ulama mereka menyebabkan ajaran agama-agama tersebut telah hilang keaslian dan ciri-ciri agama langit serta tidak diterima lagi oleh Allah SWT.

PELAJARAN 10 : RABBANIYYAH

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat

1

Segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terdapat dalam Islam bersumberkan wahyu Allah s.w.t. dan hadis

Pengertian di atas merujuk kepada

- A Uluhiyyah
- B Rububiyyah
- C Syumuliyyah
- D Rabbaniyyah

2 Selain daripada peraturan hidup, Rabbaniyyah meliputi

- i cara
- ii hukum
- iii konsep
- iv prinsip

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

3

- Islam agama wahyu bukan ciptaan manusia
- Seluruh makhluk merupakan hak milik Allah s.w.t.
- Allah s.w.t. yang menyediakan peraturan hidup

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A dasar syariat Islam
- B bentuk Syumuliyyah
- C ciri-ciri agama Islam
- D prinsip-prinsip Rabbaniyyah

4 Prinsip-prinsip Rabbaniyyah ialah

- i Islam menjamin hak asasi manusia
- ii Islam adalah agama yang diwahyukan Allah s.w.t.
- iii Islam dan seluruh makhluk adalah hak milik Allah s.w.t.
- iv Islam menekankan keseimbangan hidup di dunia dan di akhirat

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C iii dan iv
- D i dan iv

- 5 Agama yang diredai Allah s.w.t. ialah
A Islam
B Majusi
C Nasrani
D Buddha
- 6 Berikut adalah cara memiliki sifat Rabbaniyyah, **kecuali**
A berakhlak mulia dan terpuji
B berjihad dengan harta dan nyawa
C bekerja bersungguh-sungguh untuk kesenangan hidup
D mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya
- 7 Berikut merupakan kitab-kitab suci Allah s.w.t. yang diturunkan kepada para nabi, **kecuali**
A Injil
B Zabur
C Taurat
D Tsamud
- 8 Rabbaniyyah bermaksud
A kesaksian
B ketuhanan
C penciptaan
D pembuktian
- 9 Manakah antara pernyataan berikut membuktikan Islam agama langit?.
i Mempunyai kitab suci
ii Disampaikan oleh utusan Allah s.w.t.
iii Kelahiran agama Islam tertentu waktunya
iv Prinsip-prinsipnya boleh dipinda mengikut zaman

A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv
- 10 Agama budaya ialah
A ajaran yang dibawa melalui rasul
B ajaran yang bersumberkan wahyu Allah s.w.t.
C kepercayaan berasaskan bimbingan wahyu
D ajaran yang berasaskan cita-cita, pengalaman dan penghayatan pengasasnya tanpa bimbingan wahyu
- 11 Berikut adalah amalan syirik, **kecuali**
A menyembah api
B menyembah berhala
C menyembah matahari
D menyembah Allah s.w.t.

BAHAGIAN B : Respon terhad

Soalan 12 hingga 16

Lengkapkan pernyataan berikut.

12 _____ ialah segala konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang bersumberkan wahyu Allah s.w.t.

1

13 _____ ialah pemberi peraturan hidup kepada seluruh makhluk di dunia ini.

1

14 Konsep _____ atau tauhid, memimpin akal manusia mengenal dan mentaati-Nya.

1

15 _____ dan nahi mungkar merupakan nilai baik yang dianjurkan oleh Allah untuk mengawal keselamatan manusia di dunia dan di akhirat.

1

16 _____ ialah berusaha bersungguh-sungguh dengan mengorbankan harta benda, nyawa, masa dan tenaga.

1

Soalan 17 hingga 20

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan

17 Segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terdapat dalam Islam bersumberkan wahyu Allah s.w.t.

--

1

18 Menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain pada zat, sifat dan perbuatan.

--

1

19 Sarwajagat atau meliputi seluruh alam

--

1

20 Terpelihara daripada melakukan dosa kecil dan dosa besar

--

1


Soalan 21 hingga 26

Untuk kegunaan Pemeriksa	Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL. Tandakan (×) pada pernyataan yang SALAH.
--------------------------------	--

1	21	Rabbaniyyah ialah keyakinan dalam hati secara mutlak bahawa Allah s.w.t. ialah pemilik dan pentadbir alam.	
1	22	Rabbaniyyah ialah segala peraturan yang terdapat dalam al-Quran bersumberkan wahyu Allah s.w.t. dan hadis.	
1	23	Islam adalah agama yang diwahyukan Allah.	
1	24	Agama langit merupakan agama ciptaan manusia.	
1	25	Al-Quran tidak mampu ditandingi oleh akal manusia yang bijaksana.	
1	26	Perkara-perkara ghaib mampu dikaji secara saintifik.	

Soalan 27 dan 28

Lengkapkan carta di bawah




27 X : _____

28 Y : _____

Soalan 29 dan 30

Lengkapkan carta di bawah



29 X : _____

30 Y : _____

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Nyatakan pengertian Rabbaniyyah?.
- 2 Jelaskan tiga prinsip Rabbaniyyah?.
- 3 Terangkan dua ciri Islam sebagai agama samawi.
- 4 Jelaskan perbezaan antara agama langit dan agama budaya
- 5 Nyatakan dua kelebihan al-Quran berbanding kitab-kitab lain.
- 6 Huraikan tiga cara memiliki sifat Rabbaniyyah dalam kehidupan seharian
- 7 Islam agama yang bersih daripada kecacatan dan kekurangan.
Jelaskan hujah bagi membuktikan kebenaran pernyataan di atas.
- 8 Islam dan seluruh makhluk adalah kepunyaan Allah s.w.t.
Jelaskan cara merealisasikan prinsip tersebut dalam kehidupan manusia.
- 9 Nyatakan ciri- ciri agama budaya.

PELAJARAN 11

SYUMULIYYAH

Pengertian Syumuliyyah

Syumuliyyah bermaksud Lengkap dan sempurna iaitu agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW adalah lengkap dan sempurna. Ajaran Islam merangkumi semua aspek kehidupan manusia yang meliputi dunia dan akhirat.

Islam mengatur setiap sudut kehidupan manusia seperti akhlak, ekonomi, perundangan, sosial, politik, kebudayaan, ilmu pengetahuan, falsafah, sains dan sebagainya.

Prinsip Syumuliyyah

1. Kesempurnaan Adalah milik Allah SWT.

Manusia diciptakan penuh dengan kelemahan. Islam yang diciptakan oleh Allah SWT adalah agama yang sempurna dan mampu memenuhi semua keperluan hidup manusia.

2. Semua manusia terikat dengan masa, ruang, dan tempat tertentu.

Manusia mesti tunduk dan patuh kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT

3. Allah telah menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi.

Manusia telah dibekalkan dengan akal dan wahyu serta peraturan daripada Allah SWT untuk membangun dan memakmurkan alam mengikut ketetapan Allah SWT

3. Islam telah menyediakan segala peraturan hidup yang mencakupi setiap sudut

Peraturan tersebut samada berhubung dengan kehidupan manusia di dunia seperti sosial, budaya, ekonomi dan sebagainya, dan yang berhubung dengan kehidupan di akhirat seperti cara beribadat.

Bukti Kesyumulan Islam dalam kehidupan manusia

Islam menyediakan segala peraturan untuk kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akhirat,

Ibadat Khusus

Peraturan perhubungan antara manusia dengan Allah SWT secara langsung contohnya :

- Puasa Solat Zakat Haji Lain-lain ibadat

Ibadat Umum

Peraturan perhubungan dengan Allah SWT tetapi memerlukan perantaraan manusia lain. Contohnya :

- Sedekah Menolong orang lain Berbuat baik sesama manusia

Konsep Syumuliyyah dalam Kehidupan

- Agama tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan manusia. Kehidupan yang di bina atas dasar agama akan membawa kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akhirat. Kesempurnaan Islam dalam kehidupan meliputi semua aspek kehidupan manusia. Antaranya :

1. Bidang Ekonomi

- Islam mengariskan panduan dan cara yang terbaik dalam menguruskan ekonomi seperti Islam mengharuskan jual beli dan mengharamkan riba dan penindasan.

2. Bidang Perundangan

- Islam telah menetapkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh manusia. Contohnya hukum hudud, qisas dan takzir.

3. Bidang Sosial

- Islam telah menetapkan peraturan dan adab pergaulan sesama manusia, perhubungan antara bangsa dan sebagainya.

PELAJARAN 11 : SYUMULIYYAH

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1 Lengkap dan sempurna meliputi kehidupan di dunia dan akhirat

Pengertian di atas merujuk kepada

- A Uluhiyyah
- B Waqi'iyah
- C Syumuliyyah
- D Rabbaniyyah

- 2 Nyatakan prinsip-prinsip Syumuliyyah
- i Ajaran Islam bersifat praktikal
 - ii Manusia sebagai khalifah Allah
 - iii Kesempurnaan hanya milik Allah
 - iv Setiap makhluk tunduk kepada sunnatullah

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

- 3 Hubungan manusia dengan pencipta-Nya dikenali sebagai ibadat

- A khusus
- B umum
- C sunat
- D harus

- 4 Hubungan manusia sesama manusia dikenali sebagai ibadat

- A khusus
- B umum
- C sunat
- D harus

- 5 Kesalahan yang dikenakan hukuman balas seperti membunuh dibalas bunuh

Pernyataan di atas menerangkan tentang hukum

- A Qisas
- B Takzir
- C Hudud
- D Tahdib

6	X	Menggunakan kemahiran dan kepakaran memperdayakan orang tanpa disedari oleh orang lain.
---	---	---

X merujuk kepada

- A rasuah
- B monopoli
- C manipulasi
- D pecah amanah

BAHAGIAN B : Respon terhad.

Soalan 14 hingga 23

Soalan 7 hingga 10

Lengkapkan pernyataan berikut.

7 _____ ialah lengkap dan sempurna meliputi kehidupan di dunia dan akhirat

1

8 _____ ialah hukum yang telah ditentukan hukumannya dalam al-Quran dan al-Hadis.

1

9 Kesalahan yang dikenakan hukuman balas seperti membunuh dibalas bunuh dikenali sebagai _____.

1

10 _____ ialah hukuman yang ditentukan oleh pihak mahkamah yang hukumannya tidak ditentukan dalam al-Quran dan al-Hadis.

1

Soalan 11 hingga 15

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

11 Agama yang lengkap dan sempurna meliputi kehidupan di dunia dan di akhirat

--

1

12 Tatacara perhubungan sesama manusia untuk memenuhi keperluan hidup.

--

1

13 Fahaman yang memisahkan agama dengan kehidupan harian.

--

1

14 Bunga atau pertambahan bayaran dalam urusan jual beli.

1

15 Penguasaan sepenuhnya ke atas sesuatu barangan.

1

Soalan 16 hingga 20

Untuk Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL.
kegunaan Tandakan (✗) pada pernyataan yang SALAH.
Pemeriksa

1

16 Syumuliyyah bermaksud agama yang lengkap dan sempurna meliputi kehidupan di dunia dan akhirat.

1

17 Antara prinsip Syumuliyyah ialah Islam menjamin hak asasi manusia.

1

18 Tujuan perundangan Islam adalah untuk menjaga agama, nyawa, keturunan, harta dan akal.


1

19 Islam melarang perbuatan khurafat adalah untuk menjaga harta manusia.

1

20 Hubungan manusia dengan Allah s.w.t. dan sesama manusia merangkumi konsep Syumuliyyah.

Soalan 21 hingga 26



KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Apakah yang dimaksudkan dengan Syumuliyyah?
- 2 Senaraikan dua prinsip Syumuliyyah.
- 3 Jelaskan dua aspek Syumuliyyah dalam konteks keilmuan.
- 4 Jelaskan dua aspek Syumuliyyah dalam konteks ekonomi.
- 5 Jelaskan dua aspek Syumuliyyah dalam konteks sosial.
- 6 Jelaskan dua aspek Syumuliyyah dalam konteks perundangan.
- 7 Jelaskan dua aspek Syumuliyyah dalam konteks kekeluargaan.
- 8 Jelaskan dua aspek Syumuliyyah dalam konteks ibadat.
- 9 Terangkan dua hujah yang membuktikan kesyumulan Islam dalam kehidupan.

PELAJARAN 12

Waqiiyyah

Pengertian Waqiiyyah

Waqiiyyah bermaksud : Ajaran Islam adalah bersifat realiti, praktikal dan boleh serta mampu diamalkan oleh semua manusia tanpa mengira kedudukan, pangkat, bangsa dan sebagainya.

Islam sentiasa mengajak manusia supaya mempercayai perkara yang boleh dibuktikan dengan hujah dan dalil yang jelas

Prinsip Waqiiyyah

1. Ajaran Islam bersifat praktikal

Islam sentiasa mengambil kira kedudukan dan kemampuan sebenar manusia yang mempunyai kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri. Oleh itu Islam menetapkan batas kesempurnaan dan kewajipan yang paling minima untuk dilakukan oleh manusia

2. Ajaran Islam menyelesaikan masalah manusia

Islam sentiasa menyediakan cara dan jalan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh manusia melalui al-Quran dan al-Hadis Rasulullah SAW

3. Islam menekankan kesederhanaan

Islam sentiasa mengariskan keseimbangan antara kehidupan di dunia dan kehidupan di akhirat, antara hak individu dan masyarakat dan sebagainya.

4. Islam sentiasa positif terhadap pemikiran manusia

Islam sentiasa mengalakkan umatnya supaya meningkatkan daya pemikiran yang tinggi, kreatif dan inovatif

Bukti Islam Menekankan Kesederhanaan

Akidah	Islam hanya mewajibkan umatnya mempercayai perkara yang mempunyai bukti dan dalil yang jelas dan nyata
Ibadat	Ibadat dalam Islam tidak terlalu meringan dan tidak sampai membebankan umatnya.
Kehidupan	Ajaran Islam adalah mengimbangi antara keperluan kehidupan di dunia dan kebahagiaan hidup diakhirat
Undang-undang	Perundangan Islam adalah sesuai dengan fitrah semulajadi manusia. Setiap hukuman dalam Islam adalah adil dan saksama
Individu dan masyarakat	Setiap individu mempunyai hak yang mesti dilaksanakan bagi menjamin keharmonian hidup

Bukti Islam bersifat Waqiiyyah.

Perundangan

- Perundangan Islam dapat diterima dan amalkan oleh semua manusia.
- Islam mementingkan keadilan sejagat.
- Keadilan Islam bersifat menyeluruh.
- Islam sentiasa membela kebenaran dan menentang kebatilan

Bidang Sosial

- Islam tidak memaksa orang bukan Islam memeluk Islam.
- Islam memberi Kebebasan kepada orang bukan Islam mengamalkan kepercayaan masing-masing.
- Islam memberi Kebebasan kepada individu untuk mengeluarkan pendapat selagi tidak bercanggah dengan syarak..
- Islam memberi Kebebasan kepada manusia untuk memiliki harta yang halal.

Bidang ibadat

- Setiap ibadat dilakukan mengikut kemampuan dan keadaan seseorang.
- Setiap pekerjaan yang mencukupi syarat-syaratnya dikira sebagai ibadat.
- Setiap pekerjaan manusia akan di beri pembalasan samada di dunia ataupun di akhirat

PELAJARAN 12 : WAQI'IYYAH

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1
- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Realiti bukan khayalan• Menyelesaikan masalah• Menekankan kesederhanaan |
|---|

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A prinsip Syumuliyah
- B ciri-ciri Alamiyyah
- C prinsip Waqi'iyah
- D kelebihan Murunah

- 2
- | |
|--|
| X |
| Bersifat praktikal dan mampu diamalkan oleh semua golongan manusia |

Merujuk kepada pernyataan di atas, X ialah

- A Syumuliyah
- B Rabbaniyyah
- C Waqi'iyah
- D Murunah

- 3 Waqi'iyah bermaksud _____ dan mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.
- A praktikal
 - B lengkap
 - C tetap
 - D tepat

- 4 Berikut ialah cara penyelesaian masalah dalam rumah tangga Islam.
- i Diat
 - ii Talak
 - iii Khuluk
 - iv Fasakh
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv



- 5 Islam mengharuskan seseorang tidak berpuasa sekiranya bermusafir atau sakit, tetapi wajib diganti pada hari yang lain

Pernyataan di atas merujuk kepada Waqi'iyah dalam

- A ibadat.
- B akidah.
- C kerohanian.
- D undang-undang.

BAHAGIAN B : Respon terhad.

Soalan 6 hingga 9

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan di bawah.

Kreatif	Inovatif	Wahyu	Mukjizat
A	B	C	D

- 6 Sifat sesuatu yang diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat dan sebagainya yang baru. _____
- 7 Mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli. _____
- 8 Perkara luar biasa yang dianugerahkan kepada rasul-rasul. _____
- 9 Firman Allah yang disampaikan kepada nabi dan rasul melalui malaikat atau tanpa melaluinya. _____

Soalan 10 hingga 14

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 10 _____ ialah persetujuan atau kesepakatan antara ulamak mujtahidin umat Muhammad mengenai sesuatu hukum syarak pada masa tertentu
- 11 Akal dan pengalaman tanpa bantuan _____ tidak dapat memahami kewujudan Allah s.w.t.
- 12 Menuntut ilmu adalah _____ bagi setiap muslim lelaki dan perempuan.
- 13 Islam membenarkan umatnya mengumpul kekayaan asalkan tidak mengabaikan kewajipan terhadap _____.
- 14 Umat Islam merupakan umat yang terbaik yang dilahirkan untuk memikul tanggungjawab dan amanah sebagai _____.

1

1

1

1

1

Soalan 15 hingga 19

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- | | | | |
|----|---|----------------------|-------------------------|
| 15 | Sesuatu yang tidak mungkin dapat dilaksanakan | <input type="text"/> | <div><div>1</div></div> |
| 16 | Mempunyai sesuatu yang nyata atau zahir dan perkara-perkara ghaib yang mempunyai dalil dan bukti. | <input type="text"/> | <div><div>1</div></div> |
| 17 | Firman Allah s.w.t. yang disampaikan kepada nabi dan rasul. | <input type="text"/> | <div><div>1</div></div> |
| 18 | Perkara atau unsur yang berhubung dengan kebendaan. | <input type="text"/> | <div><div>1</div></div> |
| 19 | Kemudahan atau kelonggaran yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada hamba-Nya dalam melaksanakan ibadat. | <input type="text"/> | <div><div>1</div></div> |


Soalan 20 hingga 24

Untuk kegunaan Pemeriksa	Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL. Tandakan (✗) pada pernyataan yang SALAH.
--------------------------------	--

- | | | | |
|-------------------------|----|--|----------------------|
| <div><div>1</div></div> | 20 | Waqi'iyah dalam Islam bersifat praktikal. | <input type="text"/> |
| <div><div>1</div></div> | 21 | Al-Quran dan al-Hadis merupakan sumber rujukan utama dalam menyelesaikan masalah. | <input type="text"/> |
| <div><div>1</div></div> | 22 | Islam menggalakkan umatnya berusaha untuk mencari kehidupan di dunia dengan tidak melupakan akhirat. | <input type="text"/> |
| <div><div>1</div></div> | 23 | Penyelesaian masalah dalam Islam hanya boleh diselesaikan oleh akal sahaja. | <input type="text"/> |
| <div><div>1</div></div> | 24 | Kelebihan Islam tidak sekadar berkaitan dengan aspek material tetapi juga meliputi aspek sosiologi. | <input type="text"/> |

Soalan 25 hingga 26

Lengkapkan carta berikut



25 X : _____

26 Y : _____

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Apakah yang dimaksudkan dengan kesederhanaan dalam ibadat.
- 2 Antara prinsip waqi'iyah ialah menekankan kesederhanaan. Jelaskan kesederhanaan dalam aspek kerohanian dan kebendaan.
- 3 Senaraikan dua prinsip kesederhanaan dalam waqi'iyah
- 4 Terangkan dua bukti waqi'iyah dalam muamalat.
- 5 Terangkan dua bukti waqi'iyah dalam munakahat.
- 6 Terangkan dua bukti waqi'iyah dalam hukum jenayah
- 7 Nyatakan dua aktiviti yang boleh meningkatkan budaya ilmu berdasarkan waqi'iyah.

PELAJARAN 13 **ALAMIYYAH**

Pengertian Alamiyyah

Alamiyyah bermaksud sejagat, buana, global atau universal, iaitu menyakini bahawa ajaran Islam adalah sesuai pada semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.

Ajaran Islam sesuai dan dapat diamalkan pada semua tempat, masa dan zaman. Islam juga untuk semua manusia tanpa mengira kedudukan warna kulit dan darjat seseorang.

Prinsip Alamiyyah.

1. Manusia adalah sebaik-baik kejadian

Kejadian manusia adalah berasal daripada Nabi Adam. Kemuliaan kejadian manusia terletak pada akal nya. Dengan anugerah akal itu manusia diamanahkan untuk memaju dan

2. Memakmurkan alam ini mengikut ketetapan Alah SWT

Keadilan Islam tidak terikat pada bangsa, keturunan atau darjat seseorang. Semua manusia adalah sama tarafnya disisi Islam kecuali orang-orang yang bertakwa.

3. Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.

Islam diturunkan untuk kebahagiaan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Oleh itu menjadi kewajipan setiap muslim untuk menegakkan kebenaran dan kebaikan dan mencegah segala kemungkaran.

4. Islam menjamin hak asasi manusia.

segala hak asasi manusia untuk hidup dengan aman dan bahagia di dunia dan di akhirat sentiasa terpelihara dengan membuat berbagai peraturan dan undang-undang Islam sentiasa memastikan.

Maksud Hak Asasi Manusia

Hak asasi ialah hak kemanusiaan yang harus dimiliki oleh semua manusia berdasarkan andaian bahawa semua manusia memiliki satu bentuk hak yang sama, yang tidak dipengaruhi oleh faktor tempatan, perkauman dan kewarganegaraan.

Sehubungan dengan itu, Islam mengakui wujudnya hak tertentu yang mesti dinikmati oleh setiap individu, yang dianggap sebagai "sebahagian daripada sifatnya sebagai seorang manusia",

Hak Asasi Manusia yang dijaga oleh Islam

Antara Hak Asasi Manusia yang dijaga oleh Islam antaranya ialah :

1. Kebebasan bersuara
2. Kebebasan melindungi nyawa
3. Kebebasan beragama
4. Kebebasan memiliki harta
5. Kebebasan memelihara kehormatan dan maruah diri
6. Hak untuk mendapatkan kesihatan
7. Hak untuk mendapatkan pendidikan
8. Hak untuk memelihara harta benda.

Bukti Islam Bersifat Alamiyyah

Bidang Perundangan

- Perundangan Islam dapat di terima dan di amalkan oleh seluruh manusia
- Islam mementingkan kedamaian dan keadilan sejagat
- Keadilan Islam adalah menyeluruh dan tidak terhad kepada umat Islam sahaja
- Islam sentiasa membela keadilan dan menentang kemungkaran
- Islam sentiasa membela hak perlindungan nyawa dan kehormatan semua manusia

Bidang Sosial

- Tiada paksaan dalam memeluk Islam
- Semua manusia bebas mengamalkan agama dan budaya masing-masing
- Kebebasan bersuara dan memberi pendapat
- Kebebasan memiliki harta yang halal

Bidang Ibadat

- Kewajipan menunaikan perkara fardu Ain dan fardu Kifayah
- Setiap ibadat boleh dilakukan mengikut kemampuan dan keupayaan masing-masing
- Setiap pekerjaan manusia dikira sebagai ibadat jika cukup segala syaratnya
- Setiap amalan manusia akan diberikan ganjaran

PELAJARAN 13 : ALAMIYYAH

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1 Alamiyyah bermaksud _____
 - A nyata
 - B praktikal
 - C lengkap
 - D sarwajagat

- 2 Antara berikut yang manakah menerangkan tentang prinsip Alamiyyah?.
 - i Menegakkan keadilan sejagat
 - ii Islam menjamin hak asasi manusia
 - iii Islam agama yang mudah dan praktikal
 - iv Menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran
 - A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

- 3

Islam sesuai diamalkan sepanjang zaman

Pernyataan di atas menerangkan konsep

 - A Alamiyyah
 - B Waqi'iyah
 - C Syumuliyyah
 - D Rabbaniyyah

- 4 Pilih pernyataan yang benar tentang sifat Alamiyyah.
 - i Tiada paksaan dalam agama
 - ii Membela kebenaran dan menentang kebatilan
 - iii Setiap kerja dikira ibadat jika mengikut syarat-syaratnya
 - iv Tiada kebebasan mengamalkan agama dan budaya masing-masing
 - A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i dan iv

- 5 Antara bukti Islam bersifat Alamiyyah dalam bidang sosial ialah
 - A setiap amalan akan diberi balasan
 - B membela kebenaran dan menentang kebatilan
 - C setiap kerja dikira ibadat jika mengikut syarat-syaratnya
 - D kebebasan mengamalkan agama dan budaya masing-masing

- 6 Di bawah pemerintahan Islam, orang bukan Islam bebas mengamalkan ajaran agama, adat dan budaya
- Pernyataan di atas menerangkan tentang prinsip
- A Alamiyyah
 - B Waqi'iyah
 - C Syumuliyyah
 - D Rabbaniyyah
- 7 Berikut adalah contoh-contoh perbuatan masyarakat yang melanggar hak asasi manusia, **kecuali** _____
- A mengganggu ketenteraman awam
 - B penderaan terhadap kanak-kanak dan orang tua
 - C membunuh atau menghilangkan nyawa seseorang tanpa hak
 - D mengutamakan keamanan dan mengekalkan kesejahteraan manusia
- 8 Bukti Islam bersifat Alamiyyah dalam bidang ibadat ialah
- A tiada paksaan dalam memeluk Islam
 - B kebebasan memiliki harta yang halal
 - C hak perlindungan nyawa dan kehormatan
 - D setiap kerja dikira ibadat jika mengikut syarat-syaratnya

BAHAGIAN B : Respon terhad.

Soalan 9 hingga 13

Lengkapkan pernyataan berikut.

- 9 Islam adalah agama bersifat _____ yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.
- 10 _____ adalah sifat keji yang dibenci oleh Allah s.w.t.
- 11 Allah s.w.t. telah menetapkan hukuman _____ untuk melindungi nyawa manusia.
- 12 _____ dan fardu kifayah ialah suatu kewajipan ke atas umat Islam.
- 13 Setiap amalan baik akan diberi _____ dan dijanjikan ganjaran syurga di akhirat.

1

1

1

1

1

Soalan 14 hingga 17

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- | | | | |
|----|---|----------------------|--|
| 14 | Islam adalah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman. | <input type="text"/> | <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> |
| 15 | Sifat-sifat terpuji dan mulia. | <input type="text"/> | <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> |
| 16 | Kebebasan manusia untuk menganuti sebarang kepercayaan dan agama. | <input type="text"/> | <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> |
| 17 | Menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. | <input type="text"/> | <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> |


Soalan 18 hingga 21

Untuk kegunaan Pemeriksa	Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL. Tandakan (✕) pada pernyataan yang SALAH.
-----------------------------	--

- | | | | |
|--|----|---|----------------------|
| <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> | 18 | Islam tidak memaksa seseorang individu untuk memeluk ajarannya. | <input type="text"/> |
| <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> | 19 | Keadilan dalam Islam terikat pada batasan keturunan | <input type="text"/> |
| <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> | 20 | Islam tidak memberi hak perlindungan nyawa dan kehormatan | <input type="text"/> |
| <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> | 21 | Antara hak asasi manusia ialah memelihara harta benda. | <input type="text"/> |
| <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> | 22 | Islam tidak memusuhi orang bukan Islam bahkan menjamin hak kebebasan mereka dalam negara Islam. | <input type="text"/> |

Soalan 23 hingga 24

Lengkapkan carta di bawah



23 X : _____

24 Y : _____

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Nyatakan ciri-ciri Alamiyyah Islam dalam bidang sosial
- 2 Terangkan bukti yang menunjukkan Alamiyyah Islam dalam bidang perundangan
- 3 Konsep Islam ialah amar ma'aruf nahi mungkar.
Terangkan dua kesan jika terdapat golongan yang hanya menegakkan kebenaran tetapi tidak mencegah kemungkaran.
- 4 Senaraikan empat hak asasi yang dijamin oleh Islam.
- 5 Islam diturunkan bertujuan menjamin kesejahteraan hidup manusia.
Huraikan cara untuk mewujudkan kesejahteraan dan keamanan tersebut.
- 6 Nyatakan pengertian 'Alamiyyah.
- 7 Jelaskan prinsip 'Alamiyyah.
- 8 Nyatakan contoh perbuatan masyarakat yang melanggar hak asasi manusia.
- 9 Terangkan ciri-ciri hak asasi manusia dalam Islam.
- 10 Jelaskan bukti manusia makhluk yang paling dimuliakan Allah s.w.t.
- 11 Nyatakan perkara yang melayakkan manusia dimuliakan oleh Allah s.w.t.

PELAJARAN 14

Pengertian Pengertian

Murunah bermaksud luwes atau anjal. Iaitu menyakini bahawa segala hukum dan peraturan yang terdapat dalam Islam boleh berubah mengikut kesesuaian masa dan keadaan, namun masih tetap diatas prinsip asasnya.

Walaupun Islam telah menetapkan pelbagai hukum dan batasan yang perlu diikuti oleh umat Islam, tetapi dalam keadaan tertentu masih ada kelonggaran pada perkara cabang mengikut kesesuaian tempat dan masa.

Prinsip Murunah

1. Islam agama yang mudah.

- Islam mengetahui kemampuan manusia dalam melaksanakan perintah Allah SWT
- Islam memberi kelonggaran kepada umatnya dalam melaksanakan perintahNya. Contohnya cara berpakaian diberi kelonggaran asalkan menutup aurat.

2. Dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan manusia

- Islam prihatin terhadap kemampuan umatnya.
- Dalam melaksanakan ibadat wajib seperti solat umat Islam boleh melakukan dalam berbagai keadaan seperti sambil berbaring, duduk dan sebagainya jika terdapat alasan yang munasabah seperti sakit dan sebagainya

Kelebihan sifat Murunah

1. Menunjukkan sifat toleransi dan berhikmahnya Islam
2. Menarik minat orang bukan Islam untuk memahami ajaran Islam
3. Mengalakkan Umat Islam mentaati dan melaksanakan perintah Allah SWT dengan sempurna
4. Memastikan kesinambungan Islam dan ajarannya sepanjang masa hingga ke hari kiamat.

Thabat

Thabat bermaksud bahawa ajaran Islam dalam keadaan tertentu adalah bersifat tetap, teguh dan tidak mengalami perubahan.

Terdapat beberapa perkara yang tidak dapat di pinda dan di ubah serta bersifat tetap. Perkara-perkara tersebut telah dinyatakan oleh Allah SWT secara tetap atau qat'ie. Perkara tersebut tidak boleh di ubah samada dasar, prinsip dan pelaksanaannya. Keadaan ini untuk menjaga kemuliaan dan ketinggian hidup manusia.

Perkara-perkara yang Thabat (tetap) dalam ajaran Islam

1. Akidah.

- Akidah ialah keyakinan kepada Allah yang Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya. Keyakinan ini tidak boleh berubah walau apa pun yang berlaku

2. Ibadat.

- Dalam melakukan ibadat wajib, Islam tidak pernah memberi toleransi kepada umatnya. Kita tetap wajib menunaikan ibadat walau dalam apa jua keadaan cuma caranya sahaja yang berbeza.

3 Ketetapan Hukum Syarak.

- Hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT seperti hukum wajib, haram, sunat, makruh dan harus akan tetap kekal sehingga ke hari kiamat.

Perkaitan antara Murunah dengan Thabat

Islam bersifat tetap dalam perkara asas dan prinsip tetapi murunah (anjali) dalam perkara cabang dan pelaksanaannya. Contohnya kewajipan menutup aurat adalah tetap, tetapi cara menutup aurat (berpakaian) di beri kelonggaran kepada manusia mengikut feysen dan keselesaan mereka.

Setiap perkara telah ditetapkan asasnya dalam Islam, tetapi terpulanglah kepada manusia untuk melaksanakannya. Contohnya Islam menggalakkan perniagaan dan mengharamkan riba.

PELAJARAN 14 : MURUNAH

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

- 1 Murunah bermaksud _____
 - A mampu diamalkan secara praktikal oleh semua manusia
 - B lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan dunia dan akhirat
 - C boleh berubah mengikut kesesuaian namun tetap atas prinsip asasnya
 - D sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman

- 2

Agama Islam adalah mudah dan tidak menyusahkan penganutnya.

Pernyataan di atas merujuk kepada

 - A Murunah
 - B Alamiyyah
 - C Waqi'iyah
 - D Syumuliyyah

- 3 Pernyataan yang benar tentang prinsip Murunah ialah
 - A kewajipan melakukan ibadat haji yang menepati syarak.
 - B ibadat solat boleh diringankan apabila seseorang itu sibuk atau bermusafir
 - C puasa bulan Ramadan boleh ditinggalkan pada waktu siang dan tidak perlu diqada.
 - D Islam mewajibkan umatnya menutup aurat dengan pelbagai fesyen yang menepati syarak.

- 4 Kelebihan sifat murunah ialah
 - i menarik minat orang bukan Islam
 - ii memastikan sifat riak berkembang
 - iii memastikan kesinambungan ajaran Islam
 - iv menunjukkan sifat toleransi dan berhemah
 - A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

- 5 Pilih situasi yang bersesuaian dengan konsep Murunah.
 - i berpuasa walaupun memudaratkan diri
 - ii menghimpun solat Zohor dan Asar ketika bermusafir
 - iii mewakili orang lain melontar jamrah bagi dirinya
 - iv mempelbagaikan fesyen dengan menutup aurat yang menepati syarak.
 - A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

- 6 Ali telah mengikuti rombongan sekolahnya ke Melaka. Jarak perjalanan dari sekolahnya ialah lebih kurang 500 km. Beliau telah mengerjakan solat Zohor dan Asar secara jamak dan qasar.
- Situasi di atas merujuk kepada konsep
- A Murunah
 - B Alamiyyah
 - C Syumuliyyah
 - D Rabbaniyyah
- 7 Maksud Thabat ialah
- A tetap
 - B pindah
 - C berubah
 - D fleksibel
- 8 Antara berikut yang manakah bersifat tetap dan tidak boleh berubah?.
- i Berpakaian menutup aurat
 - ii Hukum-hukum syariah yang melibatkan perkara-perkara wajib, halal dan haram.
 - iii Perkara-perkara akidah yang melibatkan konsep kewujudan, kekuasaan, kebesaran dan kemuliaan Allah s.w.t..
 - iv Perkara-perkara yang melibatkan maruah diri, masyarakat dan keselamatan negara daripada ancaman musuh.
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C ii, iii dan iv
 - D i, iii dan iv
9. Kelebihan sifat Thabat ialah
- i dapat mengawal nafsu syahwat
 - ii menjaga martabat dan maruah diri seseorang
 - iii memastikan umat Islam patuh kepada perintah Allah
 - iv membezakan antara orang Islam dengan orang kafir
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv
- 10 Antara perkara berikut yang manakah tidak boleh bertoleransi?.
- i Sirah nabi
 - ii Hukum syariat
 - iii Ibadat khusus
 - iv Akidah Islamiah
- A i, ii dan iii
 - B i, ii dan iv
 - C i, iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

BAHAGIAN B : Respon terhad.

Soalan 11 hingga 17

Lengkapkan pernyataan berikut.

- | | | | |
|----|--|----------------------|--------------|
| 11 | Dua solat fardu yang dihindungkan dan dilakukan dalam satu waktu. | <input type="text"/> | <div>1</div> |
| 12 | Solat empat rakaat dijadikan dua rakaat sahaja. | <input type="text"/> | <div>1</div> |
| 13 | Kelonggaran yang diberikan Allah kepada umat Islam dalam mengerjakan ibadat. | <input type="text"/> | <div>1</div> |
| 14 | Tetap, teguh serta tidak berubah dasar, prinsip serta pelaksanaan. | <input type="text"/> | <div>1</div> |
| 15 | Menyakini kewujudan Allah s.w.t. serta mengenaliNya | <input type="text"/> | <div>1</div> |
| 16 | Tanggungjawab yang diberi kepada seseorang yang baligh dan berakal. | <input type="text"/> | <div>1</div> |
| 17 | Mereka-reka perkara baru dalam agama yang tidak diamalkan pada zaman Rasulullah s.a.w. | <input type="text"/> | <div>1</div> |

Untuk kegunaan Pemeriksa	Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL. Tandakan (✕) pada pernyataan yang SALAH.
--------------------------------	--

- | | | | |
|--------------|----|---|----------------------|
| <div>1</div> | 18 | Islam telah memberi kelonggaran kepada penganutnya untuk mempelbagaikan fesyen pakaian asalkan tidak terkeluar daripada batas syarak. | <input type="text"/> |
| <div>1</div> | 19 | Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah keadilan. | <input type="text"/> |
| <div>1</div> | 20 | Syariat telah menetapkan pelbagai hukum demi kesejahteraan hidup manusia. | <input type="text"/> |
| <div>1</div> | 21 | Murunah ialah luwes, anjal dan boleh berubah mengikut kesesuaian namun masih tetap atas prinsip asasnya | <input type="text"/> |
| <div>1</div> | 22 | Ar-Rahman ialah sifat Allah s.w.t. yang Maha Adil. | <input type="text"/> |

Soalan 23 hingga 26

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) atau (Y) dalam ruangan yang disediakan.


X	Murunah
---	---------

Y	Thabat
---	--------

		Pernyataan	Jawapan	
<table><tr><td>1</td></tr></table>	1	23	Umat Islam wajib meyakini keesaan Allah s.w.t. dan tiada sekutu bagi-Nya.	
1				
<table><tr><td>1</td></tr></table>	1	24	Seseorang yang sakit melakukan ibadat solat secara duduk atau baring.	
1				
<table><tr><td>1</td></tr></table>	1	25	Hukuman bagi penzina yang belum berkahwin ditetapkan 100 kali sebatan.	
1				
<table><tr><td>1</td></tr></table>	1	26	Islam menggalakkan umatnya mengumpulkan harta kekayaan secara yang halal bukan secara yang haram.	
1				

Soalan 27 hingga 28

Lengkapkan carta di bawah.




27 P ialah _____

28 Q ialah _____

Soalan 29 hingga 30

Lengkapkan carta di bawah



29 Ibadat bagi X ialah _____

30 Contoh bagi Y ialah _____

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

- 1 Nyatakan pengertian murunah dengan lengkap
- 2 Terangkan dua prinsip murunah dalam Islam beserta dengan contohnya.
- 3 Nyatakan dua kelebihan sifat murunah
- 4 Jelaskan perkaitan antara murunah dengan thabat.
- 5 Nyatakan pengertian Thabat
- 6 Sebahagian daripada ajaran Islam adalah tetap dan tidak boleh berubah. Apakah hikmat disebalik penetapan tersebut?.
- 7 Jelaskan dua perkara yang tidak boleh bertoleransi dalam Islam
- 8 Islam mewajibkan umatnya menutup aurat untuk menjaga maruah dan kehormatan diri. Mengapakah Islam menetapkan kewajipan tersebut?.
- 9 Jelaskan kesan kepada pembangunan negara jika Islam tidak mempunyai sifat Murunah.
- 10 Islam telah menetapkan hukuman rejam kepada penzina. Apakah hikmat disebalik penetapan hukuman tersebut?.

PELAJARAN 15 UNIT 1
SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM - NEGARA ISLAM

Pengertian Negara Islam

Negara Islam ialah negara yang mengarahkan segala urusan pemerintahan dan pentadbirannya tunduk kepada hukum Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-hadis serta Ijtihad yang benar.

Negara Islam juga boleh diistilahkan sebagai Darul Islam, iaitu sesebuah negara yang berada di bawah kekuasaan orang Islam dan syiar Islam yang meliputi hukum Allah SWT dan orang-orang mukmin benar-benar jelas mempunyai kekuatan dalam negara tersebut.

Prinsip Negara Islam

Prinsip negara Islam di bina atas dasar

Musyawarah (as-Syura)

- As-Syura bermaksud bermesyuarat.
- Setiap keputusan dan tindakan dilakukan oleh pemerintah melalui kaedah bermesyuarat dengan ahli majlis mesyuarat

Keadilan (al-Adalah)

- Negara Islam memberikan keadilan kepada semua rakyatnya tanpa mengira kedudukan bangsa dan warna kulit.
- Keadilan kepada rakyat untuk mendapatkan segala kemudahan dan dari apa yang mereka usahakan.

Kebebasan (al-Huriyyah)

- Kebebasan kepada rakyat untuk mendapatkan hak asasi mereka seperti kebebasan beragama, kebebasan bersuara, kebebasan bergerak dan sebagainya.
- Kebebasan untuk mencari dan memiliki harta.
- Kebebasan untuk hidup dengan aman dan selamat

Persamaan (al-Musawamah)

- Persamaan kepada semua warga negara untuk mendapatkan kemudahan dan hak sebagai warganegara.
- Persamaan dari segi mendapatkan perlindungan dan mencari serta memiliki harta.

Pembentukan Negara Islam

Pembentukan sesebuah negara mesti mempunyai perkara-perkara berikut, antaranya:

1. Wilayah

2. Rakyat

Penduduk sesebuah negara yang terdiri samada rakyat beragama Islam dan bukan Islam. Rakyat bukan Islam terbahagi kepada 2 ;

- i. Kafir Harbi – Orang kafir yang ingin memerangi negara Islam
- ii. Kafir Zimmi – Orang bukan Islam yang tidak berniat untuk memerangi negara Islam

3. Ketua Negara

Pemerintah yang dilantik oleh Majlis syura. Mestilah seorang Islam yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh syarak

4. Majlis Syura

Majlis permesyuaratan tertinggi negara yang berfungsi sebagai badan penasihat kepada ketua negara dalam urusan pentadbiran negara.

5. Undang-undang

Berpandukan al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan utama

6. Badan Kehakiman

Berpandukan al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan utama

7. Pentadbiran dan penguatkuasaan

Berpandukan al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan utama

Ciri-ciri Negara Islam

1. Sistem pemerintahan negara adalah berdasarkan kepada al-Quran dan al-Hadis
2. Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar
3. Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan kepada rakyat dalam negara.
4. Menjamin hak dan kebebasan asasi rakyatnya.
5. Ketua negaranya adalah seorang yang adil dan beriman kepada Allah SWT
6. Majlis syura sebagai asas pemerintahan negara.

Matlamat Negara Islam

- Untuk Menegakkan Perundangan dan Hukum Allah SWT.

Hukum Allah SWT. tidak dapat ditegakkan tanpa kuasa pemerintahan. Dengan terlaksananya negara Islam segala hukum Allah SWT. dapat dilaksanakan dengan senang dan teratur

2. Untuk Merialisasikan Keadilan.

Keadilan merupakan prinsip utama dalam sistem negara Islam. Dalam melaksanakan pemerintahannya ketua negara Islam mestilah melaksanakan keadilan kepada setiap rakyatnya..

3. Untuk Melaksanakan Kebajikan.

Dengan kuasa pemerintahan, kebajikan rakyat akan terbela kerana dasar pemerintaahan dan pentadbiran Islam dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab keatas setiap rakyatnya, seperti pendidikan, kesihatan dan sebagainya.

4. Untuk Mencapai Kebahagiaan Hidup di Dunia dan di Akhirat.

Pemerintah Islam berperanan untuk memastikan rakyatnya mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat dengan merancang program dan perancangan bagi memajukan rakyatnya tanpa melanggar hukum Allah SWT.

Piagam Madinah

Piagam Madinah adalah merupakan perlembagaan kepada negara Madinah setelah Rasulullah S.A.W mendirikan negara Islam di sana.

Piagam ini merupakan asas kepada pentadbiran dan pemerintahan negara yang mencakupi semua aspek bernegara.

Piagam ini mengandungi 47 perkara yang digubal untuk kesejahteraan rakyat Madinah keseluruhannya tanpa mengira bangsa, pangkat dan kedudukan seseorang.

Piagam ini juga dikenali sebagai "Perlembagaan Madinah atau Sahifah Madinah"

Sebab Rasulullah saw menggubal Piagam Madinah.

- Untuk membentuk sebuah negara yang aman dan harmoni
- Untuk melindungi hak individu dan masyarakat setempat.
- Untuk menyatu padukan semua rakyat di Madinah.
- Menjamin kebebasan rakyat untuk mengamalkan ajaran masing-masing.
- Untuk menentukan peranan dan tugas Rasulullah S.A.W sebagai ketua negara.

Kedudukan Rasulullah SAW berdasarkan Piagam Madinah

- Rasulullah sebagai ketua negara
- Rasulullah sebagai ketua tentera
- Rasulullah sebagai ketua hakim
- Rasulullah sebagai ketua angkatan tentera.
- Rasulullah sebagai ketua ulama.

Majlis Syura.

Syura bermaksud setiap keputusan yang hendak dijalankan, diputuskan setelah mendapat persetujuan daripada ahli majlis syura atau orang ramai terlebih dahulu. Konsep syura diasaskan untuk mewujudkan perbincangan antara cerdik pandai dengan ahli agama dalam menyelesaikan masalah untuk melahirkan keputusan yang adil dan bertanggungjawab terhadap negara.

Keahlian Majlis Syura

Terdiri daripada ulama dan cerdik pandai yang pakar dalam sesuatu bidang yang akan dibincangkan. Mereka mestilah bersifat adil, bijaksana, berhikmah dan mempunyai daya fikiran yang tajam serta di hormati oleh masyarakat

Proses dan amalan.

- Jika perkara tersebut yang melibatkan hukum agama yang bersandarkan kepada al-Quran dan al-hadis, pemerintah wajib melaksanakannya.
- Jika perkara tersebut bersifat khilaf (perselisihan pendapat) pemimpin perlu menggunakan kebijaksanaannya untuk memilih pendapat berasaskan kepada kekuatan hujjah dan bukti ahli majlis syura.
- Dalam urusan lain seperti peperangan, politik dan perhubungan luar pemimpin boleh memilih pendapat yang paling baik dan sesuai tanpa bergantung kepada suara terbanyak.

PELAJARAN 15 UNIT 2
SISTEM PENTADBIRAN ISLAM

Pengertian Khalifah

Khalifah bermaksud pengganti.

Menurut ulama khalifah diuraikan sebagai pengganti nabi dalam urusan menegakkan keagamaan dan mentadbir urusan keduniaan.. Dari pengertian diatas membuktikan bahawa khalifah bertanggungjawab mengatur kehidupan rakyat dan negara berdasarkan syariat Islam demi kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Istilah-istilah yang digunakan dalam al-Quran yang merujuk kepada pemimpin

- Imam / Imamah (pemimpin)
- Khalifah (Pengganti, pentadbir, penguasa)
- Amir Mukmin (Pemimpin kepada orang-orang mukmin)
- Uli al-Amri (Pemimpin - yang menguruskan kepentingan umat Islam samada urusan keduniaan dan akhirat)

Syarat dilantik sebagai khalifah

1. Seorang Muslim yang mukmin
2. Adil dan saksama
3. Lelaki
4. Berakhlak mulia & Berani
5. Berilmu & memahami masalah negara
6. Berkemampuan dari segi mental & fizikal
7. Berpengaruh & berketurunan baik

Ciri-ciri Khalifah

Seseorang khalifah mestilah mempunyai ciri yang unggul dan berkarimastik. Antara ciri-ciri tersebut ialah :

1. Mempunyai keadaan fizikal dan mental yang sihat dan sempurna
2. Mempunyai keyakinan diri yang jitu
3. Mempunyai ilmu dan pengetahuan yang luas
4. Adil dalam pentadbiran
5. Memiliki semangat yang kuat dan jitu
6. Cepak dalam membuat keputusan
7. Mempunyai ilmu dan pengetahuan yang luas
8. Dapat mengawal emosi dan rasional.
9. Menguasai prinsip perhubungan antara manusia

Tugas & Tanggungjawab Khalifah

1. Melaksanakan hukum Allah SWT tanpa mengira tempat dan masa
2. Sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran
3. Sentiasa menjaga kesucian agama Islam
4. Menjaga kedaulatan dan kemerdekaan negara daripada negara asing
5. Melaksanakan undang-undang secara menyeluruh
6. Berjihad menentang musuh Islam
7. Mengagihkan kekayaan negara kepada mereka yang berhak
8. Melantik orang yang cekap & amanah dalam menguruskan negara..
9. Mengawasi segala urusan negara dan memerhati segala keadaan
10. Memelihara & memulihara alam dan memanfaatkannya
11. Menyeru dan menggalakkan rakyat supaya membangunkan diri, masyarakat dan negara
12. Menjaga keharmonian dan perpaduan untuk kesejahteraan negara

Kesan pengabaian tugas Khalifah

1. Sistem pemerintahan negara menjadi kucar kacir
2. Ekonomi negara menjadi mundur
3. Rasuah akan berleluasa
4. Pemberontakan dan rasa tidak puas hati rakyat akan berlaku
5. Negara akan di jajah oleh kuasa asing
6. Negara berada dalam huru hara

PELAJARAN 15 UNIT 3
RAKYAT

Pengertian Rakyat

Rakyat ialah penduduk bagi sesebuah negara yang terdiri dari pelbagai bangsa dan agama serta keturunan

Rakyat dalam negara Islam

Rakyat Islam

Rakyat Bukan Islam

Kafir Zimmi

Orang bukan Islam yang tinggal dalam negara Islam dan mematuhi segala peraturan negara dan tidak berniat untuk mengkhianati negara Islam

Kafir Harbi

Orang bukan Islam yang tinggal dalam negara Islam dan berniat untuk mengkhianati serta memusnahkan negara Islam. Golongan ini mesti diperangi sebelum mereka memusnahkan negara.

Tanggungjawab Rakyat terhadap Negara

1. Menumpukan sepenuh taat setia kepada negara
2. Bekerjasama dalam membentaras kemungkaran
3. Bekerjasama untuk mempertahankan negara
4. Bekerjasama dalam membangunkan negara
5. Menghormati agama dan adat resam orang lain
6. Menuntut Ilmu yang berguna
7. Menjaga keamanan dan keharmonian negara
8. Menjaga maruah dan nama baik negara
9. Menasihati pemimpin dalam melaksanakan tanggungjawabnya

Hak Rakyat terhadap negara

1. Hak untuk memilih pemerintah dan kerajaan yang adil
2. Hak untuk mendapatkan pendidikan, kesihatan dan bebas bergerak.
3. Hak untuk mendapatkan perlindungan dan jaminan keselamatan
4. Hak untuk mencari harta dan membelanjakannya
5. Hak kebebasan untuk mengeluarkan pendapat dan bersuara

Ciri-ciri Rakyat yang bertanggungjawab

1. Sentiasa melibatkan diri dengan aktiviti sosial
2. Sentiasa taatkan pemimpin
3. Sentiasa memajukan diri sendiri dan negara
4. . Sentiasa mematuhi segala undang-undang

Kesan Pengabaian Tanggungjawab Rakyat.

1. Berlakunya keruntuhan akhlak dan jati diri individu dan rakyat
2. Tugas amar makruf dan nahi mungkar terabai
3. Meningkatnya gejala sosial
4. Pertahanan negara menjadi lemah dan mudah ditembusi oleh musuh
5. Negara mengalami kemunduran dalam pelbagai bidang seperti, ekonomi, politik, sosial, pentadbiran dan sebagainya
6. Berlakunya huru hara dalam negara.

PELAJARAN 15 : SISTEM PEMERINTAHAN ISLAM

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

1. Negara Islam ialah:
 - A Negara yang bersumberkan hukum akal.
 - B Negara yang bersumberkan hukum syarak.
 - C Negara yang diketuai oleh pemimpin Islam.
 - D Negara bersumberkan al-Quran dan Hadis.
2. Pemilihan Ketua Negara Islam mestilah melalui:
 - A Pilihanraya
 - B Musyawarah
 - C Badan Legislatif
 - D Mesyuarat kabinet.
3. Berikut adalah prinsip dasar pembinaan pemerintahan Islam **kecuali**.
 - A Al-Syura
 - B Al-Adalah
 - C Al-Hadih
 - D Al-Huriyyah
4. Berikut adalah elemen-elemen penting dalam pembentukan Negara Islam **kecuali**.
 - A Wilayah
 - B Pilihanraya
 - C Majlis Syura
 - D Ketua Negara
5. Sebuah badan yang mempunyai kuasa membuat, meminda atau memansuhkan undang-undang dari segi perlembagaan.

Kenyataan di atas menerangkan
 - A Badan Eksekutif
 - B Badan Legislatif
 - C Badan Regislatif
 - D Badan Eksklusif

6.
 - Pengiktirafan identiti kaum
 - Kebebasan mengamalkan ajaran agama
 - Kuatkuasa undang-undang
 - Perpaduan

Aspek-aspek di atas adalah merujuk kepada

- A Perlembagaan Islam
B Perlembagaan Makkah
C Perlembagaan Madinah
D Perlembagaan Malaysia
7. Asas pemerintahan Islam berdasarkan kepada
- A Ijma Ulama
B Ijma dan Qias
C Al-Quran dan Hadis
D Perlembagaan Islam
8. Manakah antara berikut ciri-ciri seorang khalifah
- i Pengetahuan yang luas.
ii Memiliki harta kekayaan.
iii Menguasai teknik-teknik berkomunikasi
iv Memiliki keadaan fizikal yang sihat dan sempurna.
- A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D ii, iii dan iv
9. Islam telah menetapkan syarat-syarat untuk menjadi ketua negara. Syarat tersebut adalah.
- i Seorang muslim yang mukmin.
ii Lelaki atau wanita.
iii Berilmu dan mamahami masalah negara.
iv Adil dan saksama.
- A i, ii dan iii
B i, ii dan iv
C i, iii dan iv
D i, iii dan iv
10. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang matlamat negara Islam.
- i Merealisasikan keadilan.
ii Jaminan kebebasan hak asasi.
iii Majlis syura sebagai asas pemerintahan.
iv Menegakkan perundangan dan hukum Allah s.w.t.
- A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

11. Piagam Madinah secara umumnya menyentuh aspek-aspek berikut:

- i Kepimpinan Negara
- ii Pengiktirafan Identiti Kaum
- iii Hak Asasi
- iv Pilihanraya

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

BAHAGIAN B : Respon terhadap

Soalan 12 hingga 19

Lengkapkan pernyataan berikut

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

- 12. Pemerintahan Islam hanya dapat ditegakkan dengan wujudnya _____ tertentu dengan semua rakyat terikat kepada peraturannya.
- 13. _____ merupakan badan permesyuaratan tertinggi negara.
- 14. _____ mestilah dilantik daripada orang yang terbaik dan beliau berautoriti membuat keputusan serta wajib dipatuhi.
- 15. Pada zaman pemerintahan Rasulullah s.a.w. baginda hanya merujuk kepada _____ Allah dalam melaksanakan pemerintahannya.
- 16. Rasulullah s.a.w. telah mendirikan negara dan pemerintahan Islam yang pertama di _____ berdasarkan kepada Al-Quran.
- 17. _____ dalam negara Islam terdiri daripada orang Islam dan orang bukan Islam.
- 18. _____ mempunyai kuasa yang mutlak dan bebas daripada pengaruh badan eksekutif dan legislatif.
- 19. Ahli Majlis Syura mesti mengutamakan Allah s.w.t. dalam membuat sebarang _____ kerana setiap keputusan tersebut mesti dipatuhi.

Soalan 20 hingga 27

Untuk

kegunaan

Pemeriksa

Tandakan (✓) pada pernyataan yang **BETUL**.

Tandakan (x) pada pernyataan yang **SALAH**.

☐	1	20. Makkah adalah sebuah negara Islam yang pertama.	☐
☐	1	21. Ahli Syura pada zaman Khulafa' Ar-Rasyidin dikenali sebagai ahlu halli wal-'aqdi.	☐
☐	1	22. Ketua Negara Islam boleh dilantik dari kalangan wanita berpelajaran.	☐
☐	1	23. Dalam Islam, semua rakyat adalah sama di sisi undang-undang.	☐
☐	1	24. Piagam Madinah merupakan perlembagaan bertulis yang pertama di dunia.	☐
☐	1	25. Rasulullah s.a.w. telah berhijrah ke Taif setelah 13 tahun kerasulan baginda.	☐
☐	1	26. Piagam Madinah juga dikenali sebagai "Sahifah Madinah".	☐
☐	1	27. Dalam Perlembagaan Madinah, masyarakat majmuk yang menganut pelbagai agama tidak diberi kebebasan mengamalkan agama masing-masing.	☐
☐	1	28. Asas pemerintahan Islam berdasarkan al-Quran dan Hadis.	☐
☐	1	29. Makkah al-Mukarramah merupakan kota pertama dalam pemerintahan Islam yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w.	☐
☐	1	30. Ketua negara Islam boleh dilantik sama ada orang Islam ataupun bukan Islam.	☐
☐	1	31. Pada zaman pemerintahan Rasulullah s.a.w. baginda merujuk kepada Hadis dalam melaksanakan pemerintahannya.	☐
☐	1	32. Islam tidak mengharuskan wanita dilantik menjadi pemimpin negara memandangkan tanggungjawab dan fungsinya amat berat.	☐

☐	☐	1	33. Al-Musawah bermaksud mengiktiraf semua manusia adalah sama dari segi hak dan tanggungjawab.	☐
☐	☐	1	34. Al-Adalah bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya.	☐
☐	☐	1	35. Khalifah bertanggungjawab melaksanakan hukum syariat mengikut situasi dan tempat.	☐

Soalan 36 hingga 45


Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Tanggungjawab Rakyat	Y	Hak Rakyat
---	----------------------	---	------------

Untuk kegunaan pemeriksa		Pernyataan	Jawapan
1	36.	Taat setia kepada negara.	
1	37.	Menghormati kebebasan beragama	
1	38.	Mendapat pendidikan	
1	39.	Mendapat perlindungan dan jaminan keselamatan.	
1	40.	Bekerjasama membanteras kemungkaran	
1	41.	Bekerjasama mempertahankan negara.	
1	42.	Kebebasan bersuara dan memberi pendapat.	
1	43.	Mencari harta dan membelanjakannya.	
1	44.	Menasihati pemimpin.	
1	45.	Hak memilih pemerintah.	

Soalan 46 hingga 49

Carta di bawah menunjukkan elemen-elemen penting dalam pembentukan negara Islam.



Nyatakan elemen-elemen bagi:

46. P : _____

47. Q : _____

48. R : _____

49. S : _____

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

Soalan 1 hingga 21

1. Jelaskan pengertian negara Islam.
2. Mengapakah perlunya ditegakkan negara Islam?
3. Jelaskan perbezaan negara Islam dan negara bukan Islam.

4. Nyatakan keistimewaan negara Islam.
5. Mengapakan Rasulullah membentuk satu perlembagaan sewaktu di Madinah?
6. Nyatakan asas pembentukan negara Islam:
7. Terangkan ciri-ciri negara Islam.
8. Senaraikan ciri-ciri masyarakat majmuk yang dikehendaki oleh Islam.
9. Jelaskan kedudukan Rasulullah berdasarkan Perlembagaan Madinah.
10. Nyatakan pengertian khalifah Islam
11. Jelaskan ciri-ciri khalifah Islam
12. Jelaskan mengapa pemerintahan Islam mesti memiliki sifat takwa dan amanah
13. Jelaskan maksud syura.
14. Nyatakan ciri-ciri negara Islam.
15. Mengapakah sistem syura merupakan sistem pemerintahan dan pentadbiran yang terbaik?
16. Negara Islam 'negara kebajikan dan mendapat keampunan Allah s.w.t.'. Bincangkan pernyataan tersebut.
17. Bincangkan peranan kerajaan dalam menerapkan nilai-nilai murni di kalangan rakyat.
18. Islam menghendaki setiap rakyat patuh kepada pemerintah selagi mereka tidak disuruh melakukan maksiat. Huraikan pernyataan di atas.
19. Matlamat perundangan Islam bertujuan menjamin kesejahteraan hidup manusia. Huraikan bagaimana matlamat tersebut dicapai.
20. Setiap muslim hendaklah melaksanakan tanggungjawabnya kepada Allah, Rasul, pemerintah Islam dan negara.
Apakah tanggungjawab setiap muslim terhadap negaranya?
21. Jelaskan implikasi pengabaian tugas khalifah terhadap negara.

PELAJARAN 16 **SISTEM KEHAKIMAN ISLAM**

Pengertian Kehakiman

Kehakiman disebut dalam istilah syarak sebagai al-Qadha.

Menurut bahasa Qadha bererti putus, selesai, menunaikan, membayar, mencegah atau menghalang.

Dari segi Istilah pula Qadha bermaksud suatu keputusan daripada pemerintah/ badan kehakiman dalam sesuatu perbicaraan dimahkamah atau menyampaikan hukum syarak secara penetapan.

Sistem kehakiman merupakan satu unsur penting dalam syariat Islam. Syariat Islam / perundangan Islam mengariskan peraturan hidup individu dan masyarakat yang mencakupi semua bidang kehidupan manusia seperti keagamaan, sosial, akhlak, ekonomi, politik, hubungan antarabangsa dan sebagainya.

Matlamat sistem kehakiman islam

Menegakkan keadilan.

Sistem kehakiman ditegakkan untuk memutuskan sesuatu hukuman secara adil dan saksama. Keadilan dalam sistem kehakiman Islam adalah bersifat menyeluruh tanpa mengira batas kedudukan dan taraf seseorang.

Membela orang yang dizalimi.

Orang yang lemah dan dizalimi perlu dibela oleh pemerintah dan orang yang berkuasa. Dengan wujudnya sistem kehakiman golongan yang lemah akan mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Menentang kezaliman.

Islam menentang sebarang bentuk kezaliman, kerana perbuatan zalim boleh merosakkan diri, keluarga, masyarakat, bangsa, agama dan negara.

Prinsip Kehakiman Islam

1. Bersifat Rabani.

Ini kerana sistem kehakiman Islam bersumberkan wahyu Allah SWT dan hadis Rasulullah SAW dalam menentukan sebarang keputusan dan hukuman yang akan dijatuhkan keatas pesalah.

2. Menegakkan keadilan dan menghapuskan kezaliman

Keadilan merupakan prinsip utama dalam sistem kehakiman Islam. Penghapusan kezaliman dan penganiayaan adalah kunci utama dalam menjamin kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akhirat

3. Menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada melakukan kejahatan.

Menyeru kepada kebaikan dengan cara melaksanakan hukuman yang bersifat pencegahan dan pengajaran kepada manusia, dengan terlaksananya kebaikan sekali gus kejahatan dapat dihindarkan

4. Mengamalkan akhlak yang mulia serta menjaga hubungan yang baik sesama manusia dan makhluk Allah SWT yang lain.

Akhlak mulia dapat diamalkan dengan terlaksananya peraturan dan hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah SWT

Etika Kehakiman Islam

1. Hakim tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak samada pendakwa atau tertuduh
2. Hakim hendaklah jujur dan amanah dalam menjalankan tugasnya.
3. Hakim tidak boleh menghakimi mana-mana orang yang beliau mempunyai kepentingan.
4. Sebarang kesalahan tidak boleh disabitkan jika terdapat keraguan.
5. Hakim mestilah mengikuti peraturan keterangan yang telah ditetapkan iaitu,
 - i. Mendapatkan pengakuan yang bebas dan penuh kerelaan daripada tertuduh
 - ii. Para saksi dalam pembicaraan mestilah adil dan menepati syarat-syarat kesaksian yang telah ditetapkan.
 - iii. Kes yang dibicarakan mestilah dibuktikan melalui bukti-bukti yang nyata serta boleh diterima oleh semua pihak.

Kelayakan Hakim

- Seorang yang berilmu dan bertakwa kepada Allah SWT
- Berfikiran waras dan sentiasa tenang.
- Seorang yang berwibawa dan dihormati oleh orang ramai.
- Seorang yang bijaksana dan berpandangan jauh.
- Seorang yang berani dan tegas dalam menjalankan tugas.

Tanggungjawab hakim.

- Menjatuhkan hukuman dengan adil dan saksama.
- Menjatuhkan hukuman ketika dalam keadaan emosi yang tenang / tidak dalam keadaan marah.
- Menjatuhkan hukuman tanpa ragu-ragu kepada pesalah.
- Membebaskan tertuduh jika terdapat sebarang keraguan.

Keistimewaan Kehakiman Islam

Keistimewaan sistem kehakiman Islam dapat dilihat melalui perlaksanaannya yang menyeluruh. Antaranya

1. Dasar kehakiman dan perundangan nya adalah ciptaan Allah SWT

Peraturan ciptaan Allah SWT tiada cacat celanya serta sesuai diamalkan oleh semua manusia pada semua tempat, waktu dan keadaan

2. Pelaksanaan Sistem kehakiman Islam dapat mendidik jiwa manusia.

Setiap hukuman dan peraturan dalam Islam adalah untuk mendidik jiwa manusia kearah yang lebih baik.

3. Kehakiman Islam menyediakan hukuman dan ganjaran di dunia dan di akhirat.

Allah SWT menjanjikan balasan yang setimpal diatas setiap perbuatan manusia. Jika pesalah terlepas daripada hukuman di dunia mereka tidak akan terlepas daripada hukuman Allah SWT di Akhirat

Sumber Perundangan Islam

Perundangan Islam adalah bersumberkan kepada sumber-sumber yang berikut

- **Al-Quran.**

Al-Quran adalah kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad melalui perantaraan Malaikat Jibrail a.s yang lengkap dan meliputi setiap aspek kehidupan manusia.

2. Al-Hadis

Hadis bermaksud segala perkataan, perbuatan dan pengakuan Rasulullah SAW yang berfungsi untuk menegaskan hukum yang terdapat dalam al-Quran serta memperincikannya, disamping untuk menetapkan hukum yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran

3. Al-Ijmak

Ijmak ialah hasil persepakatan majoriti ulama dalam sesuatu perkara pada masa-masa tertentu tentang sesuatu hukum atau masalah yang tidak jelas nasnya dalam al-Quran atau al-hadis Rasulullah SAW.

4. Al-Qias

Qias ialah menyandarkan sesuatu perkara yang tidak ada hukumnya dalam nas kepada sesuatu hukum asal yang mempunyai nas dalam al-quran kerana wujud persamaan ilat (sebab). Contohnya pengharaman dadah diqiaskan kepada pengharaman arak.

PELAJARAN 16 : SISTEM KEHAKIMAN ISLAM

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

1. Prinsip seorang hakim adalah:

- A Keadilan
- B Keilmuan
- C Kejujuran
- D Kebijaksanaan

2. Matlamat utama Sistem Kehakiman Islam adalah

- A Mengatur kehidupan manusia atas dasar amar ma'aruf nahi mungkar
- B Melahirkan masyarakat yang mengamalkan cara hidup Islam.
- C Memupuk nilai-nilai bekerjasama dalam masyarakat.
- D Menegakkan keadilan menghapus kezaliman.

3. Manakah di antara berikut **bukan** prinsip kehakiman dalam Islam.

- A Bersumber daripada Allah s.w.t.
- B Mempunyai keilmuan yang tinggi.
- C Menyeru kebaikan mencegah kemungkaran.
- D Menegakkan keadilan menghapus kezaliman.

4. Perkataan, perbuatan, pengakuan Nabi Muhammad s.a.w. berfungsi untuk menegaskan hukum dalam al-Quran.

Pernyataan di atas menerangkan tentang _____

- A Al-Ijmak
- B Al-Quran
- C Al-Hadis
- D Al-Qias

5. Kelayakan seorang hakim adalah

- i Berani dan tegas
- ii Beriman dan bertaqwa
- iii Bersih, Cekap, Amanah
- iv Berwibawa dan dihormati

- A i, ii dan iii
- B i , ii dan iv
- C ii , iii dan iv
- D li, iii dan iv

6. Antara tanggungjawab hakim adalah

- A Tidak menjatuhkan hukuman ketika marah
- B Beriman dan bertaqwa kepada Allah S.W.T
- C Mencari saksi dan bukti yang sah
- D Membicarakan pesalah

- 7.
- Berilmu
 - Waras fikiran dan sentiasa tenang
 - Berwibawa dan dihormati
 - Berani dan tegas

Situasi di atas menerangkan tentang

- A Ciri-ciri mukmin
- B Ciri-ciri khalifah
- C Ciri-ciri ulama
- D Ciri-ciri hakim

8. Manakah antara berikut **bukan** cara menegakkan keadilan dalam Sistem Kehakiman Islam?

- A Hukuman yang setimpal mengikut kesalahan.
- B Menjatuhkan hukuman mengikut bangsa dan agama.
- C Hukuman dilaksanakan apabila terdapat bukti dan saksi yang sah.
- D Hukumannya berbentuk pengajaran dan pencegahan kepada semua pihak.

9. Keistimewaan sistem kehakiman Islam ialah:

- i Mendidik jiwa agar mentaati Allah s.w.t.
- ii Memajukan negara dalam pelbagai aspek.
- iii Balasan dan hukuman yang setimpal dengan kesalahan.
- iv Undang-undang dan hukumannya kekal dan tidak berubah.

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

10. Sistem kehakiman Islam membela orang yang dizalimi dengan cara:

- i Membebaskan tertuduh jika ada keraguan.
- ii Keputusan hukuman boleh mengambil kira pandangan orang lain.
- iii Hakim bebas dari pengaruh emosi dalam membuat sesuatu keputusan.
- iv Memutuskan hukuman tanpa ada kepentingan diri dengan mana-mana pihak.

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

BAHAGIAN B : Respon terhad

Soalan 11 hingga 19

Lengkapkan pernyataan berikut

*Untuk
Kegunaan
Pemeriksa*

11. _____ tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak sama ada pendakwa atau tertuduh.
12. Hakim hendaklah _____ dan amanah dalam tugasnya.
13. Hakim tidak boleh mensabitkan kesalahan jika ada _____.
14. Syariat Islam adalah untuk mengatur kehidupan manusia atas dasar _____
15. *Tanggungjawab _____ menjatuhkan hukuman dengan adil dan saksama.*
16. Hakim akan _____ tertuduh jika ada keraguan.
17. Dasar kehakiman dan perundangan Islam adalah ciptaan _____
18. Seorang hakim tidak perlu tunduk kepada sebarang _____ dalam merealisasikan keadilan.
19. Prinsip hakim menegak _____ dan menghapuskan kezaliman.

1

1

1

1

1

1

1

1

1

Soalan 20 hingga 23

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

- | | | | |
|-----|---|--|---|
| 20. | Menyandarkan sesuatu hukum yang tiada hukumnya mengikut nas kepada sesuatu hukum asal. | | 1 |
| 21. | Hasil ijtihad majoriti ulama dalam sesuatu perkara pada masa tertentu yang tidak jelas nasnya sama ada dalam al-quran atau hadis. | | 1 |
| 22. | Perkataan, perbuatan dan pengakuan Nabi Muhammad s.a.w. yang berfungsi untuk menegaskan hukum yang terdapat dalam al-quran. | | 1 |
| 23. | Kalam Allah s.w.t. yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui perantaraan malaikat Jibril. | | 1 |

Soalan 24 hingga 33

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (X) dan (Y) dalam ruangan yang disediakan.

X	Tanggungjawab Hakim
---	---------------------


Y	Kelayakan Hakim
---	-----------------

Untuk kegunaan pemeriksa		Pernyataan	Jawapan
1	24.	Beriman dan bertaqwa kepada Allah s.w.t.	
1	25.	Waras fikiran dan sentiasa tenang.	
1	26.	Membebaskan tertuduh jika ada keraguan.	
1	27.	Tidak menjatuhkan hukuman ketika marah.	
1	28.	Berwibawa dan dihormati.	

1	29.	Menjatuhkan hukuman dengan adil dan saksama.	
1	30.	Berani dan tegas.	
1	31.	Bijaksana dan berpandangan jauh.	
1	32.	Menjatuhkan hukuman tanpa ragu kepada pesalah.	
1	33.	Berilmu.	

Soalan 34 hingga 35.

Carta di bawah menunjukkan sumber-sumber perundangan Islam.




Nyatakan sumber perundangan Islam bagi X dan Y

34. X : _____

35. Y : _____

Soalan 36 hingga 38

Carta di bawah menunjukkan jenis-jenis mahkamah di Malaysia.



Nyatakan jenis-jenis mahkamah yang terdapat di Malaysia

36. P : _____

37. Q : _____

38. R : _____

Soalan 39 hingga 42

Jadual di bawah merujuk kepada perbezaan di antara perundangan Islam dengan perundangan Konvensional.
Lengkapkan jadual di bawah ini.

Perundangan Islam	Perundangan Konvensional
_____ 39 _____	Ciptaan Manusia
Sesuai sepanjang zaman	_____ 40 _____
_____ 41 _____	Boleh diubah serta dipinda
_____ 42 _____	Ada cacat celanya

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

Soalan 1 hingga 6

1. Dalam prosedur kehakiman Islam, hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman dalam keadaan marah.
Kemukakan **dua** hujah mematuhi prosedur tersebut.
2. Nyatakan **empat** daripada ciri-ciri seorang hakim.
3. Terangkan matlamat utama sistem kehakiman Islam.
4. Terangkan **empat** akibat terhadap masyarakat sekiranya hakim tidak berlaku adil dalam perbicaraan.
5. Nyatakan sumber-sumber kehakiman Islam.
6. Nyatakan keistimewaan institusi kehakiman dalam Islam melalui perlaksanaannya.

PELAJARAN 17 **SISTEM SOSIALISLAM**

Pengertian Sistem Sosial Islam

Sistem sosial Islam ialah satu sistem yang mengawal dan mengatur cara pergaulan dan perhubungan sesama manusia dalam menjalani kehidupan masing-masing, yang dibina berdasarkan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT

Sistem sosial Islam diasaskan dengan tujuan untuk mewujudkan kerjasama dalam melaksanakan kebajikan dan mencegah kemungkaran serta merealisasikan keadilan sosial dan kebebasan manusia sejagat dalam menjalani kehidupan secara bersama.

Ciri-ciri Sistem Sosial Islam

Ciri-ciri khusus sistem sosial Islam yang membezakannya dengan sistem sosial konvensional ialah :

1. Berpandukan al-Quran dan al-Hadis Rasulullah SAW
2. Mengutamakan kepentingan umum daripada kepentingan individu
3. Perhubungan sesama manusia adalah atas dasar takwa dan keimanan kepada Allah SWT.
4. Pergaulan sesama manusia adalah mengikut lunas-lunas Islam, samada sesama muslim atau bukan muslim.
5. Mengamalkan akhlak mulia dimana saja kita berada dan dengan siapa saja kita bergaul

Matlamat Sistem Sosial Islam

1. Untuk mendapatkan keredaan Allah SWT
2. Untuk merealisasikan keadilan sosial
3. Untuk melaksanakan hak dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya
4. Untuk memakmurkan alam mengikut ajaran Islam.
5. Untuk mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup di dunia dan di akhirat

Nilai Luhur Sistem Sosial Islam

Sistem sosial Islam yang bersifat Rabanni adalah asas untuk mewujudkan masyarakat yang bertoleransi demi kehidupan yang sejahtera dan harmoni. Nilai-nilai luhur sistem sosial Islam adalah seperti berikut :

1. Ukhuwwah Islamiah

Sistem sosial Islam menjadikan semua manusia adalah bersaudara tanpa mengira warna kulit, kedudukan atau pangkat seseorang. Persaudaran dalam Islam adalah berlandaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT

2. Kasih sayang sesama makhluk

Islam mewajibkan umatnya supaya sama-sama menjaga kebajikan dan keperluan semua manusia tanpa mementingkan diri sendiri dan berprasangka buruk

3. Hormat menghormati/ toleransi / bertolak ansur

Masyarakat Islam wajib sentiasa hormat menghormati antara satu sama lain.

Implikasi pengabaian tanggungjawab sosial

1. Perbalahan dan perpecahan keluarga akan berlaku.
2. Keharmonian, perpaduan dan kesejahteraan masyarakat dan negara akan tergugat
3. Sumber alam tidak dapat dimanfaatkan untuk kesejahteraan masyarakat
4. Gejala sosial akan berleluasa
5. Penyelewengan tanggungjawab dan amanah akan berleluasa seperti rasuah, pecah amanah dan sebagainya

Perbezaan Antara Sistem Sosial Islam dengan Konvensional

Sistem Sosial Islam

Sistem Sosial Konvensional

Bersifat Rabani – Ciptaan Allah SWT	Ciptaan Manusia
Perhubungan sesama manusia diatas dasar keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.	Perhubungan di atas dasar warna kulit, bangsa, keturunan dan kemanusiaan semata-mata
Mengamalkan akhlak mulia walau dimana saja kita berada	Akhlak dan nilai-nilai moral tidak begitu dititik beratkan dalam pergaulan
Berpandukan al-Quran dan al-Hadis	Berpandukan nilai dan pandangan majoriti masyarakat setempat
Mengutamakan kepentingan umum melebihi kepentingan individu	Mengutamakan hak dan kepentingan individu melebihi kepentingan umum
Pergaulan mengikut lunas-lunas Islam	Pergaulan berasaskan kepada nilai-nilai setempat

Persamaan Antara Sistem Sosial Islam dengan Konvensional

1. Untuk merealisasikan keadilan sosial
2. Satu sistem atau peraturan yang mengawal pergaulan dan perhubungan sesama manusia dalam menjalani kehidupan masing-masing
3. Untuk mengatur kehidupan manusia agar lebih sempurna dan bahagia

PELAJARAN 17 : SISTEM SOSIAL ISLAM

KERTAS 1

BAHAGIAN A : Soalan Objektif

Setiap soalan di bawah diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang paling tepat.

1. Berikut adalah cara untuk merealisasikan keadilan sosial dalam sesebuah negara **kecuali**.
 - A Mengagihkan zakat kepada semua ahli masyarakat.
 - B Menyediakan peluang pendidikan kepada rakyat.
 - C Mengenakan tindakan tanpa mengira keturunan.
 - D Menyediakan kemudahan asas kepada rakyat.
2. Antara berikut, yang manakah **bukan** implikasi pengabaian tanggungjawab sosial?
 - A Perbalahan dan perpecahan keluarga.
 - B Keharmonian dan perpaduan tergugat.
 - C Penyelewengan tanggungjawab dan amanah.
 - D Sumber-sumber alam digunakan sebaik-baiknya.
3.

- Mentaati Allah s.w.t.
 - Menjaga kesihatan rohani dan jasmani
 - Mengamalkan akhlak mulia

Pernyataan di atas adalah tanggungjawab manusia terhadap

 - A Keluarga
 - B Diri sendiri
 - C Masyarakat
 - D Makhluk lain
4. Ciri-ciri sistem sosial Islam ialah:
 - i Perhubungan atas dasar iman dan takwa.
 - ii Berpandukan al-Quran dan al-Hadis.
 - iii Mengutamakan kepentingan umum daripada individu.
 - iv Mengutamakan kepentingan individu daripada umum.
 - A i, ii dan iii
 - B i , ii dan iv
 - C i , iii dan iv
 - D ii, iii dan iv

5. Sifat tawakal penting kerana:

- i Menguatkan azam untuk terus berusaha
- ii Meyakini takdir tidak akan berubah
- iii Bersyukur dengan nikmat Allah s.w.t.
- iv Reda dengan ketentuan Allah s.w.t.

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

6. Teguh dan tahan ujian dalam menghadapi dugaan hidup dengan redha, ikhlas dan tawakal kepada Allah s.w.t.

-Imam al-Ghazali-

Pernyataan di atas adalah merujuk kepada maksud:

- A Amanah
- B Sabar
- C Tekun
- D Ikhlas

7. Syarat amalan yang dilakukan menjadi ibadat **kecuali**:

- A Mengikut syariat.
- B Pekerjaan yang halal.
- C Ikhlas kerana Allah s.w.t.
- D Disertakan dengan sifat riak.

8. Antara tanggungjawab manusia kepada Allah s.w.t. adalah:

- i Patuh kepada perintah-Nya.
- ii Sentiasa berdoa.
- iii Reda dan sabar dengan ketentuan-Nya.
- iv Mengutamakan kepentingan umum daripada individu.

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C i, iii dan iv
- D ii, iii dan iv

9. X – memulihara alam dengan membaik pulih dan meningkatkan kualiti alam supaya manusia dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik.

(X) menerangkan tentang:

- A Tanggungjawab manusia sesama manusia.
- B Tanggungjawab manusia dengan keluarga.
- C Tanggungjawab manusia dengan makhluk lain.
- D Tanggungjawab manusia dengan masyarakat.

BAHAGIAN B : Respon terhad

Soalan 10 hingga 18

Lengkapkan pernyataan berikut

*Untuk
Kegunaan
Pemeriksa*

10. Tawakal ialah berserah diri kepada _____ Allah s.w.t. setelah berusaha bersungguh-sungguh melakukan sesuatu.
11. Antara contoh ibadat _____ ialah solat 5 waktu dan puasa di bulan Ramadhan.
12. Setiap perbuatan yang dilakukan dengan niat ikhlas kerana Allah dan mengikut landasan syariat dianggap sebagai _____.
13. Sistem Sosial Islam bersifat _____ dan berteraskan perancangan Allah s.w.t.
14. Perasaan _____ sesama manusia boleh diumpamakan seperti "cubit paha kanan terasa sakit di paha kiri".
15. Manusia bertanggungjawab untuk memelihara dan memulihara _____.
16. Pergaulan dan hubungan sesama manusia dalam menjalani kehidupan dikenali sebagai _____ Islam.
17. Matlamat sistem sosial Islam merangkumi hubungan manusia dengan _____ dan manusia dengan manusia.
18. Slogan rumahku _____ digunakan untuk merealisasikan impian keluarga bahagia.

1

1

1

1

1

1

1

1

1

Soalan 19 hingga 22

Nyatakan istilah bagi perkara berikut.

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

- | | | | |
|-----|--|----------------------|--------------------------------|
| 19. | Berserah diri kepada ketentuan Allah s.w.t. setelah berusaha bersungguh-sungguh. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |
| 20. | Tolak-ansur dan saling memahami serta menghormati pendapat orang lain. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |
| 21. | Bukti kepatuhan hamba kepada pencipta-Nya melalui tindakan dan perbuatan. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |
| 22. | Persaudaraan Islam berlandaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t. | <input type="text"/> | <input type="text" value="1"/> |

Soalan 23 hingga 29


Untuk
kegunaan
Pemeriksa

Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan (X) pada pernyataan yang SALAH.

- | | | | |
|--------------------------------|-----|---|----------------------|
| <input type="text" value="1"/> | 23. | Ibadat bermaksud pengabdian atau kepatuhan kepada Allah s.w.t. | <input type="text"/> |
| <input type="text" value="1"/> | 24. | Sistem Sosial Islam hanya menghubungkan manusia dengan Allah s.w.t. dan manusia sesama manusia. | <input type="text"/> |
| <input type="text" value="1"/> | 25. | Sifat tawakal boleh menyebabkan seseorang cepat putus asa. | <input type="text"/> |
| <input type="text" value="1"/> | 26. | Sistem Sosial Islam bersifat rabbani dan berteraskan perancangan Allah s.w.t. | <input type="text"/> |
| <input type="text" value="1"/> | 27. | Perbezaan warna kulit dan taraf hidup tidak menghalang wujudnya kerjasama dan toleransi. | <input type="text"/> |
| <input type="text" value="1"/> | 28. | Tawakal membawa maksud berserah diri tanpa berusaha bersungguh-sungguh. | <input type="text"/> |
| <input type="text" value="1"/> | 29. | Ibadat boleh dibahagikan kepada empat jenis. | <input type="text"/> |

Soalan 30 hingga 32

Carta di bawah menunjukkan jenis-jenis tanggungjawab sosial.




Nyatakan jenis tanggungjawab sosial bagi petak kosong di atas.

30. X : _____
31. Y : _____
32. Z : _____

Soalan 33 hingga 34 dan 35 hingga 36

Carta di bawah berkaitan dengan hubungan yang telah digariskan dalam sistem sosial Islam.



Nyatakan perkara P dan Q.

33. P : _____
34. Q : _____

Berdasarkan rajah di atas, nyatakan **dua** contoh ibadat yang menghubungkan manusia dengan Allah.

35. i : _____
36. ii : _____

Soalan 37 hingga 39

Jadual di bawah merujuk kepada perbezaan di antara Sistem Sosial Islam dengan Sistem Sosial Ciptaan Manusia.

Sistem Sosial Islam	Sistem Sosial Ciptaan Manusia
_____ 37 _____	Perhubungan atas dasar keluarga atau darjat
Pergaulan terbatas	_____ 38 _____
_____ 39 _____	Mengutamakan kepentingan individu daripada umum

KERTAS 2

Jawab semua soalan berikut. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang berasingan.

Soalan 1 hingga 20

1. Slogan "Rumahku Syurgaku" sering digunakan bagi merealisasikan impian membina keluarga bahagia.
Bagaimanakah cara untuk mencapai slogan 'Rumahku Syurgaku'.
2. Masyarakat yang makmur akan melahirkan negara yang maju.
Terangkan **dua** peranan individu dalam melahirkan masyarakat yang sejahtera.
3. Nyatakan **dua** etika hidup dalam masyarakat berbilang kaum.
4. Jelaskan **dua** kesan jika rakyat tidak mensyukuri nikmat keamanan dan keharmonian negara
5. Terangkan **tiga** cara untuk memupuk tanggungjawab sosial di kalangan ahli masyarakat.
6. Nyatakan perbezaan antara sistem sosial Islam dengan sistem sosial bukan Islam.
7. Jelaskan **tiga** peranan remaja dalam membangunkan sesebuah negara.
8. Nyatakan punca-punca keruntuhan akhlak remaja.
9. Nyatakan aspek sosial Islam yang boleh berubah dan tidak boleh berubah
10. Bagaimanakah cara untuk mencapai Sistem Sosial Islam yang bersifat Rabbani.
11. "Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara" (surah al-Hujurat: 10)
Nyatakan usaha-usaha untuk memperkukuhkan persaudaraan / ukhuwwah Islamiyyah di kalangan masyarakat.

12. Hubungan kekeluargaan amat penting di dalam Sistem Sosial Islam. Jelaskan pernyataan di atas.
13. Bersyukur kepada Allah merupakan salah satu tanggungjawab manusia. Bagaimanakah cara anda bersyukur dengan kurniaan fizikal yang sihat.
14. Nyatakan **dua** contoh amalan dalam keluarga yang boleh mengeratkan kasih sayang serta mendapat rahmat Allah s.w.t.
15. Sistem Sosial Islam bersifat Rabbani dan mempunyai nilai-nilai luhur tertentu. Senaraikan dua daripada nilai tersebut.
16. Terangkan **tiga** akibat jika tidak mengamalkan Sistem Sosial Islam
17. Toleransi adalah amalan yang dituntut dalam Islam. Nyatakan maksud toleransi.
18. Terangkan **dua** bentuk toleransi yang menyalahi tuntutan syarak.
19. Sistem Sosial Islam mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakannya dengan sistem sosial ciptaan manusia. Jelaskan dua perbezaan tersebut.
20. Menurut Imam al-Ghazali, sabar terbahagi kepada beberapa jenis. Nyatakan **dua** daripadanya.

CATATAN